



PARLIMEN MALAYSIA

PANDUAN PENYEDIAAN VERBATIM PENYATA RASMI (HANSARD): *Format Gaya Parlimen Malaysia*



Disediakan bagi rujukan petugas di Seksyen Penyata Rasmi
Dewan Rakyat dan Dewan Negara melalui

BENGKEL PENGUKUHAN HANSARD 2025

"Daripada Lisan ke Laporan: Teknik Penulisan Hansard Berkesan"

pada 8 - 10 Julai 2025

Buku Panduan Penyediaan Verbatim Penyata Rasmi (Hansard): Format Gaya Parlimen Malaysia ini diterbitkan oleh:

PARLIMEN MALAYSIA

Bangunan Parlimen

Jalan Parlimen

50680 Kuala Lumpur

Malaysia

Tel. : +603-2070 1955

Fax : +603-2072 7436

Laman web: www.parlimen.gov.my

Cetakan Pertama (Elektronik): 2026

@ Parlimen Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian terbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukar dalam apa jua bentuk dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman dan sebagainya kecuali dengan keizinan bertulis daripada Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia.



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

eISBN 978-629-98706-6-1

MATLAMAT penyediaan buku...

Panduan Penyediaan Verbatim Penyata Rasmi (Hansard) – Format Gaya Parlimen Malaysia ini diharapkan dapat menjadi panduan dan rujukan pada setiap petugas di Seksyen Penyata Rasmi Dewan Rakyat dan Dewan Negara khasnya, dalam menyediakan laporan penyata rasmi yang tepat, betul dan berkualiti yang memiliki nilai sejarah serta nilai komersial. Selain itu laporan penyata rasmi juga perlu disediakan dengan sesegera mungkin, sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara P. M. 9, Dewan Rakyat P. M. 10 dalam format gaya Parlimen Malaysia yang khas.

JANUARI 2026
Seksyen Penyata Rasmi
Parlimen Malaysia

Format-format :

PENYEDIAAN VERBATIM PENYATA RASMI DEWAN RAKYAT (DR)
 PENYEDIAAN VERBATIM PENYATA RASMI DEWAN NEGARA (DN)
 PENYEDIAAN VERBATIM MAJLIS MENGANGKAT SUMPAH (MMS)
 PENYEDIAAN VERBATIM PENYATA RASMI KAMAR KHAS (KKDR)
 PENYEDIAAN VERBATIM JAWATANKUASA PILIHAN KHAS (JKPK)
 PENYEDIAAN VERBATIM JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
 PENYEDIAAN VERBATIM PERSIDANGAN SPEAKER-SPEAKER SE-MALAYSIA (PSSM)
 PENYEDIAAN VERBATIM PENYATA RASMI DENGAN TATABAHASA PENULISAN YANG BETUL

BENGKEL PENGUKUHAN *HANSARD* 2025
“Daripada Lisan ke Laporan: Teknik Penulisan Hansard Berkesan”

8 HINGGA 10 JULAI 2025
DI BILIK BANKUET, PARLIMEN MALAYSIA

URUS SETIA	: SHARIFAH NOR ASILAH BINTI SYED BASIR
	: SYAZA WAHEEDA BINTI MOHD DZARIF
	: WAN NUR FALIQHA BINTI WAN HAZANI
	: NIK NOR ASHIKIN BINTI NIK HASSAN
	: NOR AFINA BINTI MOHAMED RASHID
	: MUHAMMAD AKMAL BIN MD YUSOFF
	: MUHAMAD SHAFIQ BIN AHAMAD
	: SITI NOR AISYAH BINTI MOHD JAID
	: SUHAILA BINTI SARIFFUDDIN
	: HIZAMIHATIM MAGGISA JUARAH
 PENCERAMAH	
Format Dewan Rakyat	: MOHD IZWAN BIN MOHD ESA
Format Dewan Negara	: NORAIDAH BINTI MANAF
Jawatankuasa Pilihan (Dewan Rakyat dan Dewan Negara)	: ALZIAN BINTI BAHARUDDIN
Kamar Khas	: ROSNA BINTI BUJAIROMI @BIJIRANI
Penyuntingan dan Tatabahasa	: NOR HAMIZAH BINTI HASSAN
 EDITOR PENYELENGGARA	: MONARITA BINTI MOHD HASSAN
REKAAN KULIT BUKU	: MOHD IZWAN BIN MOHD ESA



**PANDUAN
FORMAT PENYEDIAAN VERBATIM
PENYATA RASMI (*HANSARD*)
DEWAN RAKYAT**

KANDUNGAN – BAHAGIAN 1

Bil.	Tajuk	M/S
	PENDAHULUAN	1
1.	PROKLAMASI SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG MEMANGGIL PARLIMEN UNTUK BERMESYUARAT	2
2.	PEMILIHAN TUAN YANG DI-PERTUA	3-4
3.	TUAN YANG DI-PERTUA MENGANGKAT SUMPAH	5
4.	UPACARA MENGANGKAT SUMPAH AHLI-AHLI	5-6
5.	PEMILIHAN DUA ORANG TIMBALAN YANG DI-PERTUA	6-7
6.	PEMAKLUMAN PETI UNDI DILAKRIKAN	8
7.	LAFAZ IKRAR RUKUN NEGARA	9
8.	PEMASYHURAN DARIPADA TUAN YANG DI-PERTUA	
	(A) Pelantikan Ketua Pembangkang	10
	(B) Salinan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong	10
	(C) Lain-lain Pemasyhuran Tuan Yang di-Pertua	11
9.	AKTA-AKTA YANG TELAH DIPERKENANKAN	12
10.	PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA	13
11.	UCAPAN TAKZIAH	14
12.	PENERANGAN DARIPADA Y.B. MENTERI DI BAWAH P.M. 14(1)(i)	15
13.	PENGESAHAN SETIAUSAHA KEPADA MAJLIS DI BAWAH P.M. 4(7)	16
14.	MENIMBANG SEMULA SUATU RANG UNDANG-UNDANG	17
15.	WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI	18-19
16.	PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN	20-22
17.	RANG UNDANG-UNDANG	
	(A) Rang Undang-undang biasa	
	(i) Bacaan Kali Yang Pertama	23
	(ii) Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga (<i>dasar</i>)	24-25
	(iii) Bacaan Kali Yang Kedua (<i>dasar</i>) – <i>menyambung semula perbahasan</i>	26

Bil.	Tajuk	M/S
	(iv) Bacaan Kali Yang Kedua (<i>dalam Jawatankuasa – tiada perbahasan</i>)	27
	(v) Bacaan Kali Yang Kedua (<i>dalam Jawatankuasa – ada perbahasan / pindaan</i>)	28-29
(B)	Rang Undang Perbekalan	
	(i) Bacaan Kali Yang Pertama	30
	(ii) Bacaan Kali Yang Kedua – <i>Huraian Menteri Kewangan</i>	31-32
	(iii) Bacaan Kali Yang Kedua – <i>Menyambung perbahasan (dasar)</i>	33-34
	(iv) Bacaan Kali Yang Kedua – <i>Jawatankuasa (Hari Pertama)</i>	35-37
	(v) Bacaan Kali Yang Ketiga	38-39
(C)	Rang Undang-undang Perlembagaan	
	(i) Bacaan Kali Yang Pertama	40
	(ii) Bacaan Kali Yang Kedua	41-43
	(iii) Bacaan Kali Yang Ketiga	44
18.	USUL-USUL	
(A)	Usul tidak perlu dibahas dan diputuskan	
	(i) Usul di Bawah P.M. 62	45
	(ii) Usul di Bawah P.M. 54(1)	46-47
(B)	Usul perlu diputuskan tanpa perbahasan	
	(i) Usul Jalan-jalan Masuk ke Parlimen	48
	(ii) Usul di Bawah P.M. 12(1)	49
	(iii) Usul di Bawah P.M. 14(2)	50
	(iv) Usul di Bawah P.M. 54(2)	51-52
	(v) Usul di Bawah P.M. 76	53
	(vi) Usul di Bawah P.M. 81(1)	54
	(vii) Usul di Bawah P.M. 90(2)	54
(C)	Usul perlu diputuskan dan ada perbahasan	
	(i) Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja (<i>hari pertama</i>)	55-56

Bil.	Tajuk	M/S
(ii)	Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja (<i>menyambung semula perbahasan</i>)	57-58
(iii)	Usul Menteri dalam <i>Aturan Urusan Mesyuarat</i>	59-60
(iv)	Usul di Bawah P.M. 27(3)	61-63
(v)	Usul di Bawah P.M. 30(1)	64-65
(vi)	Usul di Bawah P.M. 77(2)	66
(vii)	Usul di Bawah P.M. 86(5)	67-69
(D)	Usul tidak perlu diputuskan dan ada perbahasan	
(i)	Usul di Bawah P.M. 18(1)	70-72

PENDAHULUAN

(A) Tugas Pelapor:

- (i) membuat catatan mengenai perbahasan/keadaan/situasi di dalam Dewan
- (ii) menaip draf laporan prosiding secara verbatim

(B) Tugas Subeditor:

- (i) menyemak draf laporan prosiding yang dibuat oleh pelapor
- (ii) memastikan draf laporan yang dibuat menggambarkan keadaan yang sama seperti dalam Dewan

(C) Format umum verbatim Penyata Rasmi (*Hansard*) :

- (i) *Font — Arial*
- (ii) *Saiz Font — 11*
- (iii) *Paragraf — 1.5 spacing*

(D) Format permulaan mesyuarat Dewan:

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA
Rabu, 5 Mac 2025
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor)
mempengerusikan Mesyuarat]*

1. PROKLAMASI SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG MEMANGGIL PARLIMEN UNTUK BERMESYUARAT

PROKLAMASI KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG MEMANGGIL PARLIMEN UNTUK BERMESYUARAT

10.04 pg.

Setiausaha [Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin]: *[Membaca Proklamasi oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong]*

“PROKLAMASI OLEH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG, DENGAN KURNIA ALLAH, KETUA UTAMA NEGARA BAGI NEGERI-NEGERI DAN WILAYAH-WILAYAH MALAYSIA.”

BAHAWASANYA, Parlimen telah dibubarkan pada 10 hari bulan Oktober, 2022;

DAN BAHAWASANYA Fasal (4) Perkara 55 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Parlimen hendaklah dipanggil bermesyuarat pada suatu tarikh tidak lewat daripada 120 hari dari tarikh pembubaran itu;

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH, dengan Kurnia Allah, Yang di-Pertuan Agong bagi negeri-negeri dan wilayah-wilayah Malaysia, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada BETA di bawah Perkara 55 Perlembagaan Persekutuan, DENGAN INI MEMANGGIL Parlimen untuk bermesyuarat dan menetapkan sembilan belas hari bulan Disember, dua ribu dua puluh dua, dan pukul sepuluh pagi, sebagai tarikh dan waktu bagi Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Parlimen Malaysia Yang Kelima Belas yang akan diadakan di Bangunan Parlimen di Kuala Lumpur, Ibu Kota Persekutuan.

DIPERBUAT di Istana Negara BETA di Kuala Lumpur, Ibu Kota Persekutuan, pada 28 hari bulan November 2022.

Dengan Titah Perintah Baginda

t.t

DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM

Perdana Menteri

[DR-19122022]

2.

PEMILIHAN TUAN YANG DI-PERTUA

PEMILIHAN TUAN YANG DI-PERTUA

Setiausaha: Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut perkara 57 Perlembagaan Persekutuan dan mengikut aturan yang dinyatakan di dalam Peraturan Mesyuarat 1. Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat akan menjalankan urusan memilih Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Saya telah menerima dua cadangan untuk pemilihan Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Cadangan itu datangnye daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam suratnya bertarikh 5 Disember 2022 dan dari Yang Berhormat Larut bertarikh 5 Disember 2022.

Oleh yang demikian, saya dengan segala hormatnya mempersilakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengemukakan cadangan memilih Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Setiausaha, saya mencadangkan Yang Berbahagia Datuk Johari bin Abdul dipilih menjadi Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. *[Tepuk]*

Timbalan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya menyokong Usul itu. *[Tepuk]*

Setiausaha: Yang Berhormat Larut, dipersilakan untuk mengemukakan cadangan untuk memilih Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Datuk Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam bahagia. Saya mohon mencadangkan bahawa Yang Berbahagia Tan Sri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad dipilih menjadi Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. *[Tepuk]*

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Tuan Setiausaha, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Setiausaha: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab terdapat lebih daripada seorang yang dicadangkan dan disokong untuk menjadi Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 4(3), Majlis Mesyuarat akan membuat pilihan memilih Tuan Yang di-Pertua dengan undi bersurat.

Bagi maksud undi bersurat, pegawai-pegawai Dewan akan mengedarkan kertas-kertas undian kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat diharap dapat mengisi kertas itu dengan sempurna dengan menulis nama calon yang dipilih dan

menandatangani dengan nama ahli yang memilih. Lepas itu, lipat kertas itu dan serahkan kepada Setiausaha untuk dikira.

Saya akan mengambil keputusan undi ini sebaik sahaja ia dikira. Pegawai-pegawai Dewan, akan mengedarkan kertas-kertas kepada Ahli-ahli Yang Berhormat mengikut Blok.

[Kertas-kertas undian diedarkan]

Setiausaha: Ahli-ahli Yang Berhormat telah menerima kertas undi seorang satu. Dipersilakan mengisi kertas undi itu dengan sempurna dan menandatangani dengan nama ahli yang memilih. Selepas itu lipat kertas itu dan tunggu sehingga dipungut oleh pegawai-pegawai Dewan.

[Pengundian dijalankan]

[Pengiraan undi dijalankan]

10.24 pg.

Setiausaha: Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusan undi adalah seperti yang berikut:

- Yang Berbahagia Dato' Johari bin Abdul mendapat 147 undi. *[Tepuk]*
- Yang Berbahagia Tan Sri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad mendapat 74 undi. *[Tepuk]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, maka menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memasyhurkan bahawa Yang Berhormat Dato' Johari bin Abdul dipilih sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. *[Tepuk]* Majlis dengan itu mempersilakan Yang Berhormat Dato' Johari bin Abdul masuk ke Dewan.

[Yang Berhormat Dato' Johari bin Abdul masuk ke dalam Dewan dan dipakaikan jubah oleh Setiausaha, kemudian menuju ke Kerusi]

[DR-19122022]

Nota:

- *Keutamaan format Pemilihan Tuan Yang di-Pertua adalah berdasarkan Nota Speaker*

3. **TUAN YANG DI-PERTUA MENGANGKAT SUMPAAH**

TUAN YANG DI-PERTUA MENGANGKAT SUMPAAH

Tuan Yang di-Pertua: *Bismillahirrahmanirrahim.* Saya Johari bin Abdul, setelah dipilih memegang jawatan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dengan sesungguhnya bersumpah bahawa saya akan dengan jujur menunaikan kewajipan-kewajipan jawatan itu dengan segala daya upaya saya bahawa saya akan menumpahkan taat setia yang sebenar pada Malaysia dan akan memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaannya. *[Tepuk]*

[Tuan Yang di-Pertua menurunkan tandatangan pada Buku Sumpah dan Ikrar]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

[DR-19122022]

4. **UPACARA MENGANGKAT SUMPAAH AHLI-AHLI**

UPACARA MENGANGKAT SUMPAAH AHLI-AHLI

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sampailah kita kepada Upacara Mengangkat Sumpah.

Untuk menjimatkan masa, saya meminta Ahli-ahli Yang Berhormat keluar dan mengangkat sumpah di rostrum seorang demi seorang. Ahli-ahli akan mengangkat sumpah di rostrum. Sila sebutkan nama masing-masing mengikut nama dalam Kad Pengenalan selepas membaca perkataan, "Saya..." dalam teks Sumpah yang disediakan di atas rostrum berkenaan.

Semasa seorang Ahli sedang mengangkat sumpah, Ahli-ahli lain telah sedia bergerak meninggalkan tempat duduk masing-masing. Dalam tempoh yang sama, tiga orang Ahli telah sedia berdiri di belakang Ahli yang sedang mengangkat sumpah. Sebaik sahaja Ahli yang mengangkat sumpah selesai, maka Ahli yang berkenaan akan terus menandatangani Buku Sumpah yang ada di atas meja yang telah disediakan, dan kemudian balik ke tempatnya. Sementara itu, Ahli yang menunggu di belakang terus mara mengangkat sumpah mengikut susunan gilirannya dan kekosongan tempatnya digantikan oleh Ahli lain yang sedang menunggu di laluan hala menuju ke tempat mengangkat sumpah dan seterusnya.

Sekarang saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengangkat sumpah, diikuti oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, dan seterusnya Ahli-ahli Yang Berhormat. Silakan.

[Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah]

1. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim
2. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi
3. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Fadillah bin Yusof.....

.....Editor perlu memasukkan nama kesemua Ahli yang mengangkat sumpah.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sekalian, *alhamdulillah* selesai sudah Upacara Mengangkat Sumpah.

[DR-19122022]

5. PEMILIHAN DUA ORANG TIMBALAN YANG DI-PERTUA

PEMILIHAN DUA ORANG TIMBALAN YANG DI-PERTUA

Setiausaha: Saya telah menerima tiga cadangan untuk pemilihan dua Timbalan Tuan Yang di-Pertua. Cadangan pertama, datangnya daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam suratnya bertarikh 5 Disember 2022.

Cadangan kedua datang daripada Yang Berhormat Kota Bharu, dalam suratnya bertarikh 5 Disember 2022. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mencadangkan pemilihan dua orang Timbalan Yang di-Pertua Rakyat.

Perdana Menteri [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Yang Berhormat Dato' Ramli bin Mohd Nor, Cameron Highlands; dan Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng, Lanang, dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perladangan dan Komoditi [Dato' Seri Fadillah bin Yusof]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Setiausaha: Yang Berhormat Kota Bharu akan mencadangkan Usul Memilih Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin, Masjid Tanah dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Terima kasih.

Tuan Kalam bin Salan [Sabak Bernam]: Sokong, sokong.

Datuk Ahmad Amzad bin Mohamed [Kuala Terengganu]: Tuan Yang di-Pertua, Kuala Terengganu menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab ada tiga orang Ahli Yang Berhormat telah dicadangkan dan disokong untuk menjadi Timbalan Yang di-Pertua, dan oleh sebab Perkara 57(1)(b), Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan hanya dua orang Timbalan Yang di-Pertua yang dipilih di kalangan Ahli Dewan Rakyat, maka mengikut Peraturan Mesyuarat 6(2), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Majlis Mesyuarat akan membuat pemilihan dua orang Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dengan undi bersurat.

Maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 4(3), Majlis Mesyuarat akan membuat pemilihan untuk memilih Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, dengan undi bersurat.

Bagi maksud pilihan undian bersurat, pegawai-pegawai Dewan akan mengedarkan Kertas-kertas Undi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Ahli-ahli Yang Berhormat diharap dapat mengisi kertas itu dengan sempurna dengan menuliskan hanya dua nama calon sahaja, nama calon yang dipilih dan menandatangani. Selepas itu, lipat kertas itu dan serahkan kepada Setiausaha untuk dikira.

Saya akan mengumumkan keputusan undi itu sebaik sahaja dikira.

Pegawai-pegawai Dewan yang berkenaan, sila datang ke meja Setiausaha dan ambil Kertas-kertas Undi dan edarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat ke Blok masing-masing. Silakan.

[Kertas-kertas Undian diedarkan]

.....

[Pengiraan undi dijalankan]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusan undian adalah seperti berikut:

1. Yang Berhormat Dato' Ramli bin Mohd Nor (Cameron Highlands) mendapat 148 undi *[Tepuk]*
2. Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng (Lanang) mendapat 146 undi *[Tepuk]*
3. Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin (Masjid Tanah) mendapat 74 undi *[Tepuk]*

Dengan itu, saya mengisytiharkan bahawa Yang Berhormat Dato' Ramli bin Mohd Nor, Ahli Parlimen Cameron Highlands dan Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng, Ahli Parlimen Lanang telah dipilih sebagai Timbalan-Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.
[Tepuk]

[Timbalan-timbalan Yang di-Pertua mengambil tempat yang disediakan]

[DR-19122022]

6.

PEMAKLUMAN PETI UNDI DILAKRIKAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 4(7), sekarang saya dengan ini meminta Setiausaha menyimpan kertas-kertas undi yang dijalankan dalam pengundian tadi di dalam peti undi dan dilakrikan. Peti undi yang telah dilakrikan itu akan disimpan di bawah jagaan Setiausaha selama satu bulan dan selepas itu tertakluk kepada apa-apa perintah yang diterima daripada Majlis Mesyuarat ini, Setiausaha hendaklah membakar kertas-kertas undi itu dan seterusnya mengesahkan kepada Majlis Mesyuarat ini bahawa kertas-kertas undi telah dibakar.

[DR-19122022]

Nota:

- *Pemakluman dibuat sekiranya berlaku undian semasa pemilihan Tuan Yang di-Pertua dan pemilihan dua orang Timbalan Yang di-Pertua.*

7.

LAFAZ IKRAR RUKUN NEGARA**LAFAZ IKRAR RUKUN NEGARA***[Dilafazkan oleh Setiausaha]*

Bahawasanya Negara kita Malaysia
mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan
seluruh masyarakatnya

Memelihara satu cara hidup demokratik

Mencipta satu masyarakat adil di mana kemakmuran Negara
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama

Menjamin satu cara liberal terhadap tradisi-tradisi
kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan
sains dan teknologi moden

[Dilafazkan oleh semua Ahli Dewan]

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan
menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami
untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan
atas prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELURUHAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

*[DR-04022025]***Nota:**

- *Lafaz dibuat di dalam Dewan Rakyat hanya pada Bilangan 2, Mesyuarat Pertama bagi permulaan setiap Penggal Parlimen.*

8. PEMASYHURAN DARIPADA TUAN YANG DI-PERTUA

(A) Pelantikan Ketua Pembangkang

PELANTIKAN KETUA PEMBANGKANG

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 4A(3), saya suka hendak memaklumkan iaitu mengikut maklum balas yang saya terima, saya berpuas hati bahawa Yang Berhormat Dato' Seri Hamzah bin Zainudin, Ahli Parlimen Larut telah mendapat sokongan untuk dilantik sebagai Ketua Pembangkang. *[Tepuk]* Tahniah.

[DR-19122022]

(B) Salinan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

SALINAN TITAH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Tuan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh* dan salam sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya memaklumkan bahawa Majlis ini iaitu pada hari Isnin, 3 Februari 2025, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Diraja dalam Parlimen.

Saya telah menerima sesalinan Titah Diraja, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu dan seterusnya sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Diraja itu dibentangkan di atas Meja Mesyuarat dan seterusnya dicetak dalam *Penyata Rasmi*.

[Salinan Titah Diraja adalah seperti di Lampiran]

*****Editor Lampirkan Teks Titah Diraja di halaman akhir*****

[DR-04022025]

(C) Lain-lain Pemasyhuran Tuan Yang di-Pertua**PEMASYHURAN DARIPADA TUAN YANG DI-PERTUA**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Ketiga, Penggal Ketiga, Parlimen Kelima Belas bersidang mulai hari ini, 14 Oktober hingga 12 Disember 2024 selama 35 hari. Antara urusan penting yang akan dibahas dan dipertimbangkan dalam Mesyuarat ini ialah Belanjawan 2025 dan juga rang undang-undang serta usul. Mesyuarat kali ini dijangka akan kerap bersidang hingga waktu malam.

Saya turut mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat supaya pemakaian Batik Malaysia berleungan panjang hanya dibenarkan kepada hari Khamis sahaja. Ahli Yang Berhormat juga boleh tidak memakai tali leher apabila memakai *long suit* di Dewan ini.

Dalam pada itu, saya ingin menarik perhatian bahawa pada 17 Julai 2024 yang lalu, saya telah memaklumkan kepada semua Ahli Yang Berhormat berkenaan kewajipan melaksanakan pemeriksaan kesihatan oleh Ahli Yang Berhormat.

[DR-14102024]

9.**AKTA-AKTA YANG TELAH DIPERKENANKAN****AKTA-AKTA YANG TELAH DIPERKENANKAN**

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu bahawa Duli Yang Maha Mulia Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan limpah kurnia Baginda telah memperkenalkan akta-akta berikut:

1. Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2025; dan
2. Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2025.

[DR-04022025]

10.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam Mesyuarat Ketiga, Penggal Ketiga, Parlimen Kelima Belas tahun 2024 yang lalu. Saya menjemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

“19 Disember 2024

Perutusan Daripada Dewan Negara kepada Dewan Rakyat

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan rang undang-undang yang berikut:

1. (D.R.42/2024) Rang Undang-undang Ordinan Buruh Sabah (Pindaan) 2024.
2. (D.R.32/2024) Rang Undang-undang Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pindaan) 2024.
3. (D.R.13/2024) Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2024.
4. (D.R.45/2024) Rang Undang-undang Perbekalan 2025.
5. (D.R.59/2024) Rang Undang-undang Keselamatan Dalam Talian 2024.

.....

Yang Ikhlas,

t.t

“YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA”

[DR-04022025]

UCAPAN TAKZIAH**UCAPAN TAKZIAH KEPADA KELUARGA ALLAHYARHAM
TUN DAIM BIN ZAINUDDIN**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan perasaan dukacita, saya ingin mengumumkan kepada Ahli Yang Berhormat sekalian bahawa Tun Daim bin Zainuddin, mantan Ahli Parlimen Kuala Muda dan Merbok, yang juga bekas anggota pentadbiran Persekutuan telah kembali ke rahmatullah pada hari ini, Rabu 13 November 2024.

Saya bagi pihak Ahli-ahli Dewan ini dan pihak Parlimen seluruhnya, ingin merakamkan ucapan takziah kepada seluruh ahli keluarga Allahyarham Tun Daim bin Zainuddin. Saya mengharapkan seluruh keluarga Allahyarham terus tabah dalam menghadapi situasi ini.

Kita berdoa semoga Allah SWT mencucuri rahmat ke atas Allahyarham serta ditempatkan di kalangan orang-orang yang soleh serta lagi beriman.

Untuk makluman, beliau telah berkhidmat sebagai Senator dari tahun 1980 hingga 1982. Seterusnya, sebagai Ahli Parlimen Kuala Muda dan Merbok sejak tahun 1982 hingga 2003.

Kepada yang beragama Islam diminta sedekahkan *Al-Fatihah* kepada Allahyarham Tun Daim bin Zainuddin. Manakala pada yang bukan beragama Islam, minta bertafakur.

Al-Fatihah.

[Ahli-ahli bangun bertafakur]

[DR-13112024]

12. PENERANGAN DARIPADA YB MENTERI DI BAWAH P.M. 14(1)(i)

PENERANGAN DARIPADA MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN DI BAWAH P.M 14(1)(i)

PENJELASAN LANJUT BERKENAAN SITUASI SEMASA INDUSTRI BERAS NEGARA

12.16 tgh.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan [Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu]: *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam Malaysia MADANI.

Tuan Yang di-Pertua, segala puji dan syukur juga ke hadrat Ilahi kerana izin-Nya Mesyuarat pada hari ini dapat dilaksanakan. Bagi pihak Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, saya ingin menzahirkan penghargaan dan terima kasih atas peluang yang diberikan untuk membentangkan situasi semasa industri padi dan beras negara.

..... → *[PENERANGAN MENTERI]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Ahli-ahli Yang Berhormat, penerangan daripada Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ini dibuka untuk Ahli-ahli meminta penjelasan dan memberi pandangan.

..... → *[PERBAHASAN]*

2.37 ptg.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan [Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu]: Terima kasih kepada...

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Lima minit untuk jawab sahaja.

Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu: ...Empat orang yang bertanya. Selalunya Tuan Speaker, *Minister statement* ini tidak ada bahas, tetapi saya beritahu pihak pejabat Speaker supaya ada sekurang-kurang empat orang membuat persoalan.

..... → *[JAWAPAN MENTERI]*

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

[DR-13022025]

Nota:

- *Sesi Penerangan boleh berlaku dalam keadaan ada perbahasan dan tanpa perbahasan.*
- *Format yang sama digunakan untuk sesi Penerangan Pengerusi Jawatankuasa di bawah P.M. 14(1)(ia).*

13. PENGESAHAN SETIAUSAHA KEPADA MAJLIS DI BAWAH P.M. 4(7)

PENGESAHAN SETIAUSAHA KEPADA MAJLIS
DI BAWAH P.M. 4(7)

KERTAS-KERTAS UNDI DIBAKAR

Setiausaha: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Rakyat, mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 4(7) dan susulan daripada pemilihan Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat pada 19 Disember 2022 yang lalu, saya dengan ini mengesahkan kepada Majlis bahawa kertas-kertas undi bagi pemilihan tersebut telah pun dibakar.

[DR-14022023]

14.

MENIMBANG SEMULA SUATU RANG UNDANG-UNDANG**MENIMBANG SEMULA SUATU RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG
KECEKAPAN DAN KONSERVASI TENAGA 2023**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti yang dibacakan oleh Setiausaha sebentar tadi, berkenaan dengan Rang Undang-undang Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2023 yang telah dipersetujui oleh Dewan Negara dengan pindaan kepada Fasal 1, Kertas Pindaan tersebut telah diletak di atas meja Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya telah menimbang pindaan itu di bawah Peraturan Mesyuarat 73(1) dan saya mendapati bahawa pindaan itu adalah menepati tujuan Dewan ini dan hanya melibatkan pindaan satu fasal sahaja. Oleh yang demikian, saya dengan ini memaklumkan kepada Majlis akan hal itu dan memohon Majlis memerintahkan supaya pindaan itu terus dipertimbangkan. Saya memerintah perkara ini hendaklah ditimbang pada suatu hari yang akan ditetapkan dalam *Aturan Urusan Mesyuarat*.

[DR-24062024]

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Baik, Yang Berhormat, kita mula sesi pada hari ini. Saya memulakan soalan-soalan bagi pertanyaan-pertanyaan Menteri dengan mempersilakan Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir, Yang Berhormat Setiu.

..... → *[VERBATIM SOALAN AHLI PARLIMEN]*

1. Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya berbunyi, minta Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam menyatakan tindakan tegas yang telah diambil oleh kementerian dalam membanteras penyeludupan *e-waste* ke dalam negara, susulan serbuan besar-besaran ke atas kilang haram memproses sisa elektronik di beberapa buah negeri baru-baru ini. Sekian, terima kasih

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam [Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad]: Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana kita lihat, banyak perhatian sedang diberikan tentang soalan. Tentang isu menyeludup *e-waste* ke dalam negara.

..... → *[VERBATIM JAWAPAN MENTERI]*

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Okey, terima kasih Menteri atas jawapan yang diberikan. Saya ucapkan terima kasih kepada pihak polis kerana telah bertindak pantas dalam menyerbu dan membongkar operasi hilang *e-waste* haram ini.

..... → *[VERBATIM SOALAN TAMBAHAN 1]*

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya apa tindakan kawal selia yang kita buat? *Alhamdulillah* ya saya boleh katakan terdapat kerjasama yang baik daripada semua pihak. Isu *e-waste* ini memang isu yang serius.

..... → *[VERBATIM JAWAPAN MENTERI]*

Tuan Lee Chuan How [Ipoh Timor]: Terima kasih Timbalan Speaker. Kita sedang bincang tentang *Basel Convention*. Kita tahu kereta-kereta luput atau kereta-kereta lupus yang telah dilupuskan memang tertakluk di bawah *Basel Convention*, tetapi sekiranya ia nya

telah dipecahkan secara *past*-nya dengan izin, boleh ada ruang bagi pertimbangan untuk diimport bagi *extraction or recovery of mineral*, dengan izin.

..... → *[VERBATIM SOALAN TAMBAHAN 2]*

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad: Terima kasih. *Basel Convention* ini untuk soal barangan-barangan bahaya yang masuk ke dalam negara. Sebenarnya kalau dalam keadaan asal kalau sudah dia muda- misalnya saya bagi contoh ya, komputer lama ataupun iPad lama atau telefon lama, dalam keadaan yang *intact* sebenarnya itu biasanya bukan dikira sebagai *e-waste*, tetapi kalau sudah mula dileraikan dan ada bahagian-bahagian di dalamnya itu baharu dikira sebagai *e-waste*.

..... → *[VERBATIM JAWAPAN MENTERI]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat, duduk. Berikut Yang Berhormat sekarang tamatlah sesi untuk Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri pada hari ini.

[Sesi Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]

[DR-06032025]

[DR-24062024]

Nota:

- *Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri hanya ada pada hari Selasa dan Khamis sahaja (namun tertakluk kepada Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat)*

16.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

Tuan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Kita mulakan Sesi Pertanyaan Jawab Lisan dengan saya menjemput Dato' Adnan bin Haji Abu Hassan, Kuala Pilah.

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]: Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan Kuala Pilah di nombor 1.

1. **Dato' Haji Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, strategi untuk membantu orang kurang upaya (OKU) mendapatkan akses kepada pekerjaan yang sewajarnya memandangkan masih kurang kesedaran, kesediaan dan keyakinan majikan untuk mengambil pekerja OKU serta ketiadaan aksesibiliti di tempat kerja menyukarkan OKU untuk diterima bekerja dalam pelbagai sektor pekerjaan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Abdul Rahman bin Haji Mohamad]: Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Terima kasih Yang Berhormat.

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) amat prihatin berkenaan penyertaan golongan orang kurang upaya dalam pasaran pekerjaan negara dalam memperkasakan usaha kerajaan untuk membantu OKU.

..... → *[VERBATIM JAWAPAN MENTERI]*

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Saya jemput Kuala Pilah.

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]: Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Yang Berhormat pada tahun 2016, kementerian pernah memberi pelepasan cukai satu per sepuluh daripada jumlah perbelanjaan keseluruhan setiap 10 tahun bagi majikan yang menyediakan kemudahan seperti tandas dan bangunan mesra OKU.

..... → *[VERBATIM SOALAN TAMBAHAN 1]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila Menteri.

Dato' Sri Abdul Rahman bin Haji Mohamad: Terima kasih Yang di-Pertua. Llepasan cukai tersebut adalah daripada segi inisiatif yang diberikan oleh pihak kerajaan iaitu dia terus diberikan kepada pekerja OKU sebanyak RM600 sebulan.

..... → *[VERBATIM JAWAPAN MENTERI]*

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Terima kasih. Ya, saya jemput Pendang.

Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahirrahmanirrahim.* Terima kasih Tan Sri Yang di-Pertua.

..... → *[VERBATIM SOALAN TAMBAHAN 2]*

Tuan Yang di-Pertua: Baik, silakan Menteri.

Dato' Sri Abdul Rahman bin Haji Mohamad: Terima kasih Yang Berhormat di-Pertua. Terima kasih Pendang.

Pertamanya, persoalan ini sebenarnya beberapa inisiatif yang telah kita lakukan bagi memastikan orang kurang upaya ini mendapat latihan kemahiran dan akses kepada pekerjaan, yang dipersoalkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Kita sebenarnya memberi juga persijilan iaitu di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia.

..... → *[VERBATIM JAWAPAN MENTERI]*

[Soalan No. 2 - YB. Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim (Kuala Terengganu) tidak hadir]

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Seterusnya saya jemput Datuk Wetrom bin Bahanda, Kota Marudu.

Datuk Wetrom bin Bahanda [Kota Marudu]: Terima kasih, Tan Sri Yang di-Pertua.

*Bulan puasa membawa kitab,
Lepas berbuka rasa ceria;
Soalan dua minta dijawab,
Kekanda Timbalan Menteri Kerja Raya.*

3. Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri menyatakan, langkah-langkah strategik untuk mengintegrasikan industri bahan mentah dengan sektor pemprosesan dan pembuatan, selaras dengan usaha memperkukuh dan memajukan industri seperti sektor semikonduktor sebagai salah satu teras utama ekonomi berteknologi tinggi negara.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tan Sri Yang di-Pertua...

*Hukum puasa adalah fardu,
Siang hari bulan Ramadan;
Soalan dua Kota Marudu,
Sila teliti inilah jawapan. [Tepuk]*

Tan Sri Yang di-Pertua, kementerian ini sentiasa memberi perhatian terhadap kerosakan jalan raya yang berlaku di Sabah, khususnya Daerah Kota Marudu.

Untuk makluman, panjang Jalan Persekutuan di Kota Marudu adalah 31.213 kilometer dengan 0.803 kilometer telah diserahkan kepada projek naik taraf Lebuhraya Pan Borneo Pakej 1B, laluan Kota Belud ke Kudat.

..... → *[SESI PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN]*

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang tamatlah sesi untuk waktu pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan pada hari ini. Sila Menteri.

[Sesi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

[DR-03032025]

17. RANG UNDANG-UNDANG**(A) Rang Undang-undang Biasa****(i) Bacaan Kali Yang Pertama****RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT****RANG UNDANG-UNDANG KESELAMATAN SIBER 2024****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meningkatkan keselamatan siber negara dengan mengadakan peruntukan bagi penubuhan Jawatankuasa Keselamatan Siber Negara, kewajipan dan kuasa Ketua Eksekutif Agensi Keselamatan Siber Negara, fungsi dan kewajipan ketua sektor infrastruktur maklumat kritikal negara dan entiti infrastruktur maklumat kritikal negara dan pengurusan ancaman keselamatan siber dan insiden keselamatan siber terhadap infrastruktur maklumat kritikal negara, untuk mengawal selia pemberi perkhidmatan keselamatan siber melalui pelesenan, dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Digital [Tuan Gobind Singh Deo]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

(ii) Bacaan Kali Yang Kedua (*dasar*)

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KESELAMATAN SIBER 2024

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.55 pg.

Menteri Digital [Tuan Gobind Singh Deo]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Keselamatan Siber 2024 dibacakan untuk kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Ada sesiapa menyokong? Sebentar Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo: Tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat beri penerangan berkaitan perkara itu.

Tuan Gobind Singh Deo: Boleh saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Ya. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mendepani cabaran era teknologi dan pendigitalan masa kini dan bagi kami- semua merealisasikan aspirasi Malaysia untuk bersaing dengan lebih efisien di pasaran global, semua pihak perlulah memanfaatkan teknologi dan pendigitalan khususnya di dalam semua sektor yang memberi impak signifikan kepada kemajuan negara yang lebih pesat.

..... → *[VERBATIM HURAIAN MENTERI]*

Tuan di-Pertua, saya memohon untuk mencadangkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Ahli Yang Berhormat yang menyokong?

Timbalan Menteri Digital [Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong]: Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meningkatkan keselamatan siber negara dengan mengadakan peruntukan bagi penubuhan Jawatankuasa Keselamatan Siber Negara. Kewajipan dan kuasa Ketua Eksekutif Agensi Keselamatan Siber Negara, fungsi dan kewajipan Ketua Sektor Infrastruktur Maklumat Kritikal

Negara dan entiti infrastruktur maklumat kritikal negara dan pengurusan ancaman keselamatan siber dan insiden keselamatan siber terhadap infrastruktur maklumat kritikal negara untuk mengawal selia pemberi perkhidmatan keselamatan siber melalui pelesenan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

..... → **[PERBAHASAN & JAWAPAN MENTERI]**

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[DR-27032024]

(iii) Bacaan Kali Kedua (*dasar*) – menyambung semula perbahasan

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG POLIS (PINDAAN) 2024

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang” **[20 Mac 2024]**

Tuan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih. Saya mendapat senarai yang baharu, pembahas-pembahas yang akan saya bacakan nanti. Saya difahamkan Pasir Gudang dan Kota Bharu telah pun selesai berbahas. Tenggara menarik diri kerana tidak hadir ke dalam Dewan.

Kita akan mulakan dengan Tumpat, lepas itu Kota Melaka, Kubang Kerian, Besut, Seputeh, Kuala Krai, Dungun, Jelutong, Jerlun, Pendang, Pulai, Alor Setar, berakhir dengan Arau juga hari ini ya.

[DR-25032024]

(iv) Bacaan Kali Yang Kedua (Jawatankuasa) – tiada perbahasan

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Puan Alice Lau Kiong Yieng) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 30 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam (Dato' Sri Huang Tiong Sii) dan diluluskan]

(v) Bacaan Kali Yang Kedua (Jawatankuasa) – ada perbahasan/pindaan

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal 1 hingga 57 –

5.04 ptg.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Tuan Speaker, saya nak sentuh ada dua fasal saja.

Tuan Pengerusi: Okey. Silakan.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Speaker. Ada 64 fasal dalam RUU ini. Memang bagus disokong, ada pujian, tapi ada dua sahaja yang ada kemusykilan bagi saya. Pertama ialah fasal 2(2). Saya baca di sini. *“Tiada ada apa-apa pun jua dalam akta ini boleh menyebabkan Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri didakwa bagi mana-mana kesalahan di bawah akta ini.”*

..... → **[PERBAHASAN & JAWAPAN MENTERI]**

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih Menteri.

[Fasal-fasal 1 hingga 57 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

Fasal 58 [Pindaan] –

Tuan Pengerusi: Okey. Saya baru menerima permohonan daripada Yang Berhormat Menteri Digital untuk meminda fasal dalam Peringkat Jawatankuasa bagi Rang undang-undang Keselamatan Siber 2024. Saya membenarkan pindaan ini dikemukakan di bawah Peraturan Mesyuarat 57(2). Selain itu, Kertas Pindaan dalam Jawatankuasa itu kertas berwarna merah jambu telah diedarkan kepada semua Ahli Yang Berhormat sebentar tadi. Menteri.

5.14 ptg

Menteri Digital [Tuan Gobind Singh Deo]: Terima kasih. Izinkan saya Tan Sri Pengerusi, sub-perenggan 58(b)(i). Rang undang-undang dipinda dengan menggantikan perkataan di hujung iaitu “dan” perkataan “dan” di hujung perenggan sub-perenggan itu dengan perkataan “atau.”

Fasal 58 rang undang-undang dipinda dalam sub-perenggan 58(b)(i) untuk menjelaskan lagi peruntukan yang berhubungan dengan fakta yang perlu dibuktikan oleh

seorang pengarah pegawai pematuhan mengongsi, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya bagi satu syarikat perkongsian liabiliti terhad, firma pertubuhan atau kumpulan orang yang lain dalam hal keadaan apabila syarikat perkongsian liabiliti terhad firma pertubuhan, atau kumpulan orang yang lain didapati bersalah atas satu kesalahan di bawah rang undang-undang ini. Itu cadangan pindaan Tan Sri Yang di-Pertua Tan Sri Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Kita cuma ada satu pindaan kecil sahaja dari “dan” kepada “atau” Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri dipinda dalam Kertas Pindaan tadi hendaklah disetujukan.

[Pindaan dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Fasal 58 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Fasal-fasal 59 hingga 64 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Digital (Datuk Ugak anak Kumbong) dan diluluskan]

[DR-27032024]

(B) Rang Undang-undang Perbekalan**(i) Bacaan Kali Yang Pertama****RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2025****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2025 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Dato' Sri Azalina binti Othman Said]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada hari Jumaat, 18 Oktober 2024, jam 4 petang.

[DR-15102024]

(ii) Bacaan Kali Yang Kedua – *Huraian Menteri Kewangan*

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2025

Bacaan Kali Yang Kedua

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, dipersilakan.

4.05 ptg.

Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2025 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibaca bagi kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan pembentangan Belanjawan MADANI Ketiga dengan mengungkap kalimah suci firman Allah SWT dalam surah *Al-Baqarah* ayat 22.

..... → *[HURAIAN MENTERI KEWANGAN]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Ada Yang Berhormat sesiapa menyokong?

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Baik. Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, dipersilakan.

USUL

USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN 2025

Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul di atas nama saya di dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* yang berbunyi;

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [*Akta 406*], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari lapan puluh lapan bilion ringgit (RM88,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2025, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2025, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16 Tahun 2024, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut”.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Ada sesiapa Yang Berhormat menyokong?

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 66(3), perbahasan atas Usul-usul bagi Bacaan Kali Yang Kedua atas Rang Undang-undang Perbekalan 2025 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2025, hendaklah ditangguh kepada suatu tarikh tidak kurang daripada dua hari, setelah Usul-usul tersebut dicadangkan dan disokong.

[DR-18102024]

(iii) Bacaan Kali Yang Kedua – Menyambung perbahasan (dasar)

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2025

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN 2025

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2025 ini dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis”.

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari lapan puluh lapan bilion ringgit (RM88,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2025, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2025, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16 Tahun 2024, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.” **[18 Oktober 2024]**

Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Dr. Ramli bin Dato’ Mohd Nor]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta bagi mengeluarkan sejumlah wang dari Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2025 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu Dibacakan Kali Yang Kedua sekarang dan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan di dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis sekarang. Kedua-dua masalah tersebut dibuka untuk dibahaskan.

..... → **[PERBAHASAN & JAWAPAN MENTERI]**

[DR-18102024]

..... → *[PERBAHASAN & JAWAPAN MENTERI]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kewangan. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bahawa Usul atas nama Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan di dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari lapan puluh lapan bilion ringgit (RM88,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2025, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2025, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16 Tahun 2025, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersementakan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.”

[DR-12112024]

(iv) Bacaan Kali Yang Kedua – Jawatankuasa (Hari Pertama)

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2025

DAN

USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN 2025

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2025 dan Usul Anggaran Pembangunan 2025 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” **[Hari Pertama]**

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato’ Dr. Ramli bin Dato’ Mohd Nor) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Tuan Pengerusi [Dato’ Dr. Ramli bin Dato’ Mohd Nor]: Minta Yang Berhormat Menteri Kewangan mengemukakan Anggaran Perbelanjaan bagi semua kementerian.

11.33 pg.

Menteri Kewangan (II) [Datuk Seri Amir Hamzah Azizan]: Dato’ Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada RM232,954,014,300 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2025 bagi Maksud-maksud Bekalan B.1 hingga B.15, B.20 hingga B.28, B.30 hingga B.31, B.33, B.40, B.42 hingga B.43, B.45 hingga B.48, B.50, B.60, B.62 hingga B.64 untuk kementerian dan jabatan yang berkenaan dijadikan Jadual, dan sejumlah tidak lebih daripada RM88 bilion yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2025 bagi Maksud-maksud Pembangunan P.6, P.7, P.10, P.13 hingga P.15, P.20 hingga P.28, P.30 hingga P.31, P.33, P.42 hingga P.43, P.45 hingga P.48, P.50, P.60, P.62 hingga P.64 dan P.70 untuk kementerian dan jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Lampiran A dan Lampiran B, *Kertas Perintah 15 Tahun 2024* dijadikan Anggaran Perbelanjaan.

Dato’ Pengerusi, keperluan bagi mengadakan peruntukan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2025 dan juga Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2025 telah pun dibentangkan.

Di samping itu, penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan anggaran itu adalah juga diberi dalam *Kertas Perintah 15 Tahun 2024* dan *Buku Anggaran Persekutuan 2025* yang dibentangkan sebagai *Kertas Perintah 16 Tahun 2024*.

Oleh itu, saya tidak berhajat untuk memberi apa-apa penerangan tambahan lagi. Dato' Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

**Kepala B.1, B.2, B.3, B.4, B.5, B.6, B.7, B.8, B.9 dan B.40 [Jadual] –
Kepala P.6 dan P.7 [Anggaran Pembangunan 2025] –**

Tuan Pengerusi [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: ••••

Baik, saya dengan ini sebagai Pengerusi mempersilakan Jabatan Perdana Menteri, Kepala Bekalan B.1 sehingga B.9 dan B.40 dan Kepala Pembangunan P.6 dan P.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahaskan.

•••• → *[PERBAHASAN & JAWAPAN MENTERI]*

Tuan Pengerusi [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Baik, masalahnya sekarang bahawa wang sejumlah RM7,006,874,800 untuk Kepala B.1 sehingga B.9 dan B.40 Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2025 jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui]

[Kepala B.1 sehingga B.9 dan B.40 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Berikutan ini, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan di bawah Kepala P.6 dan P.7 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2025 diluluskan.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui]

[Kepala P.6 dan P.7 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Perbelanjaan]

[DR-12112024]

•••• → *[ULANG FORMAT YANG SAMA UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG LAIN]*

[Fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

Menteri Kewangan II [Datuk Seri Amir Hamzah Azizan]: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang ini dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2025 dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Rang Undang-undang Perbekalan 2025 dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah bahawa usul di nombor 1 dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* hendaklah disetujukan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Usul Anggaran Pembangunan 2025 dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[DR-03122024]

(v) Bacaan Kali Yang Ketiga

Bacaan Kali Yang Ketiga

Menteri Kewangan II [Datuk Seri Amir Hamzah Azizan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang bernama Suatu Akta bagi mengeluarkan sejumlah wang dari Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2025 dan bagi peruntukan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa dan dipersetujukan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]: Saya mohon menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

USUL

Menteri Kewangan II [Datuk Seri Amir Hamzah Azizan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Saya mencadangkan:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari lapan puluh lapan bilion ringgit (RM88,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2025, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2025, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16 Tahun 2024, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.”

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya usul di nombor 1 dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* hendaklah disetujukan.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan]

[DR-03122024]

(C) Rang Undang-undang Perlembagaan**(i) Bacaan Kali Yang Pertama****RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT****RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN
(PINDAAN) 2025****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Dato' Sri Azalina binti Othman Said]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

[DR-24022025]

(ii) Bacaan Kali Yang Kedua

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN
(PINDAAN) 2025**

Bacaan Kali Yang Kedua

12.24 tgh.

Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2025 dibacakan untuk kali yang kedua sekarang.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tan Sri Yang di-Pertua, rekayasa ini bersejarah kerana ia merupakan satu langkah reformasi besar dalam institusi Parlimen dalam usaha kita meneruskan tindakan dan langkah-langkah reformasi institusi dalam negara kita.

..... → *[HURAIAN MENTERI]*

Sekian dan saya pohon mencadangkan... *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Baik, ada yang menyokong?

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Dato' Sri Azalina binti Othman Said]: Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

..... → *[PERBAHASAN & JAWAPAN MENTERI]*

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang dan oleh sebab mengikut peruntukan Perkara 159 Perlembagaan, Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2025 ini memerlukan sokongan pada bacaan kali yang kedua dengan undi sebanyak tidak kurang dari dua per tiga dari jumlah bilangan Ahli Majlis Dewan ini. Maka, mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 46(5), saya memerintahkan supaya satu belah bahagian diadakan sekarang.

Seperti yang telah pun saya maklumkan pada 13 Mac 2023, loceng akan dibunyikan dan saya akan tempohkan Mesyuarat Dewan selama 10 minit dan saya juga ingin maklumkan

bahawa mikrofon Ahli-ahli Yang Berhormat akan ditutup semasa Dewan ditempohkan 10 minit bagi mengelakkan Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap. Sila bunyikan loceng sekarang.

[Loceng dibunyikan]

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 3.18 petang]

■1520

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 3.28 petang]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

■1530

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai penghitung undi, sila ambil tempat masing-masing di hadapan blok Yang Berhormat. Saya akan bacakan nama-nama mereka yang terlibat.

Blok A- YB Papar sebagai penghitung undi; pemerhati Kubang Pasu.

Blok B- Kapiti penghitung undi; pemerhati Indera Mahkota.

Blok C- Kulai penghitung undi; pemerhati Alor Setar.

Blok D- Selayang penghitung undi; pemerhati Jerai.

Blok E- Arau penghitung undi; pemerhati Sibuti.

Blok F- Sungai Besar penghitung undi; Limbang pemerhati.

Dan Blok G- Kota Bharu penghitung undi; pemerhati Alor Gajah.

Okey, undi dimulakan sekarang.

[Dewan berbelah bahagi]

[Pengundian dijalankan]

■1540

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat, sekarang saya bacakan keputusan. Jumlah Ahli Yang Berhormat ialah 222 orang. Yang tidak hadir 17. Yang tidak mengundi (*abstain*), 57. Yang bersetuju, 148. *[Tepuk]*. Maka...

[Editor perlu memasukkan nama-nama Ahli-ahli yang mengundi bersetuju, tidak bersetuju, tidak mengundi, tidak hadir] – Pelapor tidak perlu menaip bahagian ini.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Reformasi. Reformasi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *[Tidak jelas]* ...tak sokong.

Tuan Yang di-Pertua: Oleh yang demikian, lebih dua pertiga undi majoriti yang bersetuju. Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, penjelasan. Yang Berhormat sebut lebih dua pertiga. Undi 148. Jadi, 148 kata mencukupi dua pertiga. Bukan lebih. Tak lebih. Kalau lebih 149. *Shut up*. Kalau nak berkawan, buat cara berkawan. Kalau nak berperang, kita berperang. Tak ada masalah. Tiap-tiap orang akan aku sebut nama nanti. Macam ini cara nak ini. Sudahlah.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Setiausaha.

Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalah, kalahlah Arau. Jangan marah. *[Ketawa]*

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[DR-04032025]

(iii) Bacaan Kali Yang Ketiga

Bacaan Kali Yang Ketiga

3.45 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)
[Dato' Sri Azalina binti Othman Said]: Tan Sri Yang di-pertua, saya mohon memaklumkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan. Saya mencadangkan iaitu rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang menyokong?

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) **[Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson]:** Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dimaklumkan pada Majlis sekarang dan oleh sebab mengikut peruntukan Perkara 159 Perlembagaan Persekutuan, Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2025 ini memerlukan sokongan pada bacaan kali yang ketiga dengan undi sebanyak tidak kurang daripada dua pertiga, daripada jumlah bilangan Ahli Majlis Dewan ini, maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 46, saya memerintahkan supaya satu belah bahagian diadakan sekarang.

Setiausaha, sila bunyikan loceng.

[Loceng dibunyikan]

Tuan Yang di-Pertua: Saya elakkan yang 10 minit tadi. Untuk itu penghitung dan juga sila ambilkan tempat. Teruskan.

[Dewan berbelah bahagi]

■1550

[Pengundian dijalankan]

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, inilah keputusan belah bahagian yang telah pun dilakukan tadi. Yang bersetuju ialah 148, kekal. *[Tepuk]* Maka dua pertiga undi majoriti yang bersetuju. Rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

[Editor perlu memasukkan nama-nama Ahli-ahli yang mengundi bersetuju, tidak bersetuju, tidak mengundi, tidak hadir] – Pelapor tidak perlu menaip bahagian ini.

[Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

[DR-04032025]

18.

USUL-USUL**(D) Usul tidak perlu dibahas dan diputuskan****(i) Usul di Bawah P.M. 62****USUL****MENANGGUHKAN BACAAN KALI YANG KEDUA DAN KETIGA
RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH P.M. 62****12.25 tgh.**

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) [Dr. Zulkifli bin Hasan]: Tuan Yang di-Pertua,

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, saya mohon D.R. 19/2024, Rang Undang-undang Mufti (Wilayah-wilayah Persekutuan) 2024 seperti yang tertera di nombor 4 dalam *Aturan Urusan Mesyuarat dan Usul-usul* pada hari ini ditangguhkan bacaan kali kedua dan ketiga dan dibawa ke mesyuarat akan datang.”

Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih. Minta Yang Berhormat Menteri Komunikasi untuk mengemukakan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 62.

MENARIK BALIK RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH P.M. 62**12.26 tgh.**

Menteri Komunikasi [Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil]: Tuan Yang di-Pertua,

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, saya mohon untuk menarik balik D.R. 47/2024, Rang Undang-undang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Pindaan) 2024 seperti yang tertera di nombor 5 dalam *Aturan Urusan Mesyuarat dan Usul-usul* pada hari ini.”

Tuan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih.

[DR-06032025]

(ii) Usul di Bawah P.M. 54(1)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

**RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN PRODUK MEROKOK
DEMI KESIHATAN AWAM 2023**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan perkara yang berhubungan dengan kawalan ke atas penjualan dan pembelian produk tembakau, bahan merokok, produk pengganti tembakau dan peranti perokok demi kesihatan awam untuk melahirkan suatu generasi baharu yang bebas daripada pengaruh apa-apa produk tembakau, bahan merokok, produk pengganti tembakau dan peranti merokok dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kesihatan [Dr. Zaliha binti Mustafa]; dibaca kali yang pertama.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Bacaan kali yang kedua, bila?

USUL

**MENYERAH RANG UNDANG-UNDANG KEPADA
JAWATANKUASA PILIHAN DI BAWAH P.M. 54(1)**

11.39 pg.

Menteri Kesihatan [Dr. Zaliha binti Mustafa]: Tuan Yang di-pertua, saya mohon mencadangkan,

“Bahawa berdasarkan Peraturan Mesyuarat 54(1), suatu usul bagi menyerahkan Rang Undang-undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan untuk membuat syor-syor bagi meneliti peruntukan generasi penamat rokok dan peruntukan-peruntukan berkaitan.”

■1140

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjelaskan keperluan rang undang-undang ini untuk dirujuk kepada JKPK Kesihatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Baik.

Dr. Zaliha binti Mustafa: Tuan Yang di-Pertua. Rang Undang-undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 ini merupakan satu rang undang-undang baharu yang mengambil kira syor-syor sebagaimana perbincangan di dalam jawatankuasa pilihan khas tahun dahulu iaitu tahun 2022 serta pertambahan pindaan terbaharu berkaitan generasi penamat rokok.

Rang undang-undang ini telah dibentangkan kepada Mesyuarat Jemaah Menteri dan mendapat persetujuan untuk dibentangkan ke Parlimen. Pembentangan bacaan pertama RUU ini menunjukkan bahawa kerajaan komited untuk melaksanakan rang undang-undang ini. Penyediaan *blue bill* di atas meja Yang Berhormat-Yang Berhormat semua membuktikan komitmen kerajaan.

Namun mengambil kira sesi libat urus bersama pihak Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan pada 6 Jun lepas, juga Ahli-ahli Parlimen, badan profesional dan badan-badan bukan kerajaan, terdapat permintaan agar beberapa perkara dilihat dan diperhalusi secara lebih lanjut Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab itu rang undang-undang ini adalah sangat penting dan sokongan tidak berbelah bahagi daripada semua pihak adalah perlu. Oleh itu KKM mencadangkan rang undang-undang ini dirujuk kepada JKPK Kesihatan bagi penelitian lanjut di mana jawatankuasa ini berfungsi sebagai mekanisme semak dan imbang yang akan mengambil kira pandangan daripada semua pihak.

Saya ingin menegaskan Tuan Yang di-Pertua, bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia akan terus komited bagi memastikan Rang Undang-undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam ini dapat diluluskan dalam masa yang terdekat demi generasi masa depan. Terima kasih.

[DR-12062023]

(E) Usul perlu diputuskan tanpa perbahasan

(i) Usul Jalan-jalan Masuk ke Parlimen

USUL

JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN

2.58 ptg.

Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail]:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang diPertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Rakyat Parlimen Kelima Belas yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu”.

Terima kasih.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah usul oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang telah dibacakan tadi hendaklah dipersetujukan.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[DR-19122022]

(ii) Usul di Bawah P.M. 12(1)

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

12.33 tgh.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan M. Kulasegaran a/l Murugeson]: Tuan Yang di-Pertua,

“Mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), saya mohon mencadangkan bahawa Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 5 Februari 2025.”

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Dr. Ramli bin Dato’ Mohd Nor]: Ada yang menyokong?

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Wong Kah Woh]: Datuk Speaker, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Dr. Ramli bin Dato’ Mohd Nor]: Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah sebagaimana Usul yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[DR-04022025]

(iii) Usul di Bawah P.M. 14(2)

USUL

**MEMINDA SUSUNAN ATURAN URUSAN MESYUARAT
DI BAWAH P.M. 14(2)**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)

[Dato' Seri Azalina Othman Said]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 14(2), *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari esok 20 Disember 2022 adalah seperti berikut:

- (i) Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga Rang Undang-undang Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 2022;
- (ii) Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Sementara 2023;
- (iii) Usul Pemindahan Wang Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) dan Bil Perbendaharaan Islam Malaysia (MITB) ke Kumpulan Kewangan Pembangunan; dan
- (iv) Usul Pemindahan Wang Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) ke Kumpulan Wang COVID-19.

Seperti di nombor 9, nombor 10 dan nombor 11 dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan ke satu tarikh yang tidak ditetapkan.”

Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Menyokong?

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh]: Tuan Yang di-Pertua, saya sokong.

Tuan Yang di-Pertua: Okey. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[DR-19122022]

(iv) Usul di Bawah P.M. 54(2)

USUL

**MENYERAH RANG UNDANG-UNDANG KEPADA JAWATANKUASA PILIHAN
DAN
PENUBUHAN JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PERUNTUKAN
LARANGAN AHLI PARLIMEN BERTUKAR PARTI**

5.33 ptg.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan;

“Bahawa berdasarkan kepada Peraturan 54(2) dan Penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas di bawah Peraturan 81(1) satu usul bagi menyerahkan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 3) 2022 kepada Jawatankuasa Pilihan yang dinamakan Jawatankuasa Pilihan Khas untuk membuat syor mengenai:

- (i) meneliti dan memberi pengkhususan ke atas tafsiran daripada larangan Ahli Dewan Rakyat bertukar parti dengan merujuk kepada Fasal 2(c) dan Fasal 3 sekatan ke atas hak membentuk persatuan yang diberi oleh perenggan (c) Fasal 1;
- (ii) cadangan untuk memansuhkan Perkara 48(6) Perlembagaan Persekutuan termasuk mana-mana pindaan lain kepada Perlembagaan Persekutuan yang dianggap perlu; dan
- (iii) menyediakan satu penyata yang mengandungi cadangan rang undang-undang berkaitan dengan Ahli Dewan Rakyat bertukar parti serta pindaan Perlembagaan berkaitan dalam tempoh satu bulan. Jawatankuasa Pilihan Khas boleh melanjutkan tempoh ini sekiranya perlu.

Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut hendaklah terdiri daripada anggota seperti berikut:

- (i) Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) sebagai Pengerusi;
- (ii) Yang Berhormat Dato' Sri Azalina Othman Said dari Pengerang;
- (iii) Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz dari Padang Rengas;
- (iv) Yang Berhormat Dato' Seri Hamzah bin Zainudin dari Larut;
- (v) Yang Berhormat Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan dari Kota Bharu;
- (vi) Yang Berhormat Tuan Lukanisman bin Awang Sauni dari Sibuti;

- (vii) Yang Berhormat Tuan Tuan Gobind Singh Deo dari Puchong;
- (viii) Yang Berhormat Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin dari Sepang;
- (ix) Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau dari Tuaran;
- (x) Yang Berhormat Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail dari Kulim-Bandar Baharu; dan
- (xi) Yang Berhormat Datuk Ignatius Dorell Leiking dari Penampang.

Bagi tujuan tersebut yang di atas, Jawatankuasa Pilihan Khas boleh menjemput mana-mana pihak seperti Ahli-ahli Parlimen, pakar-pakar perundangan dan perlembagaan, badan-badan bukan berkepentingan iaitu NGO dan masyarakat madani, *civil society* serta individu-individu lain untuk hadir dalam persidangan Jawatankuasa Pilihan Khas dari semasa ke semasa.

Jawatankuasa ini berhak untuk menentukan penjadualan persidangan mereka sendiri sama ada diadakan di Parlimen ataupun di mana-mana tempat lain mengikut kesesuaian.

Ketua Pentadbir Parlimen perlu menyediakan perbelanjaan kewangan serta segala keperluan mesyuarat seperti penyediaan tempat, peralatan, makan minum dan sebagainya.”

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)

[Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Mengikut Peraturan Mesyuarat 54(2) Usul ini hendaklah diputuskan dengan tidak boleh dipinda atau dibahas. Masalahnya ialah bahawa Usul seperti yang dikemukakan sebentar tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[DR-11042022]

(v) Usul di Bawah P.M. 76

USUL

**MELANTIK SEBUAH JAWATANKUASA PEMILIH
BAGI PARLIMEN KE-15 DI BAWAH P.M. 76**

12.19 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-tugas Khas) [Datuk Armizan bin Mohd Ali]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan usul:

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 76, Dewan ini melantik sebuah Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Parlimen Kelima Belas yang mengandungi seorang Pengerusi dan enam orang lagi Ahli Jawatankuasa seperti berikut:

■1220

- (i) Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Johari bin Abdul (Pengerusi);
- (ii) Yang Amat Berhormat Dato' Seri Fadillah bin Yusof, Ahli Parlimen Petra Jaya, Timbalan Perdana Menteri;
- (iii) Yang Berhormat Tuan Loke Siew Fook, Ahli Parlimen Seremban;
- (iv) Yang Berhormat Tuan Mohd Rafizi bin Ramli, Ahli Parlimen Pandan;
- (v) Yang Berhormat Dato' Sri Azalina Othman Said, Ahli Parlimen Pengerang;
- (vi) Yang Berhormat Dato' Seri Hamzah bin Zainudin, Ahli Parlimen Larut, Ketua Pembangkang; dan
- (vii) Yang Berhormat Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan, Ahli Parlimen Kota Bharu.”

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Mohd Nor]: Ada yang menyokong?

Menteri Pendidikan [Puan Fadhlina binti Sidek]: Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Mohd Nor]: Baiklah Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri di bawah nombor satu di dalam *Aturan Urusan Mesyuarat dan usul-usul* hari ini hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[DR-14022023]

(vi) Usul di Bawah P.M. 81(1)

>>>>>> *RUJUK PERENGGAN (iv)* <<<<<<

(vii) Usul di Bawah P.M. 90(2)

USUL

**MERENTIKAN KUAT KUASA PERATURAN-PERATURAN
MESYUARAT DI BAWAH P.M. 90(2)**

3.00 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)
[Dato' Seri Azalina Othman Said]: Tuan Yang di-Pertua:

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 90(2) dan dengan persetujuan Tuan Yang di-Pertua, saya mengemukakan usul untuk merentikan kuat kuasa Peraturan Mesyuarat 1 iaitu bagi membolehkan:

- (i) Titah Diraja diadakan pada penggal akan datang;
- (ii) Penerangan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai insiden tanah runtuh di Father's Organic Farm Batang Kali, Selangor;
- (iii) Bacaan Kali Yang Pertama Rang Undang-undang Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 2022 (Aturan Mesyuarat nombor 7); dan
- (iv) Usul Undi Percaya Terhadap Kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, Ahli Parlimen Tambun Sebagai Perdana Menteri dibahas dan diputuskan (Aturan Mesyuarat No.8)”.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang menyokong?

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh]: Saya sokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah Usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[DR-19122022]

(F) Usul perlu diputuskan dan ada perbahasan

(i) Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja (*hari pertama*)

USUL

USUL MENJUNJUNG KASIH TITAH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

12.34 tgh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Sebentar. Yang Berhormat, saya dengan ini akan membaca senarai peringkat pertama ini. Seramai 13 pembahas dan saya akan menyatakan juga masa-masa yang telah dengan izin, di-*allocate*-kan kepada mereka yang berbahas. Dimulakan dengan Yang Berhormat Paya Besar, diberi 60 minit sebagai pencadang.

Kedua, Yang Berhormat Ledang, 30 minit sebagai penyokong. Ketiga, Yang Berhormat Larut, 60 minit sebagai Ketua Pembangkang. Keempat, Yang Berhormat Kota Melaka, 25 minit, pembahas pertama.

Berikutnya diikuti dengan Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Igan, Yang Berhormat Hulu Selangor, Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Gua Musang, Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Ketereh, Yang Berhormat Subang, Yang Berhormat Kampar diberi 12 minit untuk berbahas.

Berikutnya ini, dipersilakan Yang Berhormat Paya Besar untuk membuka tirai perbahasan.

12.35 tgh.

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: *Bismillahirrahmanirrahim.*

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:-

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku.

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Keempat, Parlimen Yang Kelima Belas."

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam Malaysia MADANI. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini, apa khabar semua?

*Indah berseri si bunga tanjung,
Mekar mewangi di laman puteri;
Titah Tuanku patik sekalian junjung,
Moga aman sekalian negeri.*

*Hinggap rerama di puncak menara,
Tampak ceria unggas di tanjung;
Tuanku umpama payung negara,
Taat dan setia patik junjung.*

*Terbang mari kayu berduri,
Duri selasih di bawah peti;
Patik di bawah berteduh diri,
Menjunjung kasih menyembah bakti.*

Alhamdulillah, Malaysia terus dikurniakan keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran walaupun berada di situasi geopolitik yang mencabar. Perang dagangan global, tekanan kos sara hidup, perubahan demografi, cabaran kemampanan fiskal, komitmen krisis iklim yang kian meruncing dan semangat kerukunan negara yang diancam.

..... → ***[PERBAHASAN & JAWAPAN MENTERI]***

[DR-04022025]

(ii) Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja (*menyambung semula perbahasan*)

USUL

**USUL MENJUNJUNG KASIH TITAH SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah;

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Keempat, Parlimen Yang Kelima Belas.” **[4 Februari 2025]**

11.43 pg.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Dr. Ramli bin Dato’ Mohd Nor]: Baik. Kalau dilihat dalam senarai yang berada dengan saya ini, sejumlah 18 Yang Berhormat akan berbahas. Senarai adalah seperti berikut. Pohon Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil maklum.

Tirai akan dibuka oleh Yang Berhormat Bagan, diberi masa 15 minit sebagai ketua parti. Diikut Yang Berhormat Beluran, Yang Berhormat Selayang, Yang Berhormat Indera Mahkota, Yang Berhormat Bachok, Yang Berhormat Sri Aman, Yang Berhormat Masjid Tanah, Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Kampar, Yang Berhormat Hulu Terengganu, Yang Berhormat Pasir Puteh, Yang Berhormat Miri, Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Padang Besar, Yang Berhormat Sibu, Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Klang. Masa di-*allocate*, diberi kepada setiap Yang Berhormat adalah 12 minit, selain Yang Berhormat Bagan dan Yang Berhormat Sri Aman, diberi 15 minit. Yang Berhormat Bagan sebagai ketua parti, Yang Berhormat Sri Aman sebagai wakil ketua parti.

Berikutnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Bagan untuk membuka tirai perbahasan. Silakan, Yang Berhormat Bagan.

11.45 pg.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan. Saya ingin bermula dengan mengucapkan sokongan ke atas usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Pengerusi BBC semalam.

..... → *[PERBAHASAN & JAWAPAN MENTERI]*

[DR-05022025]

..... → *[PERBAHASAN & JAWAPAN MENTERI]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat-Yang Berhormat, semua kementerian telah menjawab dan mana jawapan-jawapan yang tidak dijawab di dalam Dewan akan dijawab oleh Menteri secara bertulis. Komitmen yang telah diberi kepada Dewan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong oleh Yang Berhormat dari Paya Besar itu hendaklah disetujukan.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

[DR-25022025]

(iii) Usul Menteri dalam *Aturan Urusan Mesyuarat*

USUL MENTERI KEWANGAN

**AKTA PENDANAAN KERAJAAN 1983 - MEMINDAH RM24,127 JUTA
KE KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN**

Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]: Terima kasih Puan Yang di-Pertua. Saya memohon mencadangkan,

“Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275] agar Majlis ini mengambil ketetapan supaya kerajaan memindahkan sebanyak RM24,127 juta di bawah subseksyen 3(1) akta yang sama, iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia, dengan izin, *Malaysian Government Investment Issue* (MGII) bagi tempoh Mac hingga Disember 2024 ke Kumpulan Wang Pembangunan.”

Puan Yang di-Pertua, saya memohon untuk membentangkan satu resolusi berkaitan ketetapan pindahan Wang Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia, dengan izin, *Malaysian Government Investment Issue* (MGII) ke Kumpulan Wang Pembangunan mengikut keperluan subseksyen 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275].

Resolusi ini dibentangkan supaya kerajaan memindahkan baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia dengan izin, *Malaysian Government Investment Issue* (MGII) sebanyak RM24,127 juta atau RM24.127 bilion bagi tempoh Mac hingga Disember 2024 ke Kumpulan Wang Pembangunan. Pindaan ini dilaksanakan untuk membiayai sebahagian keperluan perbelanjaan pembangunan.

Kumpulan Wang Pembangunan ialah satu Kumpulan Wang Amanah Kerajaan yang ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 bagi tujuan membiayai perbelanjaan pembangunan.

■1940

Sumber dana Kumpulan Wang Pembangunan diperoleh melalui pindahan daripada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan, terimaan balik pinjaman dan terimaan pelbagai untuk pembangunan.

Secara umumnya, pindahan daripada Akaun Pinjaman Disatukan kepada Kumpulan Wang Pembangunan pula terdiri daripada terimaan Terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia dengan izin, *Malaysian Government Securities* (MGS); Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia dengan izin, *Malaysian Government Investment Issue* (MGII); bilangan Perbendaharaan dan pinjaman luar negeri.

Subseksyen 4(b) Akta 275 memperuntukkan bahawa terimaan daripada Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia, dengan izin, *Malaysian Government Investment Issue* hanya boleh dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan setelah mendapat kelulusan Dewan Rakyat dengan resolusi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekuriti pinjaman berasaskan prinsip syariah ini telah diterbitkan oleh kerajaan di bawah Akta 275. Antara tujuan utama terbitan berasaskan prinsip syariah ini adalah untuk membangun dan mengembangkan pasaran kewangan Islam.

Dengan ini, saya memohon mencadangkan resolusi berkaitan ketetapan pemindahan baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia dengan izin, *Malaysian Government Investment Issue* sebanyak RM24,127 juta bagi tempoh Mac hingga Disember 2024 ke Kumpulan Wang Pembangunan, dimohon agar pemindahan ini diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Hajah Raj Munni binti Sabu]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Tiada pembahas.

[Tiada perbahasan]

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang tertera dalam *Aturan Urusan Mesyuarat dan Usul-usul* hari ini di nombor 8 hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui]

[DR-10122024]

(iv) Usul di Bawah P.M. 27(3)

USUL MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DI BAWAH P.M. 27(3)

PENGGANTUNGAN YANG BERHORMAT MACHANG DARIPADA PERKHIDMATAN MAJLIS MESYUARAT DAN JAWATANKUASA PILIHAN SELAMA ENAM (6) BULAN

1.10 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)

[Dato' Sri Azalina Othman Said]: Tan Sri Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“BAHAWA pada hari Isnin, 1 Julai 2024 semasa perbahasan Usul Menteri di Jabatan Perdana Menteri berhubung dengan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) 2021 dan 2022 di muka surat 37 dan 38, *Penyata Rasmi* bertarikh 1 Julai 2024, Yang Berhormat Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal, Ahli Parlimen Machang telah memaklumkan kepada Dewan berhubung dengan sepucuk surat layang yang telah tular dan didakwa mengandungi maklumat berkaitan dalang sebenar di sebalik pengambilan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB).

BAHAWA Yang Berhormat Machang juga telah menamakan individu yang menjadi dalang dalam pengambilalihan MAHB tersebut adalah Shahazwan Harris ataupun Juan yang merupakan Pegawai Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Yang Berhormat Machang juga telah memberikan perincian surat layang tersebut yang merujuk kepada layanan negatif individu tersebut kepada pekerjanya.

BAHAWA Yang Berhormat Machang telah membawa perhatian satu surat layang tidak dapat dikenal pasti identiti pengadu dan kesahihan maklumatnya. Perbuatan Yang Berhormat Machang yang merujuk kepada surat layang tersebut telah memberi kesan buruk bukan sahaja kepada individu yang didakwa, tetapi juga secara umum pegawai agensi di bawah kementerian mungkin teraniaya kerana tuduhan yang tidak berasas ini.

BAHAWA dalam perbahasan Ahli-ahli Yang Berhormat, tidak boleh menyebut kelakuan atau sifat siapa-siapa pegawai kerajaan selain kelakuan pada menjalankan urusannya sebagai pegawai kerajaan.

BAHAWA dakwaan Yang Berhormat Machang adalah merupakan satu perbuatan yang seolah-olah menjatuhkan martabat pegawai-pegawai agensi di bawah kementerian yang telah bertungkus lumus dalam membantu anggota pentadbiran dalam membangunkan Malaysia.

BAHAWA Yang Berhormat Machang telah mengeluarkan kenyataan dan dakwaan yang serius dan bertindak membangkitkan perasaan melawan kuasa kerajaan.

MAKA, INILAH DIPERSETUJUI BAHAWA Yang Berhormat Machang hendaklah digantung daripada perkhidmatan Majlis Mesyuarat dan

Jawatankuasa Pilihan selama enam bulan dari tarikh keputusan usul ini diluluskan.”

Terima kasih Tan Sri Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang menyokong?

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson]: Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih. Ahli Yang Berhormat, masalahnya sekarang ialah...

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut]: Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Masalahnya sekarang ialah...

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut]: Yang di-Pertua. Sedikit pertanyaan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya nak bacakan dulu. Ahli Yang Berhormat, sekarang masalahnya ialah Usul Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas. Saya akan bagi seorang sebelah sini...

..... → *[PERBAHASAN & JAWAPAN MENTERI]*

Tuan Yang di-Pertua: Untuk itu Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang]: Tan Sri Yang di-Pertua, izinkan saya membela diri. Tan Sri.

Tuan Yang di-Pertua: Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan Nombor 1 tadi hendaklah disetujui.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Belah bahagi.

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang]: Tan Sri.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, kata setuju.

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang]: Saya dituduh.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Saya minta belah bahagi Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: Setuju!

Tuan Yang di-Pertua: Yang tidak kata tidak.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Belah bahagi, belah bahagi. Belah bahagi. Minta belah bahagi.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, belah bahagi. Okey, setiausaha, kira cukup?

Seorang Ahli: Lebih, lebih.

Datuk Awang bin Hashim [Pendang]: Bagilah peluang.

[Lebih 15 orang Ahli bangun minta diadakan belah bahagi]

Tuan Yang di-Pertua: Okey, okeylah. Baik, bunyikan loceng. Kita belah bahagi.

[Loceng dibunyikan]

Tuan Yang di-Pertua: Baik, kalau semua setuju, kita boleh mengundi sekarang. Baik, penghitung-penghitung sila ambil tempat. Baik, penghitung di blok A, Yang Berhormat Papar. Pemerhatinya ialah— *sorry*. Oh, Yang Berhormat Kanowit ya. Di blok A Yang Berhormat Kanowit, pemerhati ialah Yang Berhormat Kubang Pasu. Di blok B, Yang Berhormat Kapit. Pemerhati Yang Berhormat Indera Mahkota. Blok C, penghitung Yang Berhormat Kulai, pemerhati Yang Berhormat Alor Setar. Blok D, penghitung Yang Berhormat Selayang, pemerhati Yang Berhormat Jerai. Blok E, penghitung Yang Berhormat Arau, pemerhati Yang Berhormat Sibuti - *sorry* Yang Berhormat Hang Tuah Jaya. Blok F, penghitung Yang Berhormat Sungai Besar, pemerhati Yang Berhormat Limbang. Blok G, penghitung Yang Berhormat Kota Bharu dan pemerhati Yang Berhormat Lenggong.

Silakan sekarang, teruskan.

[Dewan berbelah bahagi]

[Pengundian dijalankan]

■1350

Tuan Yang di-Pertua: Baik, sekarang saya bacakan keputusannya ya. Daripada jumlah Ahli Yang Berhormat,

Yang tidak hadir— 46;

Yang tidak mengundi— 3;

Yang tidak bersetuju— 63;

Tetapi bersetuju— 110... *[Tepuk]*

[Editor perlu memasukkan nama-nama Ahli-ahli yang mengundi bersetuju, tidak bersetuju, tidak mengundi, tidak hadir] – Pelapor tidak perlu menaip bahagian ini.

Oleh yang demikian, keputusannya ialah Yang Berhormat Machang digantung mulai hari ini selama enam bulan. Silakan.

[Usul disetujui]

[DR-18072024]

Nota :

Contoh format Usul di Bawah P.M. 27(3), rujuk:

- *DR-23072025 – bahas Laporan Ketua Audit Negara (LKAN); dan*
- *DR-24072025 – bahas Laporan SUHAKAM*
- *DR-04082025 – bahas Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13)*

Check- DR tahun 2021 (RMK-12) format ada tarikh selepas usul – standardkan format DR dan DN

(v) Usul di Bawah P.M. 30(1)

USUL

MEMINDA SESUATU USUL MENGIKUT P.M. 30(1)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, pada 26 Januari 2016 saya telah menerima suatu cadangan pindaan ke atas Usul Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri mengenai dengan Trans-Pacific Partnership Agreement (TPPA) oleh Yang Berhormat dari Sepang.

Usul tersebut dimuatkan di bawah Peraturan Mesyuarat 30(1) iaitu berkenaan peraturan meminda usul-usul. Peraturan Mesyuarat 30 membenarkan usul-usul dalam timbangan Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa Majlis dipinda jika pindaan itu berkaitan dengan usul itu.

Pindaan yang dicadangkan tersebut juga hendaklah memenuhi syarat-syarat tertentu atau kehendak peraturan mesyuarat sebelum ia dibenarkan untuk dibahaskan oleh Yang di-Pertua. Ahli-ahli Yang Berhormat merujuk kepada cadangan pindaan Usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Sepang, saya mendapati bahawa pindaan usul tersebut adalah selaras dengan maksud Peraturan Mesyuarat 34(4b) iaitu dengan dipotong apa-apa perkataan. Dalam hal ini pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Sepang adalah dengan memotong perkataan, “dan meratifikasi” dalam Usul tersebut.

Ahli-ahli Yang Berhormat saya telah meneliti pindaan Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Sepang dan berdasarkan kepada prinsip dan peruntukan peraturan mesyuarat, saya memutuskan bahawa Usul tersebut memenuhi kehendak Peraturan Mesyuarat 30(1) iaitu cadangan untuk memotong perkataan, “dan meratifikasi” tersebut adalah berkaitan dengan usul pokok yang sedang dibahas ketika ini.

Oleh yang demikian, saya meluluskan bahawa Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Sepang adalah tidak melanggar mana-mana peraturan mesyuarat dan dengan ini dibenarkan untuk dibahas. Saya menjemput Yang Berhormat Sepang untuk mengemukakan pindaan ke atas Usul Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Sila.

6.49 ptg.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua saya ucapkan terima kasih kerana membenarkan Usul ini untuk saya bentangkan. Maka saya dengan ini membentangkan agar Usul Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dipinda dengan memotong perkataan, “dan meratifikasi” yang terdapat dalam perenggan ketiga Usul tersebut. Jadi, saya mohon mencadangkan. Terus bahas?

■1850

Tuan Yang di-Pertua: Bahas.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua.

..... → *[HURAIAN OLEH PENCADANG USUL]*

Jadi maka saya dengan ini, memohon supaya Usul saya dibenarkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ada Ahli yang menyokong?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya menyokong Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Baik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tidak perlu berhujah.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Ketawa]* Rugilah kalau tidak boleh hujah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, duduk dahulu. Tidak perlu berhujah sekarang ini oleh sebab perkara ini saya kemukakan untuk dibahas. Tidak perlu berhujah sekarang okey.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ialah pindaan Usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Sepang terbuka untuk dibahas. Jadi, sudah kita berbahas mengenai TPPA ini dalam dua hari. Cuma, menjadi persoalan sekarang ialah pihak pembangkang mohon supaya perkataan “meratifikasi” itu ditiadakan untuk Usul diterima. Pun, pendirian mereka juga masih begitu iaitu menolak TPPA.

Jadi, saya cuma benarkan seorang pembahas menyokong Usul ini dengan berhujah lima minit. Selepas itu saya mahu dengar hujah daripada *backbenchers* lima minit. Kalau tidak ada, biar terus Menteri menjawab supaya kita dapat buat keputusan. Sila, *five minutes*.

..... → *[PERBAHASAN DAN JAWAPAN MENTERI]*

Tuan Yang di-Pertua: Menteri sudah jawab, tinggal lagi sekarang ini terpaksa saya kemukakan kepada Majlis sama ada dipersetujui ataupun tidak. Jawapan panjang-panjang pun akhirnya begitu juga, Majlis juga yang membuat keputusan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa cadangan pindaan Usul Yang Berhormat Sepang di bawah Peraturan Mesyuarat 30 hendaklah disetujukan.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan tidak disetujukan]

[DR-27012016]

(vi) Usul di Bawah P.M. 77(2)

USUL MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
DI BAWAH P.M. 77(2)

MEMILIH NAIB Pengerusi
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

12.26 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)

[Dato' Sri Azalina binti Othman Said]: Puan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan

“Bahawa Yang Berhormat Puan Teresa Kok, Ahli Parlimen Seputeh dipilih bagi menggantikan Yang Berhormat Puan Wong Shu Qi, Ahli Parlimen Kluang sebagai Naib Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara bagi Parlimen Kelima Belas.”

Terima kasih.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini ialah Usul Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri ini terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul seperti yang dikemukakan di nombor 1 itu tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui] [Tepuk]

[DR-16072024]

(vii) Usul di Bawah P.M. 86(5)

USUL MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 86(5)

PENYATA JAWATANKUASA PERATURAN-PERATURAN MESYUARAT

12.57 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)

[Dato' Sri Azalina Othman Said]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 86(5), maka Penyata Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat yang dibentangkan di atas meja mesyuarat di dalam Dewan ini sebagai Kertas D.R.9 Tahun 2023 hendaklah diterima dan dipersetujukan.”

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Dewan yang mulia ini, Ahli-ahli Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat Parlimen Ke-15 terdiri daripada Yang di-Pertua Dewan Rakyat selaku Pengerusi, Ahli Parlimen Titiwangsa, Selayang, Ipoh Barat, Lubok Antu, Masjid Tanah dan Tumpat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan bahawa Penyata Jawatankuasa-jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Parlimen Ke-15...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat Menteri, masa pukul 1. Kita sambung selepas 2.30?

Dato' Sri Azalina Othman Said: Saya mohon lima minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Baik, teruskan.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Terima kasih. Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat Parlimen Ke-15 yang telah dibentangkan di atas meja mesyuarat dalam Dewan ini sebagai Kertas D.R.9, Tahun 2023 adalah susulan daripada Mesyuarat Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat yang telah diadakan pada 14 Jun 2023 dan 18 September 2023 yang mengandungi pindaan peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa cadangan pindaan Peraturan-peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Rakyat oleh Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat adalah seperti Lampiran A hingga D dalam Penyata iaitu Lampiran A mengenai pindaan terhadap Peraturan Mesyuarat 7(3) bagi membolehkan Tuan Yang di-Pertua menetapkan tempoh masa bagi seorang Ahli yang dilantik untuk mempengerusikan mesyuarat secara sementara tanpa perlu memaklumkan kepada Majlis Mesyuarat.

Lampiran B mengenai pindaan terhadap Peraturan Mesyuarat 16(1), 16(4), 16(5), 16(6) dan Peraturan Mesyuarat 16(8) yang bertujuan memperkasakan Kamar Khas yang mana penerangan Menteri yang boleh dibuat dalam Kamar Khas, penetapan tempoh masa bagi pelantikan Pengerusi Sementara Kamar Khas dan Kamar Khas bersidang sehingga selesai semua urusannya.

Lampiran C mengenai pindaan terhadap Peraturan Mesyuarat 17(3) yang bertujuan membolehkan Kamar Khas membincangkan Usul berkenaan perkara tadbir kerajaan daripada tidak lebih daripada dua Ahli dalam satu mesyuarat Kamar Khas. Setiap Ahli boleh mengemukakan dua usul masing-masing dan satu soalan tambahan bagi setiap Usul Ahli tersebut.

Dan Lampiran D mengenai pindaan terhadap Peraturan Mesyuarat 44(2) yang bertujuan menjelaskan tempoh hari Ahli yang diminta...

Dato' Dr. Zulkaferi bin Hanapi [Tanjong Karang]: Peraturan Mesyuarat.

Dato' Sri Azalina Othman Said: ...Keluar dari Majlis Mesyuarat merujuk pada hari persidangan sahaja. Berdasarkan huraian di atas dan selaras dengan Peraturan Mesyuarat 86...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat...

Dato' Dr. Zulkaferi bin Hanapi [Tanjong Karang]: Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Peraturan Mesyuarat.

Dato' Dr. Zulkaferi bin Hanapi [Tanjong Karang]: Peraturan Mesyuarat.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Sekejap saya habiskan dahulu. 86(5) saya mohon mencadangkan supaya Penyata Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat ini diterima dan dipersetujui.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Dr. Zulkaferi bin Hanapi [Tanjong Karang]: Peraturan Mesyuarat 86(5). Sesiapa Ahli selepas mengeluarkan pemberitahu sekurang-kurangnya dua hari terlebih dahulu boleh mencadangkan dalam Majlis supaya Penyata Jawatankuasa Pilihan itu diterima, tetapi kita baru terima saya rasa hari ini, tidak sampai dua hari. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat, kalau mengikut rekod sini, benda ini sudah dua hari dibentang dah. Saya tidak- kurang arif macam mana Yang Berhormat dapat lewat. Dalam rekod sebagaimana yang dinyatakan telah dua hari. Baik.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]: Sudah awal atas meja dah. Tidak tengok.

Tuan M. Kulasegaran a/l Murugeson [Ipoh Barat]: Atas meja, atas meja, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Baik, Menteri sudah habis?

Dato' Sri Azalina Othman Said: Saya mohon mencadangkan. Menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Menteri habis dah?

Dato' Sri Azalina Othman Said: Dah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Baik, memandangkan waktu telah lebih pukul 1, saya tangguhkan. Ada lagi? Sebentar. Baik, ada yang menyokong?

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Baik, dengan sedemikian memandangkan ini- sebentar ya. Ada kekeliruan, sekejap.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ialah Usul Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri ini dibuka untuk perbahasan. Jika ada, saya akan benarkan selepas waktu makan. Jika tidak ada, saya akan terus kepada pengundian. Ada hendak dibahas sebelah kanan, belah kiri? Tidak ada ya.

[Tiada perbahasan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri ini di bawah nombor 3 dalam *Aturan Urusan Mesyuarat dan Usul-usul* hari ini hendaklah disetujukan.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

[DR-11102023]

(G) Usul tidak perlu diputuskan dan ada perbahasan

(i) Usul di Bawah P.M. 18(1)

**USUL PERKARA TERTENTU BERKENAAN KEPENTINGAN
ORANG RAMAI YANG BERKEHENDAK DISEGERAKAN
DI BAWAH P.M. 18(1)**

BANJIR DI NEGERI JOHOR

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat Kluang, silakan.

12.06 tgh.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Majlis membawa satu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) seperti berikut.

Saya, Wong Shu Qi, Ahli Parlimen Kluang mencadangkan, “Bahawa Dewan ini menggesa kerajaan untuk mengambil langkah yang lebih proaktif untuk melindungi nyawa dan harta rakyat yang terancam dengan perubahan iklim. Banjir di Johor yang melanda semua 10 daerah dan menyebabkan kerosakan kepada beberapa pekan di Johor kali ini lebih serius berbanding dengan bencana banjir pada tahun 2006 dan 2007.

Kerajaan perlulah menambah baik SOP pelepasan air empangan untuk mengatasi cuaca yang melampau dengan izin, *extreme weather*. Misalnya, dengan melepaskan air empangan sebelum paras air sungai meningkat ke aras berbahaya. Kerajaan perlu bersifat lebih telus dalam perancangan pelepasan air empangan supaya rakyat yang berada di sekitar kawasan empangan berpeluang untuk mengambil tindakan segera untuk mengelakkan kerugian harta atau lebih buruk lagi, kehilangan nyawa.

Di samping itu, kerajaan perlu bersiap siaga memastikan bekalan barang asas bagi pusat pemindahan sementara (PPS) adalah sentiasa mencukupi untuk sepanjang tahun memandangkan kita boleh dilanda bencana banjir bila-bila masa akibat perubahan iklim.

Kerajaan juga perlu mempertimbangkan semula untuk mengizinkan penyediaan makanan di PPS seperti keadaan semasa sebelum pandemik COVID-19.

Paling utama sekali, Kerajaan Pusat perlu memastikan jentera-jentera pasukan penyelamat di setiap negeri sentiasa lengkap. Dua buah bot *amfibious* tiba di Pekan Chaah hanya 15 jam selepas 95 peratus kawasan Pekan Chaah ditenggelami air. Dua orang warga emas telah terkorban, lemas di rumah. Manakala, seorang lagi meninggal dunia ketika berada di PPS kerana kecutan dan terlalu lemah selepas menunggu untuk diselamatkan di dalam air selama lebih dari 24 jam.

Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri perlu bekerjasama untuk membantu setiap isi rumah, perusahaan kecil dan sederhana serta para petani yang terjejas dalam banjir kali ini.

Hal ini adalah perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai kerana mangsa banjir Johor telah mencecah 40,000 orang. Ini perkara berkehendak disegerakan kerana rakyat sedang menanti bantuan serta tindakan lebih proaktif daripada Kerajaan Perpaduan.”

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan- masalahnya ialah- Ahli-ahli Yang Berhormat atas isu yang berkaitan, Tuan Yang di-Pertua telah menerima suatu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) sebagaimana telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Kluang pada hari Jumaat, 3 Mac yang lalu. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat Kluang sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini dipertimbangkan oleh Majlis Mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat iaitu bahawa perkara itu tertentu, ia adalah bagi kepentingan orang ramai dan ia berkehendak disegerakan.

Tuan Yang di-Pertua, setelah meneliti perkara ini dan mendapati bahawa Yang Berhormat Kluang, pertama, perkara ini adalah perkara yang tertentu. Ia berkepentingan orang ramai iaitu bagi kepentingan masyarakat. Ketiga, adalah berkehendakkan disegerakan. Perkara itu juga perlu disegerakan. Usul ini akan dirundingkan pada pukul 1 tengah hari ini di Dewan ini. *[Tepuk]*

[DR-07032023]

**USUL PERKARA TERTENTU BERKENAAN KEPENTINGAN
ORANG RAMAI YANG BERKEHENDAK DISEGERAKAN
DI BAWAH P.M. 18(1)**

BANJIR DI NEGERI JOHOR

13.05 tgh.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang masa telah pun pukul 1.05 minit. Menurut keputusan yang telah dibuat tadi, satu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) telah dibenarkan untuk dirunding pada petang ini. Saya memberi 45 minit kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk berucap dan pihak kerajaan menjawab dalam masa 45 minit.

Yang Berhormat bagi kawasan Kluang akan berucap. Sebelum Yang Berhormat Kluang berucap, saya hendak maklumkan bahawa saya telah pun menerima senarai selepas Yang Berhormat Kluang berucap, kedua-dua belah pihak kiri dan kanan saya, akan mengambil bahagian.

Jadi selepas Yang Berhormat Kluang, saya akan memberikan Yang Berhormat Mersing lima minit kemudian Yang Berhormat Tenggara lima minit, Yang Berhormat Rantau Panjang lima minit, Yang Berhormat Segamat lima minit, Yang Berhormat Rompin lima minit, dan Yang Berhormat Muar juga lima minit.

Saya juga membenarkan kalau ada yang hendak mencelah kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat boleh mencelah sama ada semasa Yang Berhormat-Yang Berhormat lain sedang berucap ataupun semasa penggulungan. Untuk itu, silakan.

..... → *[PERBAHASAN DAN JAWAPAN MENTERI]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. *Alhamdulillah*, Ahli Yang Berhormat masa yang telah mencukupi untuk merundingkan Usul ini dan yang demikian kita menyambung semula perbahasan atas Rang Undang-undang Perbekalan 2023.

Untuk itu saya menjemput Yang Berhormat Rompin. Silakan.

[DR-07032023]



**PANDUAN
FORMAT PENYEDIAAN VERBATIM
PENYATA RASMI (*HANSARD*)
DEWAN NEGARA**

KANDUNGAN – BAHAGIAN 2

Bil.	Tajuk	M/S
	PENDAHULUAN	1
1.	LAFAZ IKRAR RUKUN NEGARA	2
2.	PEMILIHAN TUAN YANG DI-PERTUA	3
3.	TUAN YANG DI-PERTUA MENGANGKAT SUMPAH	3
4.	PEMILIHAN SEORANG AHLI SEBAGAI Pengerusi Sementara	4-5
5.	PEMILIHAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA	6-8
6.	PEMAKLUMAN PETI UNDI DILAKRIKAN	9
7.	PEMASYHURAN DARIPADA TUAN YANG DI-PERTUA	
	(A) Ahli-ahli Mengangkat Sumpah di Luar Dewan	10
	(B) Salinan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong	11
	(C) Lain-lain Pemasyhuran Tuan Yang di-Pertua	12
8.	AKTA-AKTA YANG TELAH DIPERKENANKAN	13
9.	PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT	14-15
10.	UCAPAN TAKZIAH	16-17
11.	PENGESAHAN SETIAUSAHA KEPADA MAJLIS DI BAWAH P.M.4(7)	18
12.	PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN	19-20
13.	RANG UNDANG-UNDANG	
	(D) Rang Undang-undang Biasa	21
	(i) Bacaan Kali Yang Kedua (<i>dasar</i>)	22-24
	(ii) Bacaan Kali Yang Kedua (<i>Jawatankuasa</i>) – <i>ada perbahasan / pindaan</i>	25
	(iii) Bacaan Kali Yang Kedua (<i>dasar</i>) – <i>menyambung semula perbahasan</i>	25
	(E) Rang Undang Perbekalan	
	(i) Bacaan Kali Yang Kedua – <i>huraian Menteri Kewangan</i>	26-28
	(ii) Bacaan Kali Yang Kedua – <i>menyambung perbahasan (dasar)</i>	29
	(iii) Bacaan Kali Yang Ketiga	30
	(F) Rang Undang-undang Perlembagaan	

Bil.	Tajuk	M/S
	(i) Bacaan Kali Yang Kedua	31-34
	(ii) Bacaan Kali Yang Ketiga	34-35
14	USUL-USUL	
	(G) Usul tidak perlu dibahas dan diputuskan	
	(i) Usul di Bawah P.M.61	36
	(H) Usul perlu diputuskan tanpa perbahasan	
	(i) Usul Jalan-jalan Masuk ke Parlimen	37
	(ii) Usul di Bawah P.M.11(1)	38
	(iii) Usul di Bawah P.M.11(5)	39
	(iv) Usul di Bawah P.M.13(1) dan 13(2)	40
	(v) Usul di Bawah P.M.15(3)	41
	(vi) Usul di Bawah P.M.70	42
	(I) Usul perlu diputuskan dan ada perbahasan	
	(i) Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja (<i>hari pertama</i>)	43
	(ii) Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja (<i>menyambung semula perbahasan</i>)	44-45
	(iii) Usul Menteri dalam <i>Aturan Urusan Mesyuarat</i>	46-49
	(iv) Usul di Bawah P.M.78(5)	50-51
	(v) Usul Persendirian – <i>Bukan Ahli Kerajaan</i>	52-53
	(vi) Penerangan daripada Y. B. Menteri di Bawah P.M.13(1)(i)	54
	(J) Usul tidak perlu diputuskan dan ada perbahasan	
	(i) Usul di Bawah P.M.17(1)	55-56
15.	VERBATIM PENYATA RASMI MAJLIS MENGANGKAT SUMPAH	57-58

PENDAHULUAN

(A) Tugas Pelapor:

- (i) membuat catatan mengenai perbahasan/keadaan/situasi di dalam Dewan
- (ii) menaip draf laporan prosiding secara verbatim

(B) Tugas Subeditor:

- (iii) menyemak draf laporan prosiding yang dibuat oleh pelapor
- (iv) memastikan draf laporan yang dibuat menggambarkan keadaan yang sama seperti dalam Dewan.

(C) Format umum *Hansard*:

- (iv) *Font — Arial*
- (v) *Saiz Font — 11*
- (vi) *Paragraf — 1.5 spacing*

(D) Format permulaan Mesyuarat Dewan:

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA

Isnin, 24 Mac 2025

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1.

LAFAZ IKRAR RUKUN NEGARA**LAFAZ IKRAR RUKUN NEGARA***[Dilafazkan oleh Setiausaha]:*

Bahawasanya Negara kita Malaysia
mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan
seluruh masyarakatnya

Memelihara satu cara hidup demokratik

Mencipta satu masyarakat adil di mana kemakmuran Negara
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama

Menjamin satu cara liberal terhadap tradisi-tradisi
kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan
sains dan teknologi moden

[Dilafazkan oleh semua Ahli Dewan]:

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan
menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami
untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan
atas prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELURUHAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

[DN-3.03.2025]**Nota:**

- *Lafaz dibuat hanya pada hari pertama Mesyuarat Pertama bagi setiap Penggal Parlimen.*

2.

PEMILIHAN TUAN YANG DI-PERTUA**PEMILIHAN TUAN YANG DI-PERTUA****Nota:***Verbatim perlu disediakan dengan merujuk Nota Speaker dan MIM pada tarikh berkaitan*

3.

TUAN YANG DI-PERTUA MENGANGKAT SUMPAH**TUAN YANG DI-PERTUA MENGANGKAT SUMPAH**

Tuan Yang di-Pertua: *Bismillahirrahmanirrahim.* Saya Awang Bemee bin Awang Ali Basah setelah dipilih memegang jawatan Yang di-Pertua Dewan Negara dengan sesungguhnya bersumpah bahawa saya akan dengan jujur menunaikan kewajipan-kewajipan jawatan itu dengan segala daya upaya saya bahawa saya akan menumpahkan taat setia yang sebenar pada Malaysia dan akan memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaannya.

[Tuan Yang di-Pertua menurunkan tandatangan pada Buku Sumpah dan Ikrar]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

UCAPTAMA OLEH TUAN YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri-Menteri, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang Berhormat Senator, Ahli-ahli Dewan Negara, hadirin-hadirat yang dihormati sekalian.

DN-22.7.2024

4. **PEMILIHAN SEORANG AHLI SEBAGAI PENERUS SEMENTARA BAGI AHLI BAHARU MENGANGKAT SUMPAH**

PEMILIHAN SEORANG AHLI SEBAGAI PENERUS SEMENTARA BAGI AHLI BAHARU MENGANGKAT SUMPAH

Setiausaha: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat, selaras dengan Perkara 56, Perlembagaan Persekutuan, maka dimaklumkan bahawa jawatan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara kini kosong.

Sehubungan itu, saya ingin menjemput Yang Berhormat Menteri untuk mengusulkan seorang Ahli yang hadir sebagai “Penerus Sementara” pada majlis Mesyuarat pagi ini. Usul ini hendaklah disokong dan dikemukakan kepada Majlis untuk diputuskan tanpa dibahaskan.

Dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Setiausaha, saya mohon mencadangkan supaya Yang Berhormat Senator Profesor Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan untuk mempengerusikan Mesyuarat pada pagi ini. Terima kasih.

Setiausaha: Ada sesiapa yang menyokong?

Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri [Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz]: Tuan Setiausaha, saya mohon menyokong.

Setiausaha: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah ini kepada Majlis untuk diputuskan.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

Oleh yang demikian, saya dengan segala hormatnya mempersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan untuk mempengerusikan Mesyuarat pada pagi ini. Dipersilakan.

[Tuan Setiausaha menjemput Yang Berhormat Senator Profesor Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan naik ke Kerusi Tuan Yang di-Pertua diiringi oleh Bentara Mesyuarat]

[Yang Berhormat Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan mempengerusikan Mesyuarat]

Penerus Sementara [Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Nota:

- *Pemilihan Pengerusi Sementara ini diadakan kerana pada masa yang sama berlaku kekosongan jawatan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua semasa Majlis Angkat Sumpah diadakan.*

MEMILIH TIMBALAN YANG DI-PERTUA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, selaras dengan Perkara 56, Perlembagaan Persekutuan serta mengikut Aturan yang dinyatakan di dalam Peraturan Mesyuarat 5, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara, Majlis Dewan Negara akan menjalankan Urusan Memilih Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Sehubungan dengan itu, selaras dengan Peraturan Mesyuarat 5(2), Setiausaha Dewan Negara telah menerima dua cadangan nama untuk pemilihan Timbalan Yang di-Pertua. Cadangan itu datangnye daripada yang pertama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Ketua Majlis dan yang kedua Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai.

Setiausaha: Dengan segala hormatnya dipersilakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengemukakan cadangan nama bagi pemilihan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Perdana Menteri [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan cadangan iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Nor Jazlan bin Tan Sri Mohamed dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, dan mengikut Peraturan Mesyuarat 5(2), saya telah memastikan bahawa beliau bersetuju untuk berkhidmat jika dipilih.
[Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Ada siapa yang menyokong?

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Setiausaha: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai untuk mengemukakan cadangan nama bagi pemilihan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih kepada Setiausaha Dewan Negara. Terlebih dahulu saya ucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah dipilih sebagai Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan mengikut Peraturan Mesyuarat 5(2), saya telah memastikan bahawa beliau bersetuju untuk berkhidmat jika dipilih. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang menyokong?

Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab terdapat lebih dari seorang yang telah dicadangkan dan disokong menjadi Timbalan Yang di-Pertua, maka menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 5(2), Majlis Mesyuarat akan membuat pilihan memilih Timbalan Yang di-Pertua dengan undi bersurat.

Bagi maksud pilihan undi bersurat, pegawai-pegawai Dewan akan mengedarkan kertas-kertas undi kepada Yang Berhormat Ahli-ahli. Ahli-ahli Yang Berhormat diharap dapat mengisikan kertas dengan sempurna dan menulis nama calon yang dipilih dan menandatangani. Selepas itu, lipat kertas itu dan dimasukkan ke dalam peti undi untuk diserahkan kepada Setiausaha. Saya akan mengumumkan keputusan itu sebaik sahaja dikira.

Pegawai-pegawai yang berkenaan, sila datang ke meja Setiausaha, ambil kertas-kertas undi dan edarkan kepada Ahli-ahli Yang terhormat di blok masing-masing.

[Kertas-kertas Undian diedarkan]

.....

[Pengundian dijalankan]

■1040

10.41 pg.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat belum memberi Kertas Undi kepada Bentara tadi? Sebab garis panduan yang asal dilaksanakan oleh pihak pentadbiran ialah supaya Kertas Undi di-pass-kan kepada Ahli Parlimen yang di hujung sekali. Akan tetapi itu tidak berlaku, Bentara mengambil undi itu daripada tiap-tiap Ahli Senator sekalian. Jadi, proses ini telah dilaksanakan.

Saya nak bertanya sekali lagi, adakah yang belum membuang undi? Semua dah buang undi? Terima kasih.

Setiausaha, sila hitungkan pengundian.

[Pengiraan undi dijalankan]

Tuan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah*, Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusan undian adalah seperti berikut:

- (i) Yang Berhormat Senator Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed mendapat 43 undi. *[Tepuk]*
- (ii) Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris mendapat 11 undi. *[Tepuk]*

Manakala 8 orang Ahli tidak hadir.

Ahli-ahli Yang Berhormat, maka selaras dengan peruntukan Peraturan Mesyuarat 5(2), saya dengan ini memasyhurkan bahawa Yang Berhormat Senator Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed... *[Tepuk]* Dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara.

[Yang Berhormat Senator Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed masuk ke dalam Dewan dan dipakaikan jubah oleh Setiausaha, kemudian Mengangkat Sumpah Jawatan]

TIMBALAN YANG DI-PERTUA MENGANGKAT SUMPAH

Timbalan Yang di-Pertua: Saya, Nur Jazlan bin Mohamed setelah dipilih memegang jawatan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dengan sesungguhnya bersumpah bahawa saya akan dengan jujur menunaikan kewajipan-kewajipan jawatan itu dengan segala daya upaya saya bahawa saya akan menumpahkan taat setia yang sebenar pada Malaysia dan akan memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaannya.

[Timbalan Yang di-Pertua menurunkan tandatangan pada Buku Sumpah dan Ikrar]

[Upacara Mengangkat Sumpah tamat]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat duduk dahulu, duduk dahulu, saya akan jemput.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed mengambil tempat duduknya sebagai Timbalan Tuan Yang di-Pertua di Dewan yang mulia ini, silakan Yang Berhormat... *[Tepuk]*

[Timbalan Yang di-Pertua mengambil tempat yang disediakan]

DN-19.6.2023

6.

PEMAKLUMAN PETI UNDI DILAKRIKAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 5(2) dan 2(7), sekarang ini saya memohon Setiausaha memasukkan kesemua Kertas Undi yang telah dibilang, ke dalam peti undi dan melakrikan peti undi tersebut di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kertas-kertas Undi ini hendaklah disimpan dalam jagaan Setiausaha selama satu bulan, dan selepas itu tertakluk kepada apa-apa perintah yang diterima daripada Majlis. Setiausaha hendaklah membakar kertas-kertas itu dan mengesahkannya kepada Majlis.

[Setiausaha melakrikan peti undi]

DN-19.6.2023

Nota:

- *Pemakluman dibuat sekiranya berlaku undian semasa Pemilihan Tuan Yang di-Pertua dan Pemilihan Dua Orang Timbalan Yang di-Pertua.*

7. PEMASYHURAN DARIPADA TUAN YANG DI-PERTUA

(A). Ahli-Ahli Mengangkat Sumpah di Luar Dewan

AHLI-AHLI MENGANGKAT SUMPAH DI LUAR DEWAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Majlis Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu kepada Majlis bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat sumpah semasa Majlis Mesyuarat dalam tangguhan serta mengikut Jadual Keenam dalam Perlembagaan Persekutuan pada tarikh-tarikh yang dinyatakan berikut:

Pada 9 Januari 2025:

- (1) Yang Berhormat Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd. Ghaffar (Lantikan semula pilihan DUN Perak); dan
- (2) Yang Berhormat Senator Datuk Rosni binti Sohar (Lantikan baharu, Lantikan Yang di-Pertuan Agong).

DN-3.3.2025

Nota:

- *Pemakluman nama Ahli-ahli yang telah mengangkat sumpah di luar Dewan atau ketika Majlis Mengangkat Sumpah (MMS), dibacakan kebiasaannya pada hari pertama Dewan Negara bersidang (rujuk Nota Speaker)*

UCAPAN TAHNIAH ATAS PELANTIKAN SEBAGAI YANG DI-PERTUA NEGERI SABAH

Tuan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum*, salam sejahtera dan salam Malaysia MADANI. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah atas pelantikan Yang Amat Berbahagia Tun Datuk Seri Panglima Haji Musa bin Haji Aman sebagai Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah berkuat kuasa 1 Januari 2025. *[Tepuk]* Semoga pelantikan ini akan dapat memberi pembangunan, kesejahteraan bagi Sabah dan kita ucapkan juga selamat berkhidmat.

DN-18.12.2024

(B). Salinan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong**SALINAN TITAH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Majlis iaitu pada Isnin, 3 Februari 2025, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan bertitah dalam kedua-dua Majlis Parlimen secara bersama.

Saya telah menerima salinan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya dengan ini mengarahkan supaya salinan Titah Diraja itu dibentangkan di atas meja Mesyuarat dan seterusnya dicetak dalam Penyata Rasmi.

[Titah Diraja- DN-03022025 di Portal Rasmi Parlimen]

DN-3.3.2025

(C). Lain-lain Pemasyhuran Tuan Yang di-Pertua**PROSEDUR OPERASI STANDARD
PERSIDANGAN DEWAN NEGARA**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab kita sudah sekian lama tidak bermesyuarat, maka saya telah dipohon oleh Pentadbiran Parlimen mengumumkan perkara seperti berikut.

Seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, penularan pandemik COVID-19 di Malaysia dijangka akan memasuki fasa berikutnya. Kita perlu melalui fasa tersebut dengan norma-norma baharu yang telah kita amalkan sejak bermulanya penularan pandemik ini. Begitu juga di Dewan Negara, Ahli-ahli Yang Berhormat dinasihatkan supaya mematuhi Prosedur Operasi Standard, dan Ahli-ahli Yang Berhormat digalakkan untuk sentiasa memakai pelitup muka berganda (*double face mask*) dan pelindung muka (*face shield*) sepanjang berada di dalam Kompleks Parlimen Malaysia terutamanya di dalam Dewan.

Sementelahan lagi, ramai di kalangan Ahli-ahli Dewan ini terdiri daripada warga yang berumur melebihi 60 tahun, yang pastinya lebih berisiko. Sehubungan dengan itu, Parlimen Malaysia telah mengambil langkah-langkah penambahbaikan bagi meningkatkan kualiti udara dalaman, dan memasang sistem yang dapat membasmi virus COVID-19 di udara.

DN-4.10.2021

8.

AKTA-AKTA YANG TELAH DIPERKENANKAN**AKTA-AKTA YANG TELAH DIPERKENANKAN**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dengan limpah kurnia Baginda, telah memperkenalkan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Majlis Parlimen dalam Mesyuarat yang lalu seperti berikut:

1. Akta Kastam (Pindaan) 2024;
2. Akta Eksais (Pindaan) 2024;
3. Akta Zon Bebas (Pindaan) 2024;
4. Akta Cukai Jualan (Pindaan) 2024;
5. Akta Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2024;
6. Akta Audit (Pindaan) 2024;
7. Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2024;
8. Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2024;
9. Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (Pembubaran) 2024;
10. Akta Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (Pindaan) 2024;
dan
11. Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2024.

DN-2.12.2024

9.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat. Saya menjemput Setiausaha Dewan Negara membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

“26 November 2024

Perutusan Daripada Dewan Rakyat kepada Dewan Negara

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. (D.R. 32/2024) Rang Undang-undang Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pindaan) 2024;
2. (D.R. 42/2024) Rang Undang-undang Ordinan Buruh Sabah (Pindaan) 2024; dan
3. (D.R. 13/2024) Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2024.

Yang ikhlas,

t.t

“YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT”

URUSAN MESYUARAT

Menteri Kewangan (II) [Datuk Seri Amir Hamzah Azizan]: Dato' Yang di-Pertua, mengikut Peraturan 66(2), saya mohon memaklumkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut dalam perutusan itu dibaca kali kedua dan ketiganya di mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

DN-2.12.2024

Nota:

1. Tajuk besar **PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA** hanya ditulis sekali sahaja pada permulaan pemasyhuran. Sekiranya terdapat pemasyhuran yang berikutnya, hanya tajuk kecil sahaja yang ditulis.
2. Tajuk kecil adalah tertakluk kepada keadaan semasa. Sekiranya tiada contoh di atas, gunakan format seperti di (A) dengan tajuk yang baharu.

UCAPAN TAKZIAH**UCAPAN TAKZIAH KEPADA KELUARGA MENDIANG
DATUK MUTANG TAGAL**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini amat berdukacita atas berita kematian Yang di-Pertua Dewan Negara yang ke-20, Yang Berhormat Senator Datuk Mutang Tagal pada 10 Mei 2024 yang lalu. Beliau merupakan seorang pemimpin yang sangat komited dalam melunaskan tanggungjawabnya sebagai seorang Yang di-Pertua Dewan Negara. Malah, beliau sedang dalam tugas mengetuai delegasi negara bagi menyertai 6th *World Forum on Intercultural Dialogue* di Baku, Azerbaijan.

Beliau juga merupakan seorang yang sangat prihatin akan kebajikan Ahli Dewan ini serta seluruh pegawai dan kakitangannya. Pemergian beliau amat dirasai dan merupakan satu kehilangan yang besar kepada negara.

Untuk itu, saya mengajak Dewan yang Mulia ini untuk bertafakur selama satu minit sebagai tanda hormat mengenang pemergian mendiang. Dewan Negara juga turut merakam ucapan takziah kepada seluruh keluarga mendiang.

Saya meminta Ahli-ahli Majlis Dewan Negara untuk berdiri serta bertafakur selama satu minit.

[Ahli-ahli bangun bertafakur]

DN-22.7.2024

**UCAPAN TAKZIAH KEPADA KELUARGA ALLAHYARHAMAH TUN HAJAH
RAHAH BINTI TAN SRI HAJI MOHAMED NOAH**

Tuan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Membaca sepotong doa]* Ahli-ahli Yang Berhormat, tanggal 18 Disember 2020, hari Jumaat lalu, tepatnya jam 4.30 petang, Tun Hajah Rahah binti Tan Sri Haji Mohamed Noah, berusia 87 tahun telah kembali ke rahmatullah bertemu penciptanya. Sesungguhnya banyak yang boleh dikisahkan melalui keperibadian Allahyarhamah Tun Rahah, seorang wanita dan srikandi yang menjadi contoh kepada rakyat dan kita para Senator.

.....

Ucapan ini hendaklah disimpan di dalam arkib Parlimen dan satu salinannya dihantar kepada keluarga Allahyarhamah. Oleh yang demikian saya menjemput Ahli-ahli Yang

Berhormat sekalian bangun untuk membacakan surah *Al-Fatihah* dan bertafakur selama satu minit. *Al-Fatihah*.

[Ahli-ahli bangun bertafakur]

DN-21.12.2020

11. PENGESAHAN SETIAUSAHA KEPADA MAJLIS DI BAWAH P.M. 2(7)**PENGESAHAN SETIAUSAHA KEPADA MAJLIS**
DI BAWAH P.M. 2(7)**KERTAS-KERTAS UNDI DIBAKAR**

Setiausaha: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara, mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 2(7), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara dan susulan daripada pemilihan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara pada 19 Jun 2023 yang lalu, saya dengan ini ingin mengesahkan kepada Majlis bahawa Kertas-kertas Undi bagi pemilihan tersebut telah pun dibakar. Sekian, terima kasih.

DN-27.11.2023

12.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

Dato' Sivaraj a/l Chandran: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera. Soalan saya, soalan nombor 4.

4. Dato' Sivaraj a/l Chandran minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan, jumlah penerima pinjaman Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI) sejak 2019 dan berapakah peratusan peminjam yang disenaraihitamkan akibat gagal membayar serta apakah langkah-langkah untuk menangani isu pembayaran balik tersebut.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan]: Selamat sejahtera, salam Malaysia MADANI.

[Soalan No. 5 – YB. Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu tidak hadir]

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: *Assalamualaikum warahmatullah.* Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 6, nombor 6. Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan menyatakan, apa perancangan kementerian dalam membantu para pesawah menghadapi perubahan iklim yang tidak dijangka seperti banjir baru-baru ini yang menyebabkan kerugian hampir RM40 juta.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan [Datuk Arthur Joseph Kurup]: Selamat pagi. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Senator.

DN-16.12.2024

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 8.

8. Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (i) jangkitan HIV baharu di Malaysia di mana 90 peratus adalah lelaki dan kumpulan umur tertinggi adalah dalam lingkungan 20-an. Apakah pecahan dari segi etnik dan negeri; dan
- (ii) apa strategi terkini Bahagian Kesihatan Awam untuk mengawal penularan kes HIV dalam kalangan lelaki ini.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato Lukanisman bin Awang Sauni]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dr. Lingesh atas soalan yang cukup baik pada pagi ini berkenaan tentang jangkitan HIV.

DN-24.3.2025

■1110

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan nombor 6, Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas.

Dato' Sri Khairudin bin ES Samad: Tuan Yang di-Pertua, saya diminta oleh Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani untuk mewakili beliau sebab kemungkinan Menteri ada di dalam untuk menjawab.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan kkuatir fasal Timbalan Menteri, tanya.

Dato' Sri Khairudin bin ES Samad: Oleh sebab Menteri sudah ada, dia minta saya kemukakan soalan, tetapi sebelum itu bagi pihak Ahli-ahli Dewan, Ahli-ahli Yang Berhormat saya ingin mengalu-alukan kedatangan wakil-wakil MIC daripada Bahagian Kapar, Bahagian Selayang dan juga Bahagian Klang. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

6. Dato' Sri Khairudin bin ES Samad [Di bawah P.M. 23(2)] minta Menteri Pertahanan menyatakan, apakah tindakan yang telah dan sedang diambil untuk memastikan elaun anggota tentera setara dengan Kakitangan Awam Persekutuan yang lain. Mohon nyatakan secara jelas, apakah program yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi memastikan pesara tentera mempunyai pendapatan yang baik selepas tamat perkhidmatan

[Sesi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

DN-21.6.2016

Nota:

- *P.M. 23(2) jika seorang Ahli yang mengemukakan pertanyaan jawab lisan itu tidak bangun mengeluarkan pertanyaannya (tidak hadir), maka siapa-siapa Ahli lain boleh mengambil pertanyaan itu dijadikan pertanyaannya sendiri (dengan izin Tuan Yang di-Pertua)*

13.

RANG UNDANG-UNDANG**(D). Rang Undang-undang Biasa****Nota:**

- *Di Dewan Negara Bacaan Kali Yang Pertama bagi rang undang-undang adalah apabila Dewan Rakyat mengemukakan senarai rang undang-undang yang sudah diluluskan dan meminta Dewan Negara mempersetujukan [Perutusan Daripada Dewan Rakyat kepada Dewan Negara – m.s 16]*
- *Dalam persidangan Dewan Negara, Rang Undang-undang Perbekalan (Tambahan) dan Rang Undang-undang Perbekalan tiada Peringkat Jawatankuasa dan akan terus kepada Bacaan Kali Yang Ketiga.*

(i). Bacaan Kali Yang Kedua (*dasar*)

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG SIMPANAN
PEKERJA (PINDAAN) 2025**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

2.37 ptg.

Menteri Kewangan (II) [Datuk Seri Amir Hamzah Azizan]: Dato Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 dibacakan kali kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: Dato Yang di-Pertua, dalam ucapan Belanjawan 2025 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan pada 18 Oktober 2024, kerajaan telah mencadangkan untuk mewajibkan semua pekerja bukan warganegara Malaysia untuk mencarum kepada skim KWSP. Cadangan ini adalah selari dengan komitmen kerajaan untuk memberi layanan yang adil kepada semua pekerja tanpa mengira kewarganegaraan.

Bagi melaksanakan cadangan tersebut, terdapat keperluan untuk meminda Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [Akta 452] melalui Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2025 bertujuan untuk mengadakan peruntukan yang berhubung dengan tanggungan untuk membayar caruman dan kadar caruman yang kena dibayar ke atas pekerja bukan warganegara Malaysia. Rang undang-undang ini mempunyai 11 fasal seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi “tajuk ringkas” dan permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan dan memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuasa peruntukan yang berlainan di bawah akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda dalam kepala Bahagian VIIA Akta 452 untuk menggantikan perkataan “ahli kumpulan wang” dengan perkataan “pekerja” supaya selaras dengan pindaan yang dibuat di bawah fasal 3.

..... → **[*VERBATIM HURAIAN MENTERI*]**

Fasal 11 memperkatakan peruntukan peralihan. Oleh yang demikian pindaan yang dicadangkan ke atas Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2025 adalah penting bagi melaksanakan tanggungan untuk membayar caruman KWSP

secara mandatori kepada pekerja bukan Warganegara Malaysia selaras dengan inisiatif Belanjawan 2025 yang bertujuan untuk meningkatkan perlindungan sosial yang setara antara pekerja warganegara Malaysia dan pekerja bukan Warganegara Malaysia dalam pasaran buruh. Dato Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Ada seramai 13 orang Ahli yang hendak berbahas. Maka ditetapkan setiap seorang diberi 8 minit.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas.

2.44 ptg.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Yang di-Pertua, RUU ini merupakan satu pindaan yang signifikan dan membawa manfaat kepada mahupun pekerja warga asing dan juga majikan. Saya ucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan atas usaha yang diperkenalkan ini. Namun saya ada beberapa persoalan yang ingin saya bangkitkan.

..... → **[PERBAHASAN & JAWAPAN MENTERI]**

4.30 ptg.

Menteri Kewangan (II) [Datuk Seri Amir Hamzah Azizan]: *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam Malaysia MADANI.

Datuk Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Peringkat Dasar Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2025. Seramai 12 orang Ahli Yang Berhormat Senator telah berbahas dan menyuarakan pandangan, teguran dan cadangan berhubung RUU ini.

.....

Jadi Datuk Yang di-Pertua, sekianlah sahaja daripada penggulungan saya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih YB Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 11 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Kewangan (Puan Lim Hui Ying) dan diluluskan]

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 25 Mac 2025.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.02 petang]

DN-24.3.2025

(ii). Bacaan Kali Yang Kedua (*Jawatankuasa*) – ada perbahasan / pindaan sama seperti format Dewan Rakyat

..... [SILA RUJUK FORMAT DEWAN RAKYAT- PERBAHASAN DI PERINGKAT BACAAN KALI YANG KEDUA (*JAWATANKUASA*)]

(iii) Bacaan Kali Kedua (*dasar*) – menyambung semula perbahasan

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KESIHATAN MENTAL (PINDAAN) 2023

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” **[20 Jun 2023]**

Timbalan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato’ Kesavadas a/l A Achyuthan Nair

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

11.39 pg.

Dato’ Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua untuk bagi peluang kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang ini.

Perbuatan bunuh diri bukanlah solusi yang sepatutnya menjadi pilihan manusia untuk lari daripada realiti kehidupan yang penuh dengan liku dan cabaran yang menekan. Cuba kita bayangkan bagaimanakah reaksi pasangan hidup, ahli keluarga mahupun sahabat handai apabila mendapat perkhabaran tentang kehilangan individu yang mereka sayang akibat bunuh diri.

Lebih tragis lagi kehilangan orang yang tersayang akibat bunuh diri menjadi hasutan kepada seseorang untuk melakukan apa jua perkara di luar kawalan yang kita sendiri tidak pernah alami atau menangan.

DN-21.6.2023

(E). Rang Undang-undang Perbekalan

(i). Bacaan Kali Yang Kedua – *huraian Menteri Kewangan*

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2025

Bacaan Kali Yang Kedua

11.33 pg.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Amat Berhormat.

Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]:
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk bagi mengeluarkan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2025 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun ini dibaca bagi kali kedua sekarang.

[Membaca doa] Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya muliakan. Hari ini saya berkesempatan untuk membentangkan ucapan Belanjawan MADANI Ketiga 2025 di Dewan yang mulia ini. *Alhamdulillah* selesai sesi perbahasan Peringkat Dasar dan Jawatankuasa di Dewan Rakyat dan segala urusan dipermudah dengan Rang Undang-undang Perbekalan 2025 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2025 telah lulus di Dewan Rakyat.

.....

Jadi, saya harap mudah-mudahan *insya-Allah* belanjawan ini akan menjadi pemangkin dan sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat memberikan teguran dan cadangan yang baik, *insya-Allah* saya boleh ubah bersama-sama dengan rakan-rakan saya dan Jemaah Menteri dan pegawai-pegawai membuat apa-apa penyesuaian kerana tentunya dengan segala upaya kita, tidak mungkin kita memberikan sesuatu yang sempurna, tetapi kita cuba, *Al-Islah mastata'tu* ya.

Upaya membawa perubahan sedaya upaya dan sebaik mungkin dan saya mohon kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membantu memberikan usul, cadangan, teguran atau sokongan di mana yang perlu. Terima kasih. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Menteri Kewangan II [Datuk Seri Amir Hamzah Azizan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta bagi mengeluarkan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2025 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair.

■1230

12.30 tgh.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ya. Salam sejahtera dan salam Malaysia MADANI kepada Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri-menteri yang hadir dan salam sejahtera rakan-rakan di dalam Dewan ini memberi ruang kepada saya untuk berbahas berkenaan rang undang-undang ini.

.....

Tuan Yang di-Pertua: Maka, dengan itu ditempohkan Mesyuarat kita dan akan bersambung semula pada jam 2.30 petang.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 12.59 tengah hari]

[Mesyuarat bersambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol mempengerusikan Mesyuarat]

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Selamat petang. Salam sejahtera Ahli-ahli Yang Berhormat.

Kita akan meneruskan perbahasan RUU Perbekalan 2025. Saya ada lapan orang Senator yang hendak berbahas pada petang ini. Sebab hari ini Timbalan Yang di-Pertua bercakap *Black Friday Sale*. Jadi setiap orang akan diberikan 25 minit untuk berbahas. Pertamanya saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah.

2.33 ptg.

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Salam Malaysia MADANI.

Puan Yang di-Pertua terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan atas pembentangan Belanjawan 2025 dengan tema "Membugar Ekonomi Menjana Perubahan, Mensejahtera Rakyat."

Nota:

- *YB akan berbahas selama beberapa hari yang ditetapkan dan kemudian kementerian akan menjawab juga selama beberapa hari [Rujuk Nota Speaker].*
- *Pada hari terakhir Kementerian Kewangan akan menjawab [menggulung / penggulangan].*

(ii). Bacaan Kali Yang Kedua – menyambung perbahasan (dasar)

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2025

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” **[11 Disember 2024]**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, hari ini adalah hari terakhir penggulungan untuk memutuskan Rang Undang-undang Perbekalan 2025. Ada 15 kementerian akan menggulung. Bagi kementerian yang tidak bertanggungjawab untuk Perbekalan, kita bagi 25 minit. Bagi Kementerian Kewangan, 45 minit sebab ia adalah Kementerian bertanggungjawab.

.....

DN-12.12.2024

(iii). Bacaan Kali Yang Ketiga

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2025 dibacakan kali yang kedua.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua]

Bacaan Kali Yang Ketiga

Menteri Kewangan II [Datuk Seri Amir Hamzah Azizan]: Dato' Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan mencadangkan bahawa rang undang-undang bernama Suatu Akta bagi mengeluarkan sejumlah wang dari Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2025 dan bagi peruntukan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu telah dipersetujui tanpa pindaan.

Saya mohon mencadangkan iaitu mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 53(2) rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

DN-12.12.2024

(F). Rang Undang-undang Perlembagaan

(i). Bacaan Kali Yang Kedua

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 2025

Bacaan Kali Yang Kedua

11.22 pg.

Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]: Dato Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2025 dibacakan untuk kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baiklah.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Dato Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, rekayasa ini menandakan tindakan Kerajaan MADANI dalam menerajui reformasi institusi sepertimana yang telah dijanjikan. Ini dalam kerangka besar Kerajaan MADANI, kita telah memutuskan untuk memperkasa institusi melalui pelbagai usaha umpamanya Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 yang pernah saya sebut dalam Dewan. Ini tidak mudah kerana jarang berlaku di mana seorang Menteri Kewangan melepaskan sebahagian daripada tanggungjawab dia dan menyerahkan kembali kepada Dewan untuk menilai, membantah, menegur atau menolak setelah diluluskan sebelumnya, sekiranya janji atau unjuran itu tidak dipenuhi. Jadi walaupun dianggap enteng, tapi tidak sebenarnya mudah, seperti orang yang pegang kuasa selalunya tidak mudah untuk melepaskan sebahagian DN 20.3.2025 27 kuasanya.

Dalam undang-undang ini, kalau kita umpamanya unjuran kita sekian, cuma peratus pertumbuhan dan tidak capai, kita harus serah kembali, ini implikasinya. Begitu juga dalam bidang fiskal lain. Keduanya, Akta Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing 2024 untuk memberikan kedudukan negara itu dengan yang berdaulat, merdeka dan tidak boleh diganggu gugat oleh mana-mana kuasa lain yang boleh mencabar kedaulatan kita.

..... → **[HURAIAN MENTERI]**

Jadi kita beri jaminan, *insya-Allah* kita akan pastikan bahawa undang-undang ini dapat memenuhi matlamat yang kita sebutkan dan kita catat. Kalau Dewan Negara bagi kelulusan sebulat suara dan tidak belajar daripada pengalaman Dewan Rakyat yang masih kabur tentang hala tuju negara ini dan prinsip institusi Parlimen yang bebas. Saya percaya Dewan Negara juga akan membantu mencatat nama dalam sejarah sebagai legasi yang mampu

membentuk Malaysia yang lebih telus, berintegriti dan berwibawa dengan keredaan Allah SWT. Terima kasih. Saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada siapa-siapa yang menyokong?

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)

[Dato' Sri Azalina binti Othman Said]: Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ini ialah rang undang-undang bernama satu akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai 15 orang Ahli yang hendak berbahas. Maka ditetapkan masa yang diberikan adalah 6 minit seorang. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

11.37 pg.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Terima kasih Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2025 dan terima kasih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas pembentangan RUU ini. Seperti kita sedia maklum, pembentangan Rang Undang-undang Perlembagaan adalah sebagai asas ataupun prasyarat kepada pihak kerajaan untuk membolehkan kerajaan membentangkan RUU Perkhidmatan Parlimen.

..... → **[PERBAHASAN & JAWAPAN MENTERI]**

Timbalan Yang di-Pertua: Rayuan Datuk Dr. Haji Azhar itu memang terang benderanglah. *[Ketawa]* Ahli Yang Berhormat, sekarang saya jemput YB Menteri untuk menjawab.

1.04 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)

[Dato' Sri Azalina binti Othman Said]: *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam Kerajaan MADANI, salam bulan Ramadhan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak kerajaan, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator yang telah menyertai perbahasan kepada Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) pada pagi ini. Seramai 14 orang Yang Berhormat Senator: Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas; Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim; Datuk Seri Dr. Mujahid; Senator Tuan Mohd Hasbie; Senator Puan Rita Sarimah;

Senator Puan Susan Chemera; Senator Datuk Nelson; Senator Tuan Pele Peter; Senator Tuan Abun; Senator Puan Anna Bell; Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta; Senator Tuan Amir; Senator Tuan Isaiah; dan Senator Datuk Dr. Haji Azhar.

.....

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Penggulangan yang begitu spesifik. Dengar dengan teliti apa yang Yang Berhormat Menteri cakap tadi. Dia akan jawab isu Akta Perkhidmatan Parlimen pada pembentangan undang-undang selepas ini dan dia sudah ada jawapan pun fasal banyak perbahasan YB tadi menyentuh lebih kepada akta selepas ini.

Jadi, nasihat saya siapa yang tidak perlu hendak berbahas, fasal sudah disebut dalam perbahasan kali ini, pendekkan perbahasan YB dalam akta selepas ini. Itu satu cadangan sayalah ya. Yang di-Pertua sudah tunggu... *[Ketawa]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang dan oleh sebab mengikut Perkara 159 Perlembagaan Persekutuan, Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2025 ini memerlukan sokongan pada bacaan kali yang kedua dengan undi sebanyak tidak kurang daripada dua per tiga daripada jumlah bilangan Ahli Majlis Dewan ini.

Maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 45(5), saya memerintahkan supaya satu belah bahagian diadakan sekarang. Setiausaha, sila bunyikan loceng selama 2 minit.

[Loceng dibunyikan]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, yang menjadi penghitung undi, sila ambil tempat masing-masing di hadapan blok Yang Berhormat.

[Dewan berbelah bahagi]

[Pengundian dijalankan]

■1320

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, setelah selesai undian yang dibuat dan dikira, sekarang diumumkan keputusan undian iaitu yang bersetuju Ahli-ahli yang bersetuju 46 orang... *[Tepuk]* Melebihi dua pertiga. Dua pertiga- hanya 39 orang.

Yang tidak bersetuju tiada. Tiada seorang Ahli pun tidak bersetuju.

Yang tidak mengundi seorang... *[Ketawa]*

Yang tidak hadir 10 orang.

[Editor perlu memasukkan nama-nama Ahli-ahli yang mengundi bersetuju, tidak bersetuju, tidak mengundi, tidak hadir] – Pelapor tidak perlu menaip bahagian ini.

Maka oleh itu, rang undang-undang ini dibacakan Kali Yang Kedua sekarang.

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

DN-20.3.2025

(ii). Bacaan Kali Yang Ketiga

Bacaan Kali Yang Ketiga

1.28 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), [Dato' Sri Azalina binti Othman Said]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa rang undang-undang yang bernama suatu akta meminda Perlembagaan Persekutuan. Saya mencadangkan iaitu rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson]: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan oleh sebab mengikut Perkara 159 Perlembagaan Persekutuan, dibacakan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2025 ini sekali lagi memerlukan sokongan pada Bacaan Kali Yang Ketiga dengan undi sebanyak tidak kurang daripada dua pertiga, daripada jumlah bilangan Ahli Majlis di Dewan ini, maka mengikut peruntukkan Peraturan Mesyuarat 45 perenggan 5, saya memerintahkan supaya satu belah bahagian diadakan sekali lagi sekarang.

Setiausaha membunyikan loceng.

[Loceng dibunyikan]

■1330

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat yang menjadi penghitung undi, sila ambil tempat masing-masing di hadapan blok Yang Berhormat.

[Dewan berbelah bahagi]

[Pengundian dijalankan]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, selesai sudah pengundian dan pengiraan telah dibuat.

Maka diumumkan Ahli Yang bersetuju bertambah satu lagi, daripada 46 kepada 47...

[Tepuk]

Yang tidak bersetuju, tiada mana-mana Ahli pun yang tidak bersetuju.

Yang tidak mengundi, tetap satu sahaja.

Dan yang tidak hadir, kurang satu, 9 sekarang.

[Editor perlu memasukkan nama-nama Ahli-ahli yang mengundi bersetuju, tidak bersetuju, tidak mengundi, tidak hadir] – Pelapor tidak perlu menaip bahagian ini.

Oleh itu, rang undang-undang ini Dibacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.
Setiausaha.

[Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

DN-20.3.2025

14.

USUL-USUL**(G). Usul tidak perlu dibahas dan diputuskan****(i). Usul di Bawah P.M. 61****USUL****MENANGGUHKAN BACAAN KALI YANG KEDUA DAN KETIGA
RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH P.M. 61****11.47 tgh.**

Timbalan Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim [Dato' Sri Huang Tiong Sii]: Terima kasih Tan Sri Yang di-Pertua.

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 61, D.R. 28/2023, Rang Undang-undang Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2023 dan D.R. 29/2023, Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2023 seperti yang tertera di nombor 7 dan nombor 8 dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini ditangguhkan bacaan kali yang kedua dan ketiga dan dibawa ke Mesyuarat akan datang.”

Terima kasih Tan Sri Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui]

DN-11.12.2023

(H). Usul perlu diputuskan tanpa perbahasan

(i). Usul Jalan-jalan Masuk ke Parlimen

USUL

JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed

Said]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini, dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.”

■1200

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli lain menyokong?

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bunyinya Usul tersebut telah didengar, masalahnya ialah satu Usul atas nama Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri seperti yang telah dibacakan tadi hendaklah disetujukan.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

[DN-4.10.2021]

(ii). Usul di Bawah P.M. 11(1)

CONTOH: 1

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

10.03 pg.

Timbalan Menteri Ekonomi [Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib]: Tuan Yang di-Pertua,

“Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai semua urusan yang tertera dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini diputus dan diluluskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan ke satu tarikh yang tidak ditetapkan.”

Timbalan Yang di-Pertua: Ada sesiapa menyokong?

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato Lukanisman bin Awang Sauni]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah pada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya iaitu Usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri itu tadi hendaklah disetujukan.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

[DN-14.12.2023]

(iii). Usul di Bawah P.M. 11(5)

CONTOH: 2

■1140

Ketiga, mana-mana orang melanggar subseksyen 1 melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh didenda tidak mematuhi RM10,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. Dalam hal semua kesalahan berterusan boleh sebagai tambahan dikenakan denda harian tidak melebihi RM1,000 bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan.

Statistik pengasuh yang mempunyai kemahiran berkaitan CPR akan diberikan secara bertulis. Namun begitu, untuk tahun lepas, kita sudah mengadakan latihan yang baharu lagi untuk pengasuh kita. Ada dalam itu untuk bukan sahaja untuk kanak-kanak, tetapi menyeluruh ya. Kita sudah mengadakan 385 latihan untuk mereka yang mengendalikannya- 385 untuk mereka berlatih ya. Statistik mereka yang dilatih, tetapi untuk keseluruhannya, kita akan beri lagi secara bertulis Yang Berhormat. Terima kasih.

[Sesi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, selaras dengan peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(5), saya hendak menetapkan bahawa Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan dtempohkan pada jam 1 tengah hari dan akan bersidang secara terus sehingga selesai diputuskan dan diluluskan D.R.3/2025, Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2024) 2025 dan D.R.8/2025, Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2025 seperti yang tertera di nombor 1 dan nombor 2 dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* hari ini. Selepas itu, Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa, 25 Mac 2025.

[DN-24.3.2025]

Nota:

- ***Tuan Yang di-Pertua / Timbalan Yang di-Pertua mengumumkan bahawa sidang tidak akan dtempohkan... [tiada format khas, hanya Rujuk Nota Speaker]***
- ****Usul ini sudah diringkaskan, Tuan/Puan Yang di-Pertua (pengerusi Mesyuarat) tidak meminta sokongan daripada mana-mana Ahli YB Menteri/ Timbalan Menteri, oleh itu ia perlu ditaip seperti skrip verbatim biasa, dan tiada tajuk.***

(iv). Usul di Bawah P.M. 13(1) dan 13(2)

USUL

**MENDAHULUKAN URUSAN KERAJAAN
DI BAWAH P.M 13(1) DAN 13(2)**

3.15 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy]:

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 13(2) dibaca bersama-sama Peraturan Mesyuarat 13(2) saya mohon mencadangkan:

“Bahawa perbahasan ke atas D.R. 31/2019 Rang Undang-undang Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 2019, bagi Bacaan Kali Yang Kedua yang dijadualkan sebagai No. 6 di dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini didahulukan sekarang, manakala rang undang-undang yang lain dijadualkan semula mengikut aturannya selepas ini.”

Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Saya sokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[DN-19.12.2019]

(v). Usul di Bawah P.M. 15(3)**USUL****MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 15(3)**

8.07 mlm.

Menteri Perpaduan Negara [Datuk Halimah binti Mohamed Sadique]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 15(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang menyokong?

Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Mohd Shahr bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

[DN-21.9.2020]

(vi). Usul Menteri di Bawah P.M. 70

USUL MENTERI DI BAWAH P.M 70

PELANTIKAN AHLI JAWATANKUASA PEMILIH

11.49 pg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan M. Kulasegaran a/l Murugeson]: Tuan Yang di-Pertua,

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 70, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara, saya mohon mencadangkan supaya Ahli Yang Berhormat berikut:

1. Yang Berhormat Senator Datuk Mutang Tagal, (Pengerusi) (Yang di-Pertua Dewan Negara);
2. Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah;
3. Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair;
4. Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh; dan
5. Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemera Anding.

Dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Pemilih di bawah Peraturan Mesyuarat 70 untuk tempoh Penggal Ketiga, Parlimen Kelima Belas, dan selaras dengan peruntukan Peraturan Mesyuarat 70(2), Majlis Mesyuarat dengan ini memberi kuasa kepada Jawatankuasa Pemilih memanggil orang hadir di hadapannya serta meminta dikeluarkan surat-surat.”

Tuan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Digital [Datuk Ugak anak Kumbong]: Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri mengikut Peraturan Mesyuarat 70 itu tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[DN-18.3.2024]

(I). Usul perlu diputuskan dan ada perbahasan

(i). Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja (*hari pertama*)

USUL

**MENJUNJUNG KASIH TITAH SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan pencadang Usul Menjunjung Kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kita benarkan 45 minit lah sebagai pencadang. Silakan.

11.49 pg.

Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terutama atas budi baik memberikan waktu yang cukup panjang, tetapi saya sendiri mungkin akan berusaha meningkatkannya terutama dalam bulan Ramadan. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Keempat, Majlis Parlimen Yang Kelima Belas.”

■1150

Dato' Yang di-Pertua, sebelum saya memanjangkan kalam, saya mohon memulakan wacana dengan mengimbau keperluan kita semua menghayati dan mendukung institusi Raja-Raja sebagai tonggak sistem pemerintahan negara.

..... → ***[PERBAHASAN & JAWAPAN MENTERI]***

[DN-3.3.2025]

(ii) Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja (*menyambung semula perbahasan*)

USUL

**MENJUNJUNG KASIH TITAH SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Keempat, Parlimen Yang Kelima Belas.” **[3 Mac 2025]**

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai lapan orang Ahli yang hendak berbahas. Masa banyak, maka saya membuat ketetapan bahawa masa diberikan untuk perbahasan hari ini adalah tidak kurang daripada 30 minit seorang. Jadi kalau boleh pastikan cukup 30 minit itu.

Sekarang, saya persilakan Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff.

11.49 pg.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat menyambut Ramadan Al-Mubarak.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas ruang yang diberikan kepada saya untuk membahas Titah Diraja sempena Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Keempat, Parlimen Kelima Belas yang berlangsung pada 3 Februari yang lalu.

■1150

..... → **[PERBAHASAN & JAWAPAN MENTERI]**

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya bahawa Usul Menjunjung Kasih ke atas

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong oleh Yang Berhormat Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan hendaklah dipersetujukan.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

[DR-25022025]

(iii) Usul Menteri dalam Aturan Urusan Mesyuarat

USUL

**USUL MENTERI KESIHATAN BERKENAAN
KERTAS PUTIH KESIHATAN**

11.59 pg.

Timbalan Menteri Kesihatan [Tuan Lukanisman bin Awang Sauni]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Segulai Sejalai, Malaysia MADANI.*

Tuan Yang di-Pertua, dengan sukacitanya, saya berdiri di Dewan yang mulia ini untuk mengemukakan satu Usul seperti berikut:

"Bahawa Dewan ini memahami akan perlunya satu dasar reformasi sistem kesihatan Negara melalui Kertas Putih Kesihatan, bagi meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan Rakyat supaya ia relevan dengan keperluan semasa dan masa hadapan;

Bahawa Dewan ini mendukung aspirasi Kerajaan untuk membina sebuah Negara yang sihat, di mana ekosistem kondusif diwujudkan supaya sistem kesihatan berdaya tahan serta mampan untuk jangka masa panjang melalui Kertas Putih Kesihatan;

Bahawa Dewan ini menyokong bagi memastikan usaha reformasi ini kalis masa hadapan dan tidak terkesan dengan situasi politik mahupun perubahan pentadbiran Negara; dan

Bahawa Dewan ini meluluskan dan merestui dasar dan usaha yang komprehensif dan menyeluruh seperti yang diperkenalkan dalam Kertas Putih Kesihatan, dengan komitmen semua pihak berkepentingan sejajar dengan pendekatan Keseluruhan Negara (*Whole of Nation*) untuk sama-sama memikul tanggungjawab kesihatan sebagai satu usaha nasional.

Bahawa Dewan ini merestui dan mengesahkan Kertas Putih Kesihatan supaya menjadi hala tuju reformasi sistem kesihatan Negara untuk tempoh 15 tahun akan datang seperti yang dinyatakan dalam Kertas Perintah 29 Tahun 2023 iaitu Kertas Putih Kesihatan yang telah dibentangkan di Dewan Negara pada Rabu, 21 Jun 2023."

■1200

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya membentangkan Kertas Putih Kesihatan untuk dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sejak mencapai kemerdekaan, Malaysia telah berjaya meningkatkan tahap kesihatan rakyat dan menunjukkan prestasi sistem penjagaan kesihatan yang baik berbanding negara berpendapatan sederhana yang lain. Namun, untuk 20 tahun ini tahap kesihatan rakyat semakin menurun.

..... → [PERBAHASAN & JAWAPAN MENTERI]

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Majlis Dewan mendoakan rancangan dan pelaksanaan kerajaan melalui Kertas Putih ini yang bertujuan untuk mereformasi sistem kesihatan negara dengan tujuan untuk meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan rakyat dengan efektif, efisien dan berhemah serta adil saksama daripada segi kos akan berjaya.

Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah Usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

[DN-26.6.2023]

USUL

USUL MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)

Perbahasan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2021 Siri 2

11.35 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)

[Dato' Sri Azalina Othman Said]: *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua,

“Menyedari bahawa dalam sistem akauntabiliti negara, Institusi Audit merupakan *oversight* agensi kepada Parlimen yang berperanan untuk mengesahkan semua aktiviti dan kewangan yang telah diluluskan oleh Parlimen dilaksanakan oleh cabang eksekutif. Ketua Audit Negara hendaklah menentukan sama ada pada pendapatnya wang telah digunakan untuk maksud yang diperuntukkan atau dibenarkan dan aktiviti yang berhubungan dengannya dijalankan atau diuruskan dengan cara yang cekap, dengan memberi perhatian sewajarnya terhadap keekonomian dan pengelakan pembaziran atau keborosan seperti termaktub dalam Akta Audit 1957 [Akta 62].

Menyedari akan cabaran yang dihadapi oleh Ketua Audit Negara dalam menjalankan mandat dan tanggungjawabnya memerlukan perhatian yang serius daripada pihak berkaitan supaya isu yang dibangkitkan diberi perhatian sewajarnya manakala syor-syor utama yang terkandung dalam LKAN dilaksanakan dengan berkesan.

Menyedari bahawa LKAN telah dibentangkan di Dewan Negara pada Selasa, 21 Mac 2023 terdiri daripada:

- i. LKAN Tahun 2021 Siri 2 mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun Persekutuan;
- ii. LKAN Tahun 2021 mengenai Pengauditan Pematuhan Kementerian dan Jabatan Persekutuan; dan
- iii. LKAN Tahun 2021 Siri 2 mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan.

Memahami bahawa LKAN membangkitkan isu-isu ketidakteraturan serius yang berlaku dalam perakaunan atau penjagaan wang awam atau simpanan awam serta pengurusan aktiviti kerajaan, pihak berkuasa awam dan syarikat kerajaan yang memerlukan tindakan berkesan daripada kementerian, jabatan, agensi dan pihak berkuasa awam yang diaudit.

Memperakui bahawa kerajaan memandang serius isu yang dibangkitkan dalam LKAN, dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah mengarahkan agar Menteri terlibat dalam meneliti isu yang dibangkitkan. Segala isu yang melibatkan ketirisan, ketidakpatuhan pada peraturan, tidak mematuhi syarat dan kelemahan dalam perancangan perlu diteliti dan ambil

pengajaran, dengan izin, *lessons learnt* supaya tidak berulang dalam pelaksanaan aktiviti/program/projek di masa akan datang.

Bahawa dalam Ketua Audit Negara melaksanakan mandatnya, Dewan yang mulia ini menyeru agar semua pihak bersatu hati dan menyokong kerajaan agar dapatan Audit dan syor yang terkandung dalam laporan tersebut dapat diambil tindakan dengan serius oleh pihak terlibat untuk mengatasi kelemahan yang ditemui dan seterusnya mengelakkan ketirisan wang awam daripada terus berlaku”.

Tuan Yang di-Pertua, Perkara 106 dan Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957 mengehendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti kementerian/jabatan, pihak berkuasa awam, agensi serta pengurusan syarikat kerajaan bagi Persekutuan dan negeri dan kemukakan laporan mengenainya ke Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Negara ini.

..... → **[PERBAHASAN & JAWAPAN MENTERI]**

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekarang saya menjemput Kementerian Sumber Manusia.

5.10 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Tuan Haji Mustapha @ Mohd Yunus bin Sakmud]: *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam Malaysia MADANI.

Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan ucapan penghargaan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi izin kepada saya bagi menjawab pertanyaan isu dan cadangan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan Laporan Ketua Audit Negara 2021.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada seramai lima orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan pertanyaan dan isu berkaitan Kementerian Sumber Manusia sepanjang sesi perbahasan kali ini.

[DN-27.6.2023]

(iv) Usul di Bawah P.M. 78(5)

USUL

USUL DI BAWAH P.M. 78(5)

Penubuhan Tiga Buah Jawatankuasa Pilihan Khas

11.31 pg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)
[Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan,

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 78(5), Penyata Jawatankuasa Dewan, Majlis Dewan Negara yang dibentangkan di atas meja di dalam Dewan ini sebagai Kertas DN.1 Tahun 2021, hendaklah diterima dan dipersetujui.”

.....

Sebagaimana yang dilaporkan dalam Penyata Jawatankuasa Dewan, Majlis Mesyuarat Dewan Negara yang telah pun dibentangkan di atas meja Mesyuarat Dewan ini sebagai Kertas DN.1 Tahun 2021 ini merupakan susulan kepada dua siri Mesyuarat Jawatankuasa Dewan yang telah pun diadakan pada 23 Julai 2021 dan 30 September 2021. Penyata ini mengandungi syor-syor jawatankuasa yang dikemukakan berhubung dengan penubuhan tiga buah Jawatankuasa Pilihan Khas untuk diterima Majlis Mesyuarat ini.

Susulan daripada dua siri mesyuarat Jawatankuasa Dewan itu, Jawatankuasa telah pun bersetuju mengesyorkan penubuhan tiga buah Jawatankuasa Pilihan Khas seperti berikut:

- (i) Jawatankuasa Pilihan Khas Kesejahteraan Rakyat;
- (ii) Jawatankuasa Pilihan Khas Sosiobudaya, Komunikasi dan Pendidikan;
- dan
- (iii) Jawatankuasa Pilihan Khas Tadbir Urus, Integriti dan Antirasuah.

[Tepuk]

Jawatankuasa tersebut juga bersetuju agar terma rujukan bagi Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan Khas ini hendaklah mengandungi beberapa perkara seperti berikut:

- (i) tujuan penubuhan;
- (ii) keanggotaan lima orang Ahli termasuk Pengerusi; dan
- (iii) tempoh kuat kuasa jawatankuasa selama dua tahun atau dua penggal daripada tarikh penubuhannya.

Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan Khas tersebut juga berkuat kuasa memanggil orang hadir di hadapannya untuk mengambil keterangan, buah fikiran dan juga pandangan tentang apa-apa yang berkaitan dengan bidang tugas yang dinyatakan dalam terma rujukan jawatankuasa tersebut serta tertakluk kepada peruntukan yang dinyatakan dalam Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara.

Seterusnya, laporan ataupun penyata yang dikeluarkan hasil daripada siasatan ataupun, dengan izin, *enquiry*, oleh sesuatu Jawatankuasa Pilihan Khas hendaklah dibentangkan di dalam Dewan. Penyata ini telah dibentangkan boleh dicadangkan untuk dibahaskan, diterima dan dipersetujui oleh Majlis melalui usul di bawah Peraturan Mesyuarat 78(5), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Minta sesiapa menyokong.

Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli [Datuk Ali anak Biju]: Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ialah Usul Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri ini terbuka untuk dibahaskan kerana selaras dengan Agenda Transformasi Parlimen, penambahbaikan tiga buah Jawatankuasa Pilihan yang ada.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya kita pada dasarnya telah setuju dengan penambahbaikan bagi tiga buah Jawatankuasa ini, tetapi jika ada yang hendak berbahas saya benarkan untuk dibahaskan.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Tuan Yang di-Pertua, saya kira ia sudah cukup *complete*, telah pun disentuh dalam ucapan-ucapan ketika membahaskan Titah Diraja dan juga ketika membahaskan Rancangan Malaysia Kedua Belas.

Jadi saya mengusulkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang lain supaya perkara ini dipersetujui tanpa bahas. Itu cadangan saya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Muhamad Zahid atas pandangan tadi. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengikut Peraturan Mesyuarat 75(5) itu tadi hendak disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[DN-25.10.2021]

(v) Usul Persendirian – Bukan Ahli Kerajaan

USUL PERSENDIRIAN – BUKAN AHLI KERAJAAN

**USUL TRANSFORMASI PARLIMEN
OLEH YB SENATOR TUAN MUHAMAD ZAHID BIN MD. ARIP**

2.32 ptg.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada kerajaan kerana membenar Usul ini dikemukakan. Usul Transformasi Parlimen oleh saya, Senator Muhamad Zahid bin Md. Arip,

- “(a) Menyedari sistem demokrasi Malaysia adalah berpaksikan kepada konsep pengasingan kuasa di antara legislatif, eksekutif dan kehakiman yang perlu diterjemahkan dalam erti kata yang sebenar-benarnya dengan tidak boleh terus menerus membiarkan legislatif dikuasai eksekutif;

Menginsafi bahawa Parlimen sebagai institusi penggubal undang-undang tertinggi Malaysia perlu ditransformasikan agar kedudukannya dihormati dan didaulatkan sebagaimana digariskan Perlembagaan Persekutuan, selain mengambil semangat daripada Memorandum Persefahaman Transformasi dan Kestabilan Politik yang telah ditandatangani pada 13 September 2021 lalu;

Mendukung penuh usaha Dewan Negara dan Dewan Rakyat untuk meminda dan memperkasakan Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952 serta mengembalikan semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 yang dimansuhkan pada 1992;

Menyedari beberapa pindaan dan penambahbaikan ke atas beberapa Peraturan Mesyuarat, pembentukan beberapa Jawatankuasa Pilihan Khas yang mempunyai kuasa perundangan serta usaha memperkenalkan Kod Etika Ahli Parlimen;

- (b) Maka dengan ini, saya mengemukakan Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 26(3) bagi membolehkan Dewan ini membahaskan, dan membuat ketetapan bagi menggesa kerajaan:
- (i) segera melaksanakan transformasi ke atas institusi Parlimen; dan
 - (ii) mengusulkan pindaan Perlembagaan bagi maksud Perkara 45(4)(a) dan (4)(b).”

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menghuraikan Usul ini dengan memberikan ucapan lebih kuat dalam 20 minit daripada sekarang.

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.. [Membaca sepotong ayat Al-Quran] Segala puji bagi Allah. Selawat dan Salam ke atas junjungan Mulia Nabi Muhammad SAW. Saya buka tirai ucapan saya pada hari ini dengan serangkap pantun,

*Pencak silat seni berzaman,
Di tarikan oleh pahlawan Melaka;
Sampai sudah seruan pembaharuan,
Transformasi Parlimen perjuangan kita.*

..... → **[HURAIAN OLEH PENCADANG USUL]**

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ialah Usul Yang Berhormat Senator Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip terbuka untuk dibahaskan.

Dengan itu, saya menjemput Yang Berhormat Tuan Robert Lau Hui Yew untuk membahaskan dan menyokong. Dipersilakan.

2.53 ptg.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan usul dan menyokong Usul ini.

..... → **[PERBAHASAN DAN JAWAPAN MENTERI]**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

■1640

Tuan Yang di-Pertua: *Waalaikumussalam.* Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. *[Tepuk]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip yang telah pun mengemukakan bunyi serta hajat di dalamnya disetujukan.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

[DN-26.10.2021]

(vi) PENERANGAN DARIPADA Y. B. MENTERI DI BAWAH P.M. 13(1)(i)

**PENERANGAN DARIPADA MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP DI BAWAH P.M. 13(1)(i)**

**PENJELASAN LANJUT BERKENAAN DENGAN PEMBINAAN STESEN MINYAK
TANPA SUBSIDI DI BANDAR-BANDAR SEMPADAN NEGARA**

11.36 pg.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup [Datuk Seri Salahuddin bin Ayub]: *Bismillahirrahmanirrahim.* Tuan Yang di-Pertua, tahniah daripada saya atas pelantikan sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara. Satu yang saya rasa pencapaian peribadi yang harus kita turut bangga atas usaha Tuan Yang di-Pertua yang kita kenal berjuang begitu lama untuk Reformasi Parlimen. Tahniah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Seri Salahuddin bin Ayub: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan atas keizinan dan peluang untuk saya memberikan sedikit penerangan tentang aktiviti ekonomi sempadan yang diusahakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup iaitu inisiatif ekonomi sempadan ini dan pembinaan stesen minyak tanpa subsidi stesen minyak komersial dan sekali gus menjadi serampang dua mata untuk mengurangkan ketirisan dan penyelewengan aktiviti penyeludupan.

..... → **[PERBAHASAN & JAWAPAN MENTERI]**

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Majlis Dewan mendoakan rancangan dan pelaksanaan kerajaan melalui Kertas Putih ini yang bertujuan untuk mereformasi sistem kesihatan negara dengan tujuan untuk meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan rakyat dengan efektif, efisien dan berhemah dan adil saksama daripada segi kos akan berjaya.

Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah Usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 27 Jun 2023.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 6.47 petang]

[DN-26.6.2023]

(J). Usul tidak perlu diputuskan dan ada perbahasan

(i). Usul di Bawah P.M. 17(1)

**USUL PERKARA TERTENTU BERKENAAN KEPENTINGAN
ORANG RAMAI YANG BERKEHENDAK DISEGERAKAN
DI BAWAH P.M. 17(1)**

**KECAMAN TERHADAP REJIM ZIONIS ISRAEL DALAM
PEPERANGAN DI PALESTIN**

11.33 pg.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Terima kasih Tan Sri Yang di-Pertua. Usul saya bahawasanya saya Tuan Haji Hussin bin Ismail Ahli Dewan Negara memohon mencadangkan agar Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan mengikut Perkara 17(1) dan (2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat untuk mendesak Kerajaan Malaysia menyatakan sokongan solidariti tidak berbelah bahagi kepada rakyat Palestin dalam mempertahankan hak kedaulatan negara mereka sekali gus mengecam rejim Zionis Israel sebagai pengamal dasar aparteid, kekejaman dan penjajahan yang sedang berlaku di Palestin.

Usul ini adalah perkara tertentu kerana konflik perang antara Palestin dan rejim Israel merupakan suatu kepentingan kepada negara memandangkan Palestin mempunyai hubungan diplomatik dengan Malaysia. Maka, adalah penting untuk Malaysia secara konsisten bersuara menentang kezaliman Zionis dan terus berusaha untuk membawa keadilan buat penduduk Palestin.

.....

Demikian usul saya. Sekian. *Wabillahitaufik. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 17(1) oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail pada Selasa, 5 Disember 2023.

Teks usul itu adalah seperti yang telah dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail sebentar tadi yang seterusnya mendapat perhatian dan pertimbangan.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkit oleh Yang Berhormat Senator itu memenuhi tiga syarat.

Syarat pertama, ialah bahawa perkara itu bersifat tertentu. Syarat kedua, ialah bersifat bagi kepentingan orang ramai. Syarat ketiga, ialah hendaklah disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan mendapati bahawa:

- (i) Tertentu. Perkara ini adalah perkara yang tertentu;
- (ii) Kepentingan orang ramai. Ia adalah bagi kepentingan orang ramai;
- (iii) Berkehendak disegerakan. Perkara ini juga perlu disegerakan.

Oleh yang demikian, saya membenarkan usul ini untuk dibahaskan. *[Tepuk]*. Mengikut Peraturan 17(3), usul ini akan dibahaskan pada petang ini Rabu, 6 Disember 2023 di dalam Dewan ini bermula jam 4.30 petang hingga 5.30 petang.

Saya membenarkan pihak pencadang membahaskan selama 10 minit dan mengikut dengan perbahasan daripada Ahli-ahli yang lain mengikut kesesuaian masa yang ada. Selepas itu saya akan meminta pihak kerajaan menjawab.

Tertakluk kepada permohonan dan pernyataan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah menyertai perbahasan itu mengikut kadar yang dapat diberikan pada petang ini. Terima kasih.

[DN-6.12.2023]

15. FORMAT VERBATIM PENYATA RASMI MAJLIS MENGANGKAT SUMPAH (MMS)

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
MAJLIS MENGANGKAT SUMPAH
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA
Khamis, 9 Januari 2025
Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.00 pagi
DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

MENGANGKAT SUMPAH SEBAGAI AHLI DEWAN NEGARA

Setiausaha: Mengangkat sumpah sebagai Ahli Dewan Negara. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, Ahli-ahli Yang Berhormat dan para hadirin sekalian, Majlis Mengangkat Sumpah pada hari ini adalah selaras dengan peruntukan Perkara 59(1) Perlembagaan Persekutuan, Peraturan Mesyuarat 4(1) dan 4(3), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara serta mengikut Jadual Keenam Perlembagaan Persekutuan.

Dengan hormatnya saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat berikut untuk mengangkat sumpah di hadapan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara.

LANTIKAN SEMULA

1. Yang Berhormat Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd. Ghaffar

LANTIKAN BAHARU

1. Yang Berhormat Senator Datuk Rosni binti Sohar

[Upacara Mengangkat Sumpah tamat]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN DUA ORANG AHLI DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum.* Salam sejahtera, salam Malaysia MADANI. Ahli-ahli Yang Berhormat dan para hadirin hadirat yang dihormati sekalian, sudah tentu berkewajipan juga untuk menyemai fahaman Keluhuran Perlembagaan-*Supremacy of the Constitution* dan Kedaulatan Undang-undang (*Rule of Law*) dalam kalangan warga Malaysia. Sekarang ini pembangunan media sosial memberi platform yang berpengaruh untuk tujuan ini. Maka, manfaatkanlah demi menegakkan tonggak negara kita ini.

•••••

Akhir kata, ucapan setinggi-tinggi tahniah daripada saya dan Ahli-ahli Dewan Negara serta kakitangan semua kepada kedua-dua Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengangkat sumpah hari ini dan kita mengucapkan selamat menjalankan tugas sebagai negarawan. Dengan kata-kata itu, maka selesailah Majlis Mengangkat Sumpah kita pada hari ini.

Sekian, terima kasih. *Wabillahittaufiq wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

[Majlis tamat pada pukul 11.16 pagi]

[MMS-9.1.2025]

Nota:

- *Majlis Mengangkat Sumpah ini diadakan ketika Dewan Negara dalam tangguhan dan tidak bersidang*

**PENYEDIAAN VERBATIM
PENYATA RASMI MAJLIS MENGANGKAT SUMPAH**

CONTOH

Selasa

13 Mei 2025



MALAYSIA

MAJLIS MENGANGKAT SUMPAH SEMASA MAJLIS DALAM TANGGUHAN

**[Perkara 59(1) Perlembagaan Persekutuan]
[Peraturan Mesyuarat 4(1) dan 4(3)]**

Disediakan oleh :
**Seksyen Penyata Rasmi
2025**

**PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA**

**DEWAN NEGARA
MAJLIS MENGANGKAT SUMPAAH
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA
Selasa, 13 Mei 2025
Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.10 pagi**

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

MENGANGKAT SUMPAAH SEBAGAI AHLI DEWAN NEGARA

Setiausaha: Mengangkat sumpah sebagai Ahli Dewan Negara. Yang Berhormat Dato Yang di-Pertua Dewan Negara, Ahli-ahli Yang Berhormat dan para hadirin sekalian, Majlis Mengangkat Sumpah pada hari ini adalah selaras dengan peruntukan Perkara 59(1) Perlembagaan Persekutuan, Peraturan Mesyuarat 4(1) dan 4(3), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara serta mengikut Jadual Keenam, Perlembagaan Persekutuan. Dengan hormatnya saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat berikut untuk mengangkat sumpah di hadapan Yang Berhormat Dato Yang di-Pertua Dewan Negara.

LANTIKAN BAHARU

2. Yang Berhormat Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani; dan
3. Yang Berhormat Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong.

[Upacara Mengangkat Sumpah tamat]

Ahli-ahli Yang Berhormat, pada 20 Mac 2025, Dewan Negara telah meluluskan Rang Undang-undang Perkhidmatan Parlimen 2025 bertujuan menghidupkan kembali Perkhidmatan Parlimen selepas dimansuhkan Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 pada tahun 1992.

Menurut sejarah, sejak Penubuhan Malaysia pada tahun 1963, Perkhidmatan Parlimen diasingkan daripada penjawat awam ataupun public service, di bawah naungan Eksekutif. Maka, Parlimen mempunyai autonomi dan tidak dipengaruhi oleh kuasa Eksekutif.

Usaha mengembalikan autonomi ini membawa signifikan besar pada Demokrasi Berparlimen di Malaysia dengan adanya semula Perkhidmatan Parlimen. Ia akan mengembalikan autonomi institusi Parlimen, memperkukuhkan prinsip separation of power ataupun pemisahan kuasa yang menjadi teras kepada Sistem Demokrasi Berparlimen, selari dengan Perlembagaan Persekutuan.

Dengan pengenalan Rang Undang-undang Public Services Act, Parlimen akan dapat berfungsi dengan lebih bebas sekali gus memastikan peranan Legislatif dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan berwibawa.

Struktur yang lebih kukuh dan bebas, maka Parlimen akan dapat memperkasakan tugas pengawasan dan perundangan selaras dengan amalan terbaik di negara-negara demokrasi yang maju.

Pada masa yang sama untuk melaksanakan kewajipan dan tanggungjawab yang lebih efektif dan berkesan, Dewan Negara telah menubuhkan tiga jawatankuasa khas:

- (i) Jawatankuasa Pilihan Khas Tata Kelola, Integriti dan Antirasuah;
- (ii) Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Sosial dan Masyarakat; dan
- (iii) Jawatankuasa Pilihan Khas Semakan Undang-undang.

Perkara-perkara di bawah jawatankuasa-jawatankuasa ini merangkumi kepentingan negara dan juga awam. Maka Ahli-Ahli disarankan untuk proaktif dalam jawatankuasa-jawatankuasa ini ataupun select committee serta libat urus- engage dengan pihak-pihak pemegang taruh, pihak awam ataupun swasta- dalam ataupun luar negara, tidak terhad kepada negara-negara yang mengamalkan Sistem Westminster, yang acuannya kita amal sekarang ini iaitu UK. Di UK Dewan Negara adalah House of Lords- kita Dewan Negara.

Kita, semua maklum pada Persidangan Khas Parlimen, 5 Mei 2025 yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menghurai dengan dalam dan komprehensif tentang soal tarif yang menjadi buah mulut hari ini yang akan membawa kesan kepada ekonomi dan kesejahteraan semua.

Maka hubungan dengan blok-blok ekonomi seperti ASEAN yang kita Pengerusikan dan akan ada Mesyuarat ASEAN Summit pada 26 Mei yang akan datang dan juga kita mesti berhubung dengan selain ASEAN dengan dalam our own backyard- BRICS- Brazil, Rusia,

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN DUA ORANG AHLI

Tuan Yang di-Pertua: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum. Salam sejahtera, salam Malaysia MADANI.

Yang Berhormat Dato' Sri Mohd Shahar, Speaker Dewan Undangan Negeri Pahang, Yang Berbahagia Dato' Sri Ismail Mohamed Said, Mantan Timbalan Speaker Dewan Rakyat dan juga Timbalan Menteri Dalam Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Setiausaha Dewan Negara, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Syukur alhamdulillah, pada pagi ini kita menyempurnakan Majlis Angkat Sumpah dua orang Yang Berhormat Senator yang baharu iaitu Yang Berhormat Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani dan Yang Berhormat Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong yang merupakan lantikan baharu dipilih oleh Dewan Undangan Negeri Pahang. Berkuat kuasa mulai hari ini- 13 Mei hingga 12 Mei 2026, mengikut peruntukan Perkara 45(1)(a), Perlembagaan Persekutuan. Bagi pihak Dewan Negara diucapkan setinggi-tinggi tahniah dan dialu-alukan kedua-dua Yang Berhormat Senator ke Dewan Negara.

Ahli-ahli Yang Berhormat, pelantikan ini melandaskan Perkara 45(1)(a) Perlembagaan Malaysia yang memperuntukkan setiap negeri dan wilayah dalam Malaysia melantik ataupun memilih dua orang Ahli supaya mereka ada suara di badan yang tertinggi- penggubal undang-undang di negara kita- the highest legislative body in the country. Berperanan untuk menyemak dan mengimbang- check and balance pihak Eksekutif Dewan Rakyat berasaskan prinsip pengasingan kuasa ataupun separation of power.

■1120

Peruntukan di bawah Perkara 45 seperti yang dikatakan tadi, memberi ruang kepada negeri-negeri dan juga wilayah untuk bersuara di peringkat Dewan Negara.

Dewan Negara berkuasa untuk menggubal undang-undang kecuali undang-undang yang berkaitan dengan kewangan.

Boleh meminda serta menolak rang undang-undang yang dibawa naik daripada Dewan Rakyat, juga untuk melagahkan undang-undang yang dibawa naik daripada Dewan Rakyat, bagi undang-undang biasa satu tahun.

Bagi undang-undang kewangan satu bulan dan mengenai pindaan Perlembagaan, suara dua pertiga daripada Dewan Negara dan juga Dewan Rakyat diperlukan.

India, China dan South Africa dan juga Gulf Countries Council, Gulf Cooperation Council. Ini meliputi negara-negara seperti Bahrain, Kuwait, Oman, Qatar, Saudi Arabia dan United Emirates. Antaranya, tidak terhad, kita boleh juga berhubung dengan Amerika Selatan, dengan Afrika, India, Pakistan dan lain-lain, tapi kita mesti seperti yang disebutkan oleh saya tadi, ASEAN menjadi teras kita yang penting sebab ia adalah blok ekonomi yang kelima terbesar di dunia masa ini dan akan dijangka pada tahun 2030 yang keempat terbesar di dunia dengan keluaran luar negaranya adalah lebih 3.67 trillion Dollar dan pasaran penduduknya adalah 678 juta.

Jadi, Yang Berhormat Yang Berhormat Senator merupakan pemegang taruh, tentukan sebagai seorang penggubal undang-undang yang berkaitan untuk menentukan kita mencapai visi kita untuk memudahkan perdagangan, memudahkan pertukaran budaya, profesion, perniagaan dapat dilaksanakan untuk kita mencapai visi kita bahawa ASEAN itu menjadi satu apa yang disebut ASEAN Economic Community (AEC). Sebab itu lah satu cara untuk kita menangani isu-isu seperti isu tarif hari ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang baharu mengangkat sumpah, dialu-alukan menyumbang pandangan dan idea-idea serta mengambil peranan yang aktif dan proaktif dalam bukan saja persidangan kita, tapi dalam Select Committee, ataupun Jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan, tiga buah jawatankuasa tadi.

Sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas pelantikan ini dan selamat berkhidmat kepada negara sebagai Ahli Dewan Negara.

Dengan kata-kata itu, maka selesailah Majlis Mengangkat Sumpah kita pada hari ini. Sekian, terima kasih. Wabillahi, taufiq, wal hidayah, wassalamualaikum, warahmatullahi wabarakatuh.

[Majlis tamat pada pukul 11.27 pagi]

**PENYEDIAAN VERBATIM
PENYATA RASMI KAMAR KHAS**

APA ITU KAMAR KHAS

Ruang khas yang diwujudkan untuk membincangkan perkara-perkara penting atau mendesak yang berkaitan dengan negara

TUJUAN UMUM

Membolehkan perbincangan isu-isu penting yang memerlukan perhatian segera dan tidak boleh ditangguhkan

TERPERINCI

Untuk menimbangkan perkara yang dirujuk kepada seperti berikut:

- ucapan berkenaan dengan apa-apa perkara tadbir dalam tanggungan kerajaan di bawah Peraturan Mesyuarat 17;
- perkara tertentu berkepentingan orang ramai di bawah Peraturan Mesyuarat 18

PERSIDANGAN PERTAMA

16 Mei 2016

Menandakan permulaan fungsi baharu dalam sistem demokrasi berparlimen Malaysia

KELEBIHAN

Membolehkan Dewan Rakyat menumpukan perhatian pada isu-isu yang lebih luas dan umum, sementara isu-isu penting atau mendesak dapat ditangani secara terperinci dalam Kamar Khas

CONTOH

Bil. 2

Rabu

5 Februari 2025

KANDUNGAN



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA

UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA
TADBIR KERAJAAN [P.M. 17]:

- Lokasi Pusingan-U Tidak Sesuai Bagi Taman Penor Makmur
-YB. Tuan Wan Razali bin Wan Nor (Kuantan) = (Halaman 1)
 - Prosedur Kemaskini Dokumen Sijil Kelahiran Mengikut Nasab
-YB. Tuan Wan Razali bin Wan Nor (Kuantan) = (Halaman 4)
 - Projek-projek di Tuaran bagi Menyelesaikan Krisis Bekalan Air di Sabah
-YB. Datuk Seri Panglima Madius Tangau (Tuaran) = (Halaman 8)
 - Perjawatan Pensyarah atau Guru Bahasa Kadazandusun di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
-YB. Datuk Seri Panglima Madius Tangau (Tuaran) = (Halaman 16)
- USUL PERKARA TERTENTU BERKENAAN KEPENTINGAN ORANG RAMAI YANG BERKEHENDAK DISEGERAKAN DI BAWAH P.M. 18(1)
- Isu Bencana Banjir Dan Tanah Runtuh Yang Sedang Berlaku Di Sarawak Dan Sabah
-YB. Tuan Chiew Choon Man (Miri) = (Halaman 22)

Disyorkan Oleh:
SEKUTERA PERUSAHAAN
PARLIMEN MALAYSIA
2025

KKDR 5.2.2025

1

MALAYSIA
KAMAR KHAS
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA

Rabu, 5 Februari 2025
Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang
DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor) mempengerusikan Mesyuarat]

UCAPAN DI BAWAH USUL
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M. 17]

LOKASI PUSINGAN-U TIDAK SESUAI BAGI TAMAN PENOR MAKMUR

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Silakan Yang Berhormat.

2.34 pta.

Tuan Wan Razali bin Wan Nor [Kuantan]: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat petang. Terima kasih Datuk Seri Timbalan Menteri yang hadir sendiri pada petang ini. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa perhatian Yang Berhormat Menteri Kerja Raya berkenaan lokasi pusingan-U yang kurang sesuai bagi Taman Penor Makmur, Kuantan.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan YB Menteri, taman perumahan ini terletak berhampiran Jalan Kuantan – Pekan dan mula didiami oleh penduduk pada awal tahun 2024. Laluan masuk dan keluar taman perumahan ini bertentangan dengan pusingan-U sedia ada selepas daripada Penjara Penor menghala ke Pekan. Bagi tujuan keselamatan, pihak pemaui membina benteng konkrit di laluan masuk dan keluar taman ini bagi mengelakkan pengguna menggunakan pusingan-U tersebut.

Oleh yang demikian, penduduk yang ingin menuju ke bandar Kuantan atau Gambang perlu membuat pusingan-U yang agak jauh dengan jarak kira-kira empat kilometer dari susur keluar taman ini. Dalam erti kata lain, penduduk perlu melalui sejauh lapan kilometer untuk keluar daripada perumahan mereka bagi urusan harian termasuk ke tempat kerja, menghantar anak ke sekolah dan lain-lain. Selain itu, belum....

KKDR 5.2.2025

2

Kesemua ini kalau kita mengambil kira di dalam MPA negara, meliputi 5.39 peratus keluasan perairan negara. Juga kita melipatgandakan usaha untuk menambahkan unjam-unjam baru, enam komuniti seperti yang saya sebut tadi di Kedah. Di mana telah menerima peruntukan sebanyak RM156,525 pada tahun 2024. Melibatkan kawasan Chenang, Kuala Muda, Jerlun, Tunjang, Seberang Kota dan Kuala Dulang.

Jadi berkaitan pula dengan tukun tiruan, kita cakra bahawa mungkin akan ada lagi kawasan-kawasan yang juga sesuai untuk kita menambahkan unjam-unjam. Sekiranya yang penting kita perlu memastikan mereka memenuhi kriteria yang telah digariskan di dalam Garis Panduan Pembangunan Tukun Tiruan.

Bagi kawasan Kuala Kedah, kita ada tapak unjam di Kuala Tebengau, yang telah dibina pada tahun 1992, di bawah Kuala Sala pada tahun 1988, di bawah Kuala Kuar dibina pada tahun 1992 dan Kuala Kangkong pada 1996. Seperti mana yang saya sebutkan tadi sekiranya unjam-unjam ataupun tukun tiruan ini ada boleh ditambah untuk kita membantu kepada para nelayan meningkatkan hasil tangkapan dan juga meningkatkan pendapatan para nelayan.

Kita boleh membuat kajian dan memastikan mereka memenuhi syarat dalam garis panduan tersebut untuk kita menanam tukun tiruan di kawasan sana. Sekian dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Baik, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat dengan itu tamatlah sesi Kamar Khas pada hari ini. Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga hari Rabu, 5 Februari 2025, jam 2.30 petang.

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 3.32 petang]

**PENYEDIAAN VERBATIM
PENYATA RASMI PROSIDING
JKPK DAN JK KIRA-KIRA WANG NEGARA**

FORMAT LAPORAN PROSIDING PENYATA RASMI (HANSARD)
MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS (JKPK) DEWAN RAKYAT

1. Penyata Rasmi mesyuarat-mesyuarat JKPK DR disediakan secara verbatim.
2. Komposisi verbatim JKPK DR terdiri daripada:
 - a. Muka hadapan
 - Jata negara, “**MALAYSIA**”, “**LAPORAN PROSIDING**”
 - Nama jawatankuasa yang berkenaan (Contoh: **JAWATANKUASA PILIHAN KHAS KEWANGAN DAN EKONOMI**)
 - Tajuk atau agenda mesyuarat
 - Nombor bilangan mesyuarat
 - Hari dan Tarikh
 - Penggal dan bilangan Parlimen
 - *Header* dan *footer* “**SULIT PM 85**” pada setiap muka salinan untuk edaran dalam proses semakan oleh pihak-pihak yang terlibat dalam mesyuarat. *Header* dan *footer* ini akan dipadamkan daripada salinan yang telah dimuktamadkan dan dibentangkan di Dewan Rakyat.
 - b. Senarai kehadiran
 - Nama mesyuarat dan bilangan [**KEPALA**]
 - Lokasi mesyuarat [**KEPALA**]
 - Tarikh mesyuarat [**KEPALA**]
 - Senarai AHLI-AHLI JAWATANKUASA (Ahli Parlimen) yang hadir dan tidak hadir
 - Senarai nama URUS SETIA (pegawai-pegawai sekretariat yang berkenaan)
 - Bermula 23 Julai, perubahan pada bahagian senarai kehadiran URUS SETIA adalah, seperti berikut:
 - KPSU JKPK
 - JKPK
 - PUU
 - BPP
 - Senarai nama HADIR BERSAMA (ex officio, wakil-wakil kementerian /jabatan /agensi, NGO, orang persendirian)
 - c. Isi
 - [**KEPALA**] yang sama dengan senarai kehadiran
 - Waktu mesyuarat dimulakan
 - Nama ahli jawatankuasa yang mempengerusikan mesyuarat
 - Nama setiap ahli mesyuarat yang bercakap dalam mesyuarat ditebalkan.

- (i) Rujukan kawasan parlimen ahli jawatankuasa ditulis pada ketika mereka bercakap buat kali pertama. Contoh:
Tuan Husin bin Abu [Titiwangsa]: ... (kali pertama)
Tuan Husin bin Abu: ... (kali kedua dan seterusnya)
- (ii) Rujukan jawatan dan organisasi ahli mesyuarat yang bercakap ditulis pada ketika mereka bercakap buat kali pertama. Contoh:
Tuan Razak bin Ali [Setiausaha Bahagian (Dasar), Kementerian Kewangan (MOF)]: ... (kali pertama)
Tuan Razak bin Ali: ... (kali kedua dan seterusnya)

d. Ciri-ciri lain

- *Header* muka kedua Senarai Kehadiran dan Isi diletakkan kod dokumen *Hansard* dan bilangan muka surat
- *Header* dan *footer* muka kedua Senarai Kehadiran dan Isi diletak *Top Border* dan *Bottom Border* sebagai perapian.
- *Margins* keseluruhan dokumen:
 - (i) *Header from Top: 0.7"*
 - (ii) *Header from Bottom: 0.7"*
 - (iii) *Right: 1.3"*
 - (iv) *Left: 1.3"*
- Simbol "■" (*Character code: 25A0*) digunakan sebagai penanda masa setiap sepuluh minit diikuti masa dalam format 24 jam.
 - (i) Diletakkan dengan satu *Space* (1.0 *spacing*) daripada perenggan sebelumnya untuk memudahkan bacaan
 - (ii) Jarak antara penanda masa dan perenggan pertamanya berjarak 1.0 *spacing*.

CONTOH-CONTOH FORMAT LAPORAN PROSIDING PENYATA RASMI (HANSARD) MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS (JKPK) DEWAN RAKYAT

SULIT PM 85



MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

LAPORAN PROSIDING

JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
WANITA, KANAK-KANAK DAN
PEMBANGUNAN MASYARAKAT

TAKLIMAT MENGENAI SILIBUS BAGI PENDIDIKAN
SEKSUALITI DAN PENDIDIKAN KESIHATAN
REPRODUKTIF DAN SOSIAL (PEERS) DALAM BUKU
TEKS PADA PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH

BIL. 21
KHAMIS, 21 NOV 2024
PENGAL KETIGA, PARLIMEN KELIMA BELAS

SULIT PM 85

BUKA HADAPAN

SULIT PM 85

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
WANITA, KANAK-KANAK DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
BIL. 21 TAHUN 2024

BILIK JAWATANKUASA 2, BLOK UTAMA,
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

KHAMIS, 21 NOVEMBER 2024

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.11 petang

[Yang Berhormat Puan Yeo Bee Yin mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Pengerusi: Okey. So, sorry. Kita boleh mula. Ya, teruskan dengan taklimat kita. Terima kasih.

Puan Hajah Nooraini binti Kamaruddin [Pengerusi, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)]: Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera. Yang Berhormat Puan Yeo Bee Yin, Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Masyarakat; Dato' Dato', Ahli Parlimen yang saya hormati.

Untuk hari ini sebenarnya kita ada beberapa perkara yang kita nak maklumkan. Pertama, kalau kita lihat slaid. Yang Berhormat, penggubalan kurikulum Yang Berhormat sebenarnya telah pun mengambil kira aspek perkembangan kognitif dan usia kumpulan sasaran daripada prasekolah sehingga ke sekolah menengah. Ia juga sebenarnya bila kita bungkukan kurikulum, kita melibatkan pelbagai bidang kepakaran termasuklah daripada kesihatan awam, kesihatan mental dan juga kesihatan keluarga. Ia meliputi topik-topik komunikasi berkesan, gejala sosial dan eksploitasi.

Untuk inisiatif bagi meningkatkan kesedaran awam tentang PEERS, sebenarnya kita telah pun membangunkan banyak bahan pengajaran dan pembelajaran untuk PEERS di sekolah dan kita sentiasa perkasakan guru melalui pelbagai bahan sokongan yang kita sediakan.

Jadi, satu lagi seperti yang pernah saya maklumkan dalam mesyuarat terdahulu, kita nak lancarkan Garis Panduan PEERS Kebangsaan dan kita dah dapat laksanakan dia semalam, 20 November, bertempat di SMK St. Mary. Garis Panduan PEERS dalam goodie bag yang kami sediakan itu dilancarkan semalam untuk

SULIT PM 85

ISI (BUKA PERTAMA)

SULIT PM 85

MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
WANITA, KANAK-KANAK DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
BIL. 21 TAHUN 2024

BILIK JAWATANKUASA 2, BLOK UTAMA,
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

KHAMIS, 21 NOVEMBER 2024

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Puan Yeo Bee Yin [Puchong] - Pengerusi
YB. Puan Syerleena binti Abdul Rashid [Bukit Bendera]
YB. Puan Hajah Rodziah binti Ismail [Ampang]
YB. Dato' Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]

Tidak Hadir

YB. Datuk Suhaime bin Nasir [Libaran]
YB. Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli [Batang Lupar]
YB. Dato' Muntaz binti Md Nawi [Tumpat]

URUS SETIA

Dr. Siti 'Ai'syah binti Che Osmi [Pegawai Penyelidik, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]
Dr. Nur Azyan Shalihah binti Mohd Shafee [Pegawai Penyelidik, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]
Puan Nur Farah binti Dzulkiffi [Pegawai Penyelidik, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Ex Officio

Puan Izyan Hazwani binti Ahmad [Ketua Penolong Setiausaha, Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)] [Wakil Ex Officio]

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

YBrs. Puan Hajah Nooraini binti Kamaruddin [Pengerusi, Bahagian Pembangunan Kurikulum]
YBrs. Puan Hajah Norhayati binti Ab Wahab [Timbalan Pengerusi Kanan, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan]
Puan Kamariah binti Mohd Yassin [Ketua Penolong Pengerusi, Bahagian Pembangunan Kurikulum]
Puan Tan Huey Ning [Ketua Penolong Pengerusi, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)]
Encik Abdul Razak bin Husin [Ketua Penolong Pengerusi, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)]

SULIT PM 85

SENARAI KEHADIRAN

SULIT PM 85

JKP WKPM 21.11.2024 3

seperti yang saya sebut tadi, kita harap dapat jadi rujukan pelbagai pihak dan masyarakat dalam penyediaan program PEERS kepada kumpulan sasaran.

Jadi kalau kita tengok slaid seterusnya, ini adalah— semalam kita juga ada reruai dan sebagainya yang kita sediakan dan banyak kita sebut dalam pelbagai pihak lagi. Antaranya melalui EduwebTV KPM, bukan setakat di dalam kurikulum sahaja tetapi banyak program sokongan kita bercakap tentang PEERS.

Okey, itu sahaja YB. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Okey. So, kita teruskan dengan daripada sekolah menengah. Terima kasih kerana bekalkan kita dengan buku teks. So, boleh tengok. Saya akan pass-lah. Kita akan pass semua tengok.

Puan Hajah Nooraini binti Kamaruddin: YB, ada dua kelompok itu. Satu kurikulumnya dan satu lagi buku teks.

Puan Hajah Norhayati binti Ab Wahab [Timbalan Pengerusi Kanan, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)]: YB dan juga— YB Dato' dan juga semua ahli mesyuarat, Saya Norhayati Ab Wahab daripada Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan yang mengendalikan untuk penerbitan bagi buku teks, YB.

Okey. Bagi PEERS di dalam buku teks ini kita lihat ada— untuk Tingkatan 1, kita ada lebih kurang lapan unit juga berkaitan dengan kesihatan diri dan reproduktif, perkembangan seksual sekunder dan juga ini daripada— yang ini unit 1 berkaitan dengan perkembangan seksual dan sekunder, daripada 126 hingga 131. Kemudian, kalau kita lihat ya— maaf, saya ini tak berapa jelas kalau jauh di mata. Perkara-perkara yang kita maklumkan di dalam ini berkaitan dengan— ini adalah aktiviti-aktiviti yang kita— untuk makluman YB ya, buku teks ini adalah merupakan suatu buku yang merupakan kegunaan rujukan murid-murid.

■1520

Jadi, apabila kita menyediakan kandungan kepada buku teks ini, kita mengkat dari segi aras kognitif, usia murid dan sebagainya. Dia bukan adalah bahan sumber pengajaran kepada guru ya. Jadi, kalau ada yang berkaitan dengan guru untuk tambah dari segi ilmu pengetahuan dan sebagainya yang terkini, maka dia akan ada satu jawatankuasa di sekolah-sekolah masing dipanggil panitia yang akan membincangkan perkembangan-perkembangan terkini dan juga ada julatlah utama.

Jadi, kalau kita lihat ya kandungan dua itu, pengaruh multimedia kepada teknologi seksual yang berisiko berkaitan dengan semua perkara-perkara yang berkaitan dengan apa juaah, amang seksual dan sebagainya, seks bebas. Itu akan

SULIT PM 85

ISI (BUKA KEDUA DAN SETERUSNYA)

CONTOH-CONTOH FORMAT LAPORAN PROSIDING PENYATA RASMI (HANSARD) MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS (JKPK) DEWAN RAKYAT

Margins

SULIT PM 85

JPK WKPM 21.11.2024

3

seperti yang saya sebut tadi, kita harap dapat jadi rujukan pelbagai pihak dan masyarakat dalam penyediaan program PEERS kepada kumpulan sasaran.

Jadi kalau kita tengok slaid seterusnya, ini adalah— semalam kita juga ada reruai dan sebagainya yang kita sediakan dan banyak kita sebut dalam pelbagai pihak lagi. Antaranya melalui EduwebTV KPM, bukan setakat di dalam kurikulum sahaja tetapi banyak program sokongan kita bercakap tentang PEERS.

Okey, itu sahaja YB. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Okey. So, kita teruskan dengan daripada sekolah menengah. Terima kasih kerana bekalkan kita dengan buku teks. So, boleh tengok. Saya akan pass-lah. Kita akan pass semua tengok.

Puan Hajah Nooraini binti Kamaruddin: YB, ada dua kelompok itu. Satu kurikulumnya dan satu lagi buku teks.

Puan Hajah Norhayati binti Ab Wahab [Timbalan Pengarah Kanan, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)]: YB dan juga— YB Dato' dan juga semua ahli mesyuarat, Saya Norhayati Ab Wahab daripada Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan yang mengendalikan untuk penerbitan bagi buku teks, YB.

Okey. Bagi PEERS di dalam buku teks ini kita lihat ada— untuk Tingkatan 1, kita ada lebih kurang lapan unit juga berkaitan dengan kesihatan diri dan reproduktif, perkembangan seksual sekunder dan juga ini daripada— yang ini unit 1 berkaitan dengan perkembangan seksual dan sekunder, daripada 126 hingga 131. Kemudian, kalau kita lihat ya— maaf, saya ini tak berapa jelas kalau jauh di mata. Perkara-perkara yang kita maklumkan di dalam ini berkaitan dengan— ini adalah aktiviti-aktiviti yang kita— untuk makluman YB ya, buku teks ini adalah merupakan suatu buku yang merupakan kegunaan rujukan murid-murid.

■1520

Jadi, apabila kita menyediakan kandungan untuk mengkaji dari segi aras kognitif, usia murid dan sumber pengajaran kepada guru ya. Jadi, kalau untuk tambah dari segi ilmu pengetahuan dan sebagainya yang terkini, maka dia akan ada satu jawatankuasa di sekolah-sekolah masing dipanggil panitia yang akan membincangkan perkembangan-perkembangan terkini dan juga ada jurulatih utama.

Jadi, kalau kita lihat ya kandungan dua itu, pengaruh multimedia kepada teknologi seksual yang berisiko berkaitan dengan semua perkara-perkara yang berkaitan dengan apa jualah, amang seksual dan sebagainya, seks bebas. Itu akan

[Header from Top: 0.7"]

Spacing antara garis dengan teks - 6"

Right: 1.3"

Left: 1.3"

Spacing antara perenggan: 1.0, dijarakkan satu Space

SULIT PM 85

[Footer from Bottom: 0.7"]

**PENYEDIAAN VERBATIM
PERSIDANGAN SPEAKER-SPEAKER SE-MALAYSIA**

Format penyediaan verbatim Persidangan Speaker-pekear Se-Malaysia sama seperti format penyediaan verbatim Dewan Rakyat/ Negara.

FORMAT MENAIP SKRIP / UCAPAN AHLI:

Font teks : Arial
Size : 11
Spacing : before 0 / after 0 - Line spacing 1.5 lines

KANDUNGAN	
	<i>Muka surat</i>
Senarai Kehadiran	i-iv
A. AGENDA PERSIDANGAN	
AGENDA 1: PERUTUSAN Pengerusi	
• Kata Alu-Aluan	1
• Ucapan Penghargaan	3
• Ucapan Takziah/Tahniah	3
• Pemakluman	5
AGENDA 2: PENGESAHAN MINIT MESYUARAT	5
AGENDA 3: PEMBENTANGAN KERTAS KERJA	
Kertas Kerja 1 – "Memperkuhkan Demokrasi Berparlimen Melalui Penglibatan Awam Yang Progresif" Oleh: YB Tan Sri Dato' (Dr.) Johari bin Abdul, Yang di-Pertua Dewan Rakyat	6
Kertas Kerja 2 – "Persoalan: Adakah Dewan Negara Institusi Rubber Stamp? Kuasa Speaker: Satu Coretan (Snippet)" Oleh: YB Dato Awang Beme bin Awang Ali Basah, Yang di-Pertua Dewan Negara	32
Kertas Kerja 3 – "Amendment to the Standing Orders" Oleh: YB Tan Sri Datuk Amar Mohamad Asfia bin Awang Nasar, Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak	47
AGENDA 4: PENGULANGAN/RUMUSAN	64
AGENDA 5: PENETAPAN TUAN RUMAH PSSM TAHUN 2025 DAN 2026	65
AGENDA 6: HAL-HAL LAIN	
• Resolusi	66
• Perutusan oleh Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak	66
• Perutusan oleh Yang di-Pertua Dewan Rakyat	67
B. MAJLIS PERASMIAN	
• Ucapan Alu-Aluan Oleh Yang Berhormat Tan Sri Datuk Amar Mohamad Asfia Bin Awang Nasar, Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak	71
• Ucapan Alu-Aluan Oleh Yang Berhormat Tan Sri Dato' (Dr.) Johari Bin Abdul, Yang Di-Pertua Dewan Rakyat	75
• Ucapan Perasmian Oleh Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier Sarawak	79

KANDUNGAN

.iv		PSSM 12-13 September 2024
HADIR BERSAMA		
1. Yang Berbahagia Dato' Ahmad Husaini bin Abdul Rahman [Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia]		
BAHAGIAN PENGURUSAN DEWAN RAKYAT (BPDR)		
1. Amisyahrizan bin Amir Khan	Setiausaha Bahagian (SUB)	
2. Shaharзад bin Yusof	Ketua Penolong Setiausaha (KPSU)	
3. Mohamad Muzzamil bin Khairul Anuar	Penolong Setiausaha Kanan (PSUK)	
4. Mohd Izwan bin Mohd Esa	Pegawai Penerbitan (Hansard)	
5. Muhammad Firdaus bin Ahmad	Pegawai Penerbitan (Hansard)	
6. Muhammad Taufiq bin Mokhtar	Pembantu Penerbitan	
BAHAGIAN PENGURUSAN DEWAN NEGARA (BPDN)		
7. Adlina Aisyah binti Ahmad Rusli	Setiausaha Bahagian (SUB)	
8. Norzulhimi bin Nozir Ahmad	Penolong Setiausaha Kanan (PSUK)	
9. Nur Aqilah binti Rohimi	Pegawai Penyelidik	
10. Mohammad Rashdan Suadi bin Mohd Suhaimi	Pegawai Penyelidik	
BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PERPUSTAKAAN		
11. Wan Noorzaleha binti Wan Hasan	Pegawai Penyelidik	
12. Nuraini binti Roslan	Pegawai Penyelidik	

HADIR BERSAMA

PSSM 12-13 Sept. 2024		i
12 September 2024		
Khamis		
PERSIDANGAN SPEAKER-SPEAKER PARLIMEN DAN DEWAN UNDANGAN NEGERI SE-MALAYSIA TAHUN 2024		
DEWAN COLOSSEUM 1, HOTEL PULLMAN KUCHING, SARAWAK		
PADA KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2024		
KEHADIRAN		
SPEAKER-SPEAKER		
1.	Yang Berhormat Tan Sri Dato' (Dr.) Johari bin Abdul [Yang di-Pertua Dewan Rakyat] – Mengerusi persidangan	
2.	Yang Berhormat Senator Dato Awang Beme bin Awang Ali Basah [Yang di-Pertua Dewan Negara]	
3.	Yang Berhormat Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Asfia bin Awang Nasar [Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak]	
4.	Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Nor bin Hamzah [Speaker Dewan Undangan Negeri Terengganu]	
5.	Yang Berhormat Tuan Rus'sele bin Elizan [Speaker Dewan Undangan Negeri Perlis]	
6.	Yang Berhormat Tuan Lau Weng San [Speaker Dewan Negeri Selangor]	
7.	Yang Berhormat Dato' MK Ibrahim bin Abd Rahman [Speaker Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan]	
8.	Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi [Speaker Dewan Negeri Johor]	
9.	Yang Berhormat Dato' Sri Amar D'Raja Dato' Mohd Amar bin Abdullah [Speaker Dewan Negeri Kelantan]	
10.	Yang Berhormat Dato' Mohammad Zahir bin Dato' Abdul Khalid [Speaker Dewan Negeri Perak]	
11.	Yang Berhormat Tuan Zubir bin Ahmad [Speaker Dewan Negeri Kedah]	
12.	Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd Shahrar bin Haji Shamsudin [Speaker Dewan Negeri Pahang]	

SENARAI KEHADIRAN

PSSM 12-13 September 2024		1
AGENDA PERSIDANGAN		
PERSIDANGAN SPEAKER-SPEAKER PARLIMEN DAN DEWAN UNDANGAN NEGERI SE-MALAYSIA BAGI TAHUN 2024		
DEWAN COLOSSEUM, HOTEL PULLMAN KUCHING, SARAWAK		
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2024		
Persidangan dimulakan pada pukul 8.15 pagi.		
[Yang Berhormat Tan Sri Dato' (Dr.) Johari bin Abdul mengerusi Mesyuarat]		
AGENDA 1: PERUTUSAN Pengerusi		
Kata Alu-aluan –		
Tuan Pengerusi: Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakaatuh, salam sejahtera dan selamat pagi.		
Yang Berhormat Senator Dato Awang Beme bin Awang Ali Basah, Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang Berhormat Speaker-speaker Dewan Undangan Negeri seluruh Malaysia, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang Berhormat Timbalan-timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat; Yang Berhormat Timbalan-timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri; Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat; Setiausaha-setiausaha Dewan Undangan Negeri; Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia, tuan-tuan dan puan-puan serta hadirin yang dihormati sekalian.		
Alhamdulillah, syukur kita ke hadirat ilahi kerana pada hari ini kita dapat berkumpul dalam Persidangan Speaker-speaker Parlimen dan Dewan Undangan Negeri Seluruh Malaysia. Kali terakhir persidangan ini diadakan ialah pada tahun 2022 di Langkawi, Kedah.		
Pada kali ini, persidangan kita ini diadakan di negeri Sarawak, yang mana saya difahamkan persidangan ini sepatutnya diadakan pada tahun lalu, tetapi disebabkan Sarawak yang menyambut perayaan 60 tahun Sarawak Merdeka tahun lalu, maka persidangan ini telah ditangguhkan ke tahun ini.		
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, kali terakhir Dewan Undangan Negeri Sarawak menjadi tuan rumah ialah pada tahun 1996 iaitu kira-kira 28 tahun yang lalu. Terima kasih, Sarawak. [Tepuk] Kita datang balik hari ini.		

VERBATIM

Rujuk PSSM-12092024 di portal eParlimen



**JABATAN PERDANA MENTERI
BAHAGIAN ISTIADAT DAN URUSETIA PERSIDANGAN ANTARABANGSA**

SUSUNAN KEUTAMAAN BENDERA

Susunan keutamaan bendera yang diperuntukkan di bawah Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1994 bagi Bendera Malaysia dan Negeri-Negeri adalah seperti berikut:

<u>KEUTAMAAN</u>	<u>NEGERI</u>
1	Malaysia
2	Terengganu
3	Perlis
4	Selangor
5	Negeri Sembilan
6	Kelantan
7	Perak
8	Kedah
9	Pahang
10	Johor
11	Melaka
12	Pulau Pinang
13	Sarawak
14	Sabah
15	Wilayah Persekutuan

Susunan keutamaan bendera ini digunapakai mulai **1 Januari 2025.**

Susunan keutamaan bendera ini tidak tetap dan boleh berubah selaras dengan Perkara 70 Perlembagaan Persekutuan.

Untuk halaman cover bagi verbatim Persidangan Speaker-speaker Se-Malaysia, susunan jata negeri adalah mengikut negeri tuan rumah (di tengah) dan jata negeri (Yang di-Pertuan Agong) di kanan- nombor 10, yang lain disusun secara berselang turutan nombor 1 hingga 9, dan seterusnya hingga nombor 14.

Nombor 15 – Wilayah Persekutuan tiada Dewan Undangan Negeri: diwakili oleh Parlimen @Dewan Rakyat dan Dewan Negara (jata nombor 1)

CONTOH

1



MALAYSIA

2



3



4



LAPORAN PROSIDING

PERSIDANGAN SPEAKER-SPEAKER
PARLIMEN DAN DEWAN UNDANGAN
NEGERI SE-MALAYSIA

5



KALI KE-42

6



10



13



8



7



PERAK

15



12



11



9



PENYEDIAAN VERBATIM PENYATA RASMI (*HANSARD*)
DEWAN RAKYAT DAN DEWAN NEGARA
-RUJUKAN TATABAHASA-
Format Gaya Parlimen Malaysia

KANDUNGAN - BAHAGIAN 3

Bil.	Tajuk	M/S
FORMAT :		
1	UMUM PENYATA RASMI	1
2.	MENULIS PERMULAAN <i>PORTION</i>	1
3.	MENAIP SOALAN	2
4.	AYAT PENYAMBUNG PADA PERMULAAN DAN AKHIR <i>PORTION</i>	3
5.	MENULIS WAKTU	4
6.	PENGUNAAN NOMBOR (<i>NUMBERING</i>)	5-6
7.	PANTUN, PUISI, SYAIR, LAGU	7
8.	JADUAL	8
9.	DEWAN DITEMPOHKAN & DITANGGUHKAN	8
10.	GAYA BAHASA – TANDA PETIK BERGANDA (“ “)	9
11.	GAYA BAHASA – TANDA PETIK TUNGGA (‘ ‘)	10
12	GAYA BAHASA – TANDA ELIPSIS (...)	11
13.	GAYA BAHASA – TANDA PISAH (-)	12
14.	PENGUNAAN ISTILAH DALAM DEWAN	13-14
15.	PENULISAN PERKARA TERTENTU	15
16.	ISTILAH BAHASA SINGKATAN	16-18
17.	HURUF BESAR DAN HURUF CONDONG	19-20
18.	PENAMBAHBAIKKAN DAN PENYERAGAMAN PERKATAAN	21-24
19.	AKRONIM KEMENTERIAN, JABATAN DAN AGENSI	25-28
TAMBAHAN:		
-	GLOSARI	29-31
-	PERKATAAN BM / BI / B. ARAB - (<i>sama bunyi</i>)	32
-	PENULISAN YANG BETUL DAN AKRONIM	33

FORMAT PENYEDIAAN PENYATA RASMI (HANSARD) **DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA**

1. FORMAT UMUM PENYATA RASMI (HANSARD)

Font – Arial

Saiz Font – 11

Paragraph – 1.5 spacing

Peringatan:

Pastikan nama Ahli YB ditulis dengan tepat. Begitu juga ejaan perkataan juga perlu ditulis dan dieja dengan tepat dan betul.

2. FORMAT MENULIS PERMULAAN *PORTION* MESTI ADA WAKTU DAN TANDA ‘■’

(Gunakan sistem waktu 24 jam)

DR05032025/1250 – NIK

Tuan Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin [Jerantut]: kalau kita telah melaksanakan janji-janji kita [SYA]

■1250

Dia jadi takut ini Yang di-Pertua, kalau kita tidak melaksanakan janji-janji kita dan kita tidak melakukan *full reform* seperti yang dijanjikan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya seperti mana yang saya katakan tadi, kita tidak akan menolak rang undang-undang ini, tetapi yang paling penting apa jaminan kerajaan untuk kita pastikan cadangan-cadangan bernas oleh semua Ahli Parlimen sama ada di peringkat kerajaan mahupun pembangkang dimasukkan sebagai bentuk pindaan kepada rang undang-undang ini. Kita harapkan kalau ia dimasukkan secara keseluruhannya, maka telah kita lakukan satu reformasi khusus untuk rakyat Malaysia, tetapi kalau kita tidak melakukannya, maka tidak ada lagi reformasi. Itulah maksudnya reformasi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]: Terima kasih Yang Berhormat Jerantut. Seterusnya, saya jemput Yang Berhormat Sungai Petani. Lima minit Yang Berhormat.

3. FORMAT MENAIP SOALAN

4. **Tuan Chow Yu Hui [Raub]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) kriteria bagi seseorang pemain bola sepak dari negeri asing untuk layak dinaturalisasikan sebagai warganegara Malaysia; dan
- (b) garis panduan atau peraturan yang digunakan, termasuk syarat-syarat seperti tempoh permastautinan, sumbangan kepada negara, kelayakan di bawah undang-undang, dan keperluan lain yang berkaitan.

8. **Tuan Riduan bin Rubin [Tenom]** minta Menteri Ekonomi menyatakan, apakah bentuk penambahbaikan yang akan dilaksanakan oleh kementerian bagi memperkemas dan memperkasa proses pelaksanaan projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13) bagi mengelakkan kelewatan dan kegagalan projek berkepentingan awam di Sabah kembali berulang.

Untuk Soalan Jawab Lisan dan Waktu Pertanyaan Menteri, soalan ditulis dengan ***line spacing – single***. Taip sahaja secara verbatim mengikut apa yang diucapkan/disebutkan oleh YB.

4. FORMAT AYAT PENYAMBUNG PADA PERMULAAN DAN AKHIR PORTION

DR18022025 1150 she

Tuan Wong Kah Woh: ... dilancarkan sekitar tahun 2018 dan digunakan sehingga sekarang ... >>> FARA <<<

■1150

Atas platform Pelantar DELIMa ini, sememangnya bahan-bahan DELIMa kebanyakannya adalah dalam bahasa kebangsaan iaitu bahasa Melayu dan pada masa yang sama juga, Pelantar DELIMa ini juga disokong dengan aplikasi-aplikasi yang amat berguna.

Tuan Fathul Huzir bin Ayob [Gerik]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Bagi soalan tambahan, dalam suasana di mana kepercayaan rakyat terhadap keselamatan digital ini semakin terhakis akibat kebocoran maklumat dan sebagainya dan juga disebabkan jenayah siber, jadi Gerik nak tanya, sejauh mana tindakan kementerian dalam menilai dan menambah baik perisian sedia ada, kawal selia dan berapa lama kekerapan mengubah undang-undang yang mungkin jadi lapuk dan sebagainya dan bagi menangani krisis global yang berlaku ini. Adakah negara kita ini mempunyai bilangan pakar siber yang mencukupi untuk menangani segala hal ancaman ini? Terima kasih.

1200 Tuan Gobind Singh Deo: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, soalan ini memberi tumpuan kepada aspek bagaimana... >>> HANA <<<

DR 18022025/1200/hana

Pastikan sambungan adalah tepat. Lebih mudah jika ambil dari 30 saat terakhir dari *portion* sebelumnya. Elakkan menulis perkataan ringkas, tetapi tulis dalam lima hingga 10 patah perkataan.

Tuan Fathul Huzir bin Ayob [Gerik]: ...untuk menangani segala hal ancaman ini? Terima kasih. <K.SHE>

■1200

Tuan Gobind Singh Deo: Terima kasih Yang Berhormat. Yang di-Pertua, soalan ini memberi tumpuan kepada aspek bagaimana kita boleh menilai dan juga menambah baik perisian, kawal selia dan undang-undang keselamatan data peribadi dalam kita bergerak ke depan. Saya rasa ini adalah satu aspek yang penting Yang Berhormat kerana kita semua tahu seperti mana yang saya sebut tadi kalau kita melihat dunia digital ini berkembang pesat dan memang...

5. FORMAT MENULIS WAKTU

(Terpakai untuk permulaan YB memulakan perbahasan RUU, Perbekalan dan lain-lain)



**PENETAPAN MASA
MENGIKUT SISTEM
24 JAM**

PAGI
01:00 - 11:59

TENGAH HARI
12:00 - 13:59

PETANG
14:00 - 18:59

MALAM
19:00 - 23:59

TENGAH MALAM
00:00 - 00:59

(Penulisan di Penyata Rasmi akan menggunakan sistem 12 jam)

1.00 – 11.59 pg.

12.00 – 1.59 tgh.

2.00 – 6.59 ptg.

7.00 – 11.59 mlm.

6. FORMAT UNTUK PENGGUNAAN NOMBOR (*NUMBERING*) DALAM PERBAHASAN

(Gunakan nombor roman (i), (ii), (iii) dan seterusnya)

Inisiatif dan insentif ini bertujuan untuk menjadikan Malaysia destinasi yang lebih menarik bagi pelaburan dan operasi *startup*. Pelan Tindakan KL20 dan Platform Tetingkap Tunggal MYStartup telah dilancarkan bersempena dengan penganjuran sulung Sidang Kemuncak KL20 2024 dan telah menyasarkan perkara-perkara berikut untuk dicapai menjelang tahun 2030 iaitu:

- (i) peningkatan bilangan syarikat *startup* sebanyak 2,500 ke 3,000;
- (ii) peningkatan 100,000 pekerjaan berkemahiran tinggi;
- (iii) peningkatan pelaburan modal teroka ke dalam ekosistem sebanyak RM2 bilion hingga RM3 bilion menjelang 2030;
- (iv) peningkatan penilaian keseluruhan syarikat *startup* di Malaysia kepada RM400 bilion; dan
- (v) peningkatan bilangan pengikut iaitu seramai 5,243 pada 30 September 2024 selari dengan sasaran pihak kementerian untuk menjana seramai 10,000 pengikut pada tahun 2030.

[DR14102024]


Bermula 18 Jun 2025 telah diputuskan jika Ahli-ahli YB menyebut dalam format a, b, c, maka kita tulis dalam format tersebut tidak perlu ditukar kepada format nombor. Contoh (a), (b), (c) dan seterusnya.

Untuk format nombor

Indentation: Left & Right – 0.5"

Hanging: 0.5"

Line spacing: 1.5 lines



Untuk ayat panjang

Pertama, membangunkan dokumen Dasar Francais Negara 2030 yang akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri besok. DFN 2030 merupakan satu dasar yang bersifat komprehensif dan holistik bagi membangunkan ekosistem francais yang berdaya maju dan mampan melalui transformasi dan pengukuhan, jenama francais tempatan serta kecekapan tadbir urus.

Ia merangkumi lima teras utama seperti:

- (i) menambah baik polisi dan tadbir urus;
- (ii) mempromosi francais sebagai model perniagaan pilihan;
- (iii) memantapkan kapasiti dan keupayaan usahawan francais;
- (iv) mengoptimumkan pencapaian bantuan kewangan kepada usahawan francais; dan
- (v) meningkatkan eksais kepada pasaran domestik dan antarabangsa.

Kedua, melaksanakan inisiatif pemutihan data francais selaras dengan pindaan Akta Francais 1998 (Pindaan) 2022 di bawah seksyen 10A yang menetapkan pembaharuan pendaftaran francais setiap lima tahun. Penetapan pembaharuan pendaftaran ini secara tidak langsung dapat membantu kementerian dalam mengawal selia perkembangan perniagaan francais dengan lebih berkesan.

Ketiga, meningkatkan promosi francais tempatan di peringkat antarabangsa melalui program *Enhanced Franchise Development Program* (EFDP). Pada tahun 2025, sebanyak RM2.7 juta diperuntukkan bagi program EFDP yang akan melibatkan penyertaan dalam pameran francais antarabangsa, padanan perniagaan bayaran balik kos eksport untuk pendaftaran *Intellectual Property* (IP) di luar negara dan latihan persediaan bagi perkembangan perniagaan usahawan francais ke peringkat antarabangsa.

Keempat, mengadakan kerjasama strategik dengan Persatuan Francais Malaysia (MFA) yang merupakan ahli *Asia Pacific Franchise Confederation* dan *World Franchise Council* dalam meningkatkan kebolehpasaran jenama francais Malaysia di peringkat global.

Taip semua apa sahaja yang dibahaskan atau diucapkan oleh Ahli YB.

7. FORMAT PANTUN, PUISI, SYAIR, LAGU

Contoh Pantun

Datuk Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: *Assalamualaikum Tan Sri Yang di-Pertua. Saya berpantun sikit.*

*Bulat air kerana pembedung,
Bulat ummah kerana muafakat;
Saya harap soalan saya pagi ini ada untung,
Minta Menteri jawab soalan nombor empat.*

4. **Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]** minta Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air menyatakan apakah inisiatif kementerian bagi mengatasi masalah banjir yang melanda di Kuala Terengganu yang menyebabkan kemusnahan kepada harta benda atau alam sekitar serta menjejaskan aktiviti masyarakat setempat.

[DR18032024]

- Menggunakan *zigzag style* sebagai *in-house style* kerana mengikut petua dari DBP.
- Juga merujuk kepada *Gaya Dewan Edisi Ketiga, Bab 11: Karya Sastera*.
- Pantun perlu di italic.

Jika ada YB yang membaca sajak, berpuisi atau bernyanyi, susunan rangkap adalah secara tegak dan perlu di italic juga.

Contoh Sajak

Dato' Yang di-Pertua, Ikhtiar 38 iaitu Pendidikan Arus Perdana. Pada perenggan 191, wajar merenung seketika bait-bait penyair W. S. Rendra. Saya memetik beberapa rangkap di mana rangkap yang dinyatakan di sini adalah...

*"Kita adalah angkatan gagap,
yang diperanakkan oleh angkatan takabur.
Kita kurang pendidikan resmi
di dalam hal keadilan,
karena tidak diajarkan berpolitik,
dan tidak diajar dasar ilmu hukum.*

*Lalu akhirnya,
Menikmati masa bodoh dan santai.
Di dalam kegagapan,
kita hanya bisa membeli dan memakai,
tanpa bisa mencipta."*

Jadi, inilah petikan daripada Sajak "Anak Muda" oleh W. S. Rendra yang dipetik oleh Perdana Menteri di mana petikan ini saya percaya untuk memberi kita ingatan supaya taraf pendidikan kita, kualiti pendidikan nasional kita dipertingkatkan menjadi lebih baik.

[DN10122024]

8. FORMAT JADUAL

Sehubungan itu, dimaklumkan bahawa jumlah keuntungan bersih dan jumlah bayaran bonus bagi tahun kewangan 1994 hingga 1999 berbanding tahun kewangan 2015 adalah seperti berikut:

Tahun	Keuntungan Bersih (RM / Juta)	Bayaran Bonus (RM / Juta)
1994	214	179
1995	225	236
1996	363	327
1997	569	440
1998	561	459
1999	459	543

Boleh digunakan jika dirasakan perlu atau sesuai, bergantung pada perbahasan.

9. FORMAT DEWAN DITEMPOHKAN & DITANGGUHKAN

Waktu Rehat Tengah Hari (*Mesyuarat belum selesai, belum tamat*)

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat- Yang Berhormat Shah Alam waktu telah tepat pukul 1. Yang Berhormat boleh sambung pada 2.30. Dengan itu, ditangguhkan Mesyuarat.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]: Terima kasih.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.01 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

(Tidak perlu diletakkan simbol waktu '■' bila Dewan bersambung selepas rehat)

Waktu Akhir Perbahasan (*Mesyuarat sudah selesai atau Dewan sudah tamat*)

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Rabu, 28 Februari 2024.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.35 petang]

10. GAYA BAHASA

Tanda Petik Berganda (“ ”)

Digunakan untuk tujuan:

- (a) Mengapit cakap ajuk, petikan langsung daripada naskhah atau bahan bertulis dan perlu ditaip *italik*

■1740

Apa yang saya sebut itu ialah ketika mana Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri menyatakan bahawa- saya *quote* balik ya berkenaan isu beras dan petani. “*Saya nak maklumkan, MyCC sudah menyiapkan laporan mengenai kartel padi dan beras*”. Itu disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Kalaulah kata tidak ada penemuan dalam soal kartel ini, namun rakyat akan terus bertanya ke mana menghilangnya 65 peratus beras tempatan yang dikeluarkan di negara kita? Jadi, itu perlu dijawab. Kalaulah tidak dalam siasatan ini di bawah MyCC, jadi akta-akta lain, akta jualan, akta beras, kawalan beras sebagainya perlu digunakan untuk menjawab persoalan besar ini kepada rakyat semua. Terima kasih.

[DR24022025]

- (b) Mengapit judul rencana, karangan, laporan, puisi, atau bab buku dan perlu ditaip *italik*

Ini antara penyebab kepada kedudukan defisit berlaku. Isunya adalah apa kita buat? Caranya adalah dengan menyelamatkan Tabung Haji. Ini kerana, mengikut Akta Tabung Haji 1995, simpanan Tabung Haji dijamin kerajaan. Jadi, caranya adalah kita pindahkan kepada *special purpose vehicles* iaitu Urusharta Jamaah Sdn Bhd (UJSB) dan dijamin kerajaan. Kenapa saya kata dijamin kerajaan? Ini kerana, ia tertera dalam laporan yang disebut sebagai Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2020, muka surat 59 dan muka surat 60 saya *quote* sumber Kementerian Kewangan.

“*Komitmen kerajaan bagi pemulihan Tabung Haji, Seksyen 5 Risiko Fiskal dan Liabiliti, Jadual 5.3 Komitmen Jaminan, Urus Harta Jamaah Sendirian Berhad RM20 bilion*” kerajaan jamin. Jadi kalau ada yang...

[DR11082020]

11. Tanda Petik Tunggal (‘ ’)

(Digunakan untuk monolog atau kiasan)

Tadi saya baru baca laporan media *Iron Lady* kita Tan Sri Rafidah Aziz, mantan Menteri Pelaburan Perdagangan Antarabangsa bercakap, kejadian ini Goodyear terpaksa keluar ini, sepatutnya menjadi tanda tanya kepada Kerajaan Madani yang ada pada hari ini.

Apabila 'Raja Formula' sudah senyap, kita ingat bolehlah cari penyelesaian, tetapi bos dia pula jual formula lain, kononnya kenaikan cukai tidak membebankan rakyat. Ini juga tahyul. Semua cukai yang diperkenalkan oleh Kerajaan Madani kini membebankan rakyat.

[DR07032024]

12. Tanda Elipsis (...)

Elipsis ialah tiga titik (...) dengan fungsi yang berikut:

Menunjukkan pengguguran bahagian teks, khususnya petikan, sama ada di bahagian awal, bahagian tengah atau bahagian akhir ayat atau teks.

CONTOH 1

Mereka tidak setuju dengan itu, tetapi itulah sebahagian proses kerja ini sahaja. Apa yang penting, mereka boleh masuk pintu itu, mereka boleh *organize workers*, tetapi akhirnya satu *union* sahaja yang akan runding, buat *collective agreement* dan untuk tempoh *agreement* itu, dia sahaja yang boleh uruskan semua oleh majikan dan bukan *union* yang lain. Saya minta itulah...

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Mencelah sikit.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: ...Sebagai satu pendekatan. Terima kasih.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Sedikit susulan daripada Yang Berhormat Sungai Buloh. Cuma hendak dapat kepastian sebab ada wakil-wakil kesatuan yang bertanya

[DR05102022]

CONTOH 2

So, serupa juga. Hilang kelayakan itu akan hanya mengambil kesan selepas petisyen itu dilupuskan atau *disposed of*. So, itulah peruntukan Perlembagaan Persekutuan saya terikat dengan ini. So, kita boleh bincanglah dan membuat naratif...

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Kita buat usul untuk...

Tuan Yang di-Pertua: *How the law is ought to be or how the law as it should be but I implement the law as it is.* Maaf.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: So, kita akan buat satu usul untuk pinda itu *because let's go for what as it should be not as what it is*, insya-Allah.

[DR03102022]

13. Tanda Pisah

Hypen (-)

Digunakan untuk perkataan dieja; P-a-r-l-i-m-e-n

Kata ganda; sama-sama, kura-kura

Imbuhan awalan; Pra-ASEAN

En Dash (–) (ctrl + dash)

Digunakan untuk jangka masa

Contoh: Program Intervensi Pendidikan 2013–2025

Em Dash (—) (ctrl + alt + dash)

Digunakan untuk menunjukkan pecahan dalam ucapan “*Saya ingat tidak perlulah — kita bincang perkara lain*”

Contoh Em Dash

Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad: Jadi, kebetulan Yang Berhormat Menteri ada di sini. Nanti, saya pasti Yang Berhormat Menteri akan bagi pandangan bagaimana untuk kita sekurang-kurangnya kita bawalah Usul ini untuk — bukan untuk kepentingan kita lagi, tetapi kepentingan masa hadapan.

[DN20032025]

14. Penggunaan Istilah Dalam Dewan

Bil	Istilah	Maksud
1.	<i>[Bangun]</i>	Ahli bangun untuk menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua atau Ahli yang sedang berucap.
2.	<i>[Tepuk]</i>	Ahli-ahli lain menepuk meja menandakan sokongan terhadap Ahli yang sedang berucap.
3.	<i>[Dewan riuh]</i>	Lebih daripada dua orang Ahli bercakap serentak.
4.	<i>[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]</i>	Ahli bercakap tanpa membuka pembesar suara.
5.	<i>[Ketawa]</i>	Ahli yang sedang berucap ketawa.
6.	<i>[Dewan ketawa]</i>	Ahli-ahli lain ketawa.
7.	<i>[Tidak jelas]</i>	Butir perbincangan atau perkataan tidak jelas.
8.	<i>[Berucap dalam bahasa....]</i>	Ahli berucap menggunakan bahasa selain bahasa Melayu dan Inggeris.
9.	<i>[Membaca sepotong ayat al-Quran]</i> <i>(Pastikan ia nya ayat al-Quran atau hadis atau doa yang dibaca dalam bahasa Arab)</i>	Ahli memetik ayat al-Quran.
10.	<i>[Membaca sepotong hadis]</i>	Ahli memetik hadis.
11.	<i>[Berjalan keluar meninggalkan Dewan]</i>	Ahli berjalan keluar dari tempat duduk setelah diarahkan oleh Tuan Yang di-Pertua untuk meninggalkan Dewan.
12.	<i>[Ahli-ahli Pembangkang keluar meninggalkan Dewan]</i>	Apabila Ahli-ahli Pembangkang beramai-ramai keluar meninggalkan Dewan.
13.	<i>[Sambil menunjukkan sebuah buku]</i> <i>[Sambil memegang keratan akhbar]</i> <i>(Letakkan perkara yang bersesuaian dengan situasi. Contoh: sehelai kertas, dokumen dll)</i>	Ahli berucap sambil menunjukkan dokumen/buku yang dirujuk.

14.	<i>[Dichelah]</i>	Ketika ahli sedang bercakap tiba-tiba ada ahli yang lain bercakap sesuatu dan ahli respons pada soalan tersebut.
15.	<i>[Mengetuk tukul]</i>	Digunakan apabila YDP atau TYDP mengetuk tukul sewaktu persidangan Dewan ditangguhkan atau ketika suasana Dewan bising, banyak celahan dan riuh.
16.	<i>[Disorak]</i>	Ketika beberapa Ahli Dewan mempersendakan sesuatu hujahan.
17.	<i>[Minum air]</i>	Ketika ahli YB berhenti dari berbahas dan minum air.
18.	<i>[Merujuk kepada Pegawai Bertugas Kementerian]</i>	Bila YB Menteri menggulung / menjawab soalan ingin mendapatkan jawapan tambahan
19.	<i>[Menunjuk ke tempat duduk pembangkang]</i>	Bila Ahli menunjukkan jari ke tempat duduk Ahli-ahli pembangkang
20.	<i>[Seorang Ahli memakai reben putih di lengan kiri]</i>	Seorang Ahli memakai reben berwarna putih di lengan kiri ditegur oleh Ahli lain atau oleh Tuan Yang di-Pertua
21.	<i>[Kedengaran bunyi telefon bimbit]</i>	Apabila telefon bimbit berbunyi di dalam Dewan Negara / Dewan Rakyat
22.	<i>[YB Sepang uzur lalu dibawa keluar Dewan]</i> <i>[Seorang Ahli uzur]</i>	Apabila YB Sepang yang sedang berucap tiba-tiba sesak nafas lalu dibawa keluar Dewan
23.	<i>[Pembentangan dibuat merujuk paparan slaid]</i>	Catatan dalam verbatim JKPK / JK PAC apabila pembentangan merujuk pada slaid
24.		
25.		
26.		
27.		

15. Penetapan Format Untuk Cara Penulisan Perkara Tertentu

Cara Menulis Nombor

- ❖ 1 hingga 9 – hendaklah dieja
(Contoh: satu, tujuh, sembilan dan seterusnya)
- ❖ 10 hingga ratus ribu ditulis dengan format nombor
(Contoh: 12, 50, 100,000; 350,000; 900,000 dan seterusnya)
- ❖ Juta, bilion – ditulis dengan nombor dan seterusnya nilai
(Contoh: dua juta, lima juta, 10 juta, 14 juta, 88 juta)

Cara Menulis Nilai Wang

RM3, RM100, RM650 (tak perlu letak nilai .00 di belakang)

RM5.60, RM768.10, RM1,003.60

Jika dalam sen hanya tulis nilai dan perkataan sen. Contoh 70 sen, 40 sen dan lain-lain

(Terpakai juga untuk mata wang negara lain, cuma tukar jenis mata wang di hadapan seperti USD35, SGD10,500 dan lain-lain)

Cara Menulis Rancangan Malaysia

Ditulis dengan gaya seperti di bawah

- ❖ **Rancangan Malaysia Kesembilan, Rancangan Malaysia Ketiga Belas** (bila disebut penuh)
- ❖ Jika disebut singkatan ditulis dengan **RMK9, RMK13**

Cara Menulis Jawatan Tuan Yang di-Pertua

Dewan Rakyat

- **Tuan Yang di-Pertua:**
- **Timbalan Yang di-Pertua [Letakkan nama]:**
- **Tuan Pengerusi:** *(Dalam Mesyuarat Jawatankuasa)*
- **Tuan Pengerusi [Nama Timbalan TYDP]:** *(Letak nama Timbalan Yang di-Pertua yang sedang mempengerusikan Jawatankuasa)*

Dewan Negara

- **Tuan Yang di-Pertua:**
- **Timbalan Yang di-Pertua:** *(Untuk Dewan Negara hanya ada satu sahaja Timbalan Yang di-Pertua, oleh itu tak perlu letak nama)*
- **Tuan Pengerusi:** *(Dalam mesyuarat Jawatankuasa)*
- **Timbalan Pengerusi:** *(Dalam mesyuarat Jawatankuasa)*

16. Istilah Bahasa Singkatan

(Tidak perlu di italic untuk lebih mudah dan lebih seragam)

'je

Datuk Awang bin Hashim [Pendang]: Dah, takpa lah. Saya tidak akan bercakap apa. Saya duduk *dengaq* 'je tempat ni. Bukan saya nak bercakap, nak campur tangan apa semua. Saya nak dengar sampai Speaker masuk. Lepas tu saya akan tanya apa salah saya. Itu sahaja dan... [DR27022024 - 1530]

kan

Tuan Yang di-Pertua: So, oleh kerana saya berpegang teguh kepada peraturan mesyuarat yang membolehkan saya atas kuasa yang ada ini untuk membenarkan, jadi saya benarkan. Namun pun begitu, sudah tentu saya akan bincang dengan Setiausaha dan juga kadang-kadang *lighting*, ada kes yang Ahli Yang Berhormat tidak duduk, panas dia kata. Jadi, kita *move-kan*. Ada penyakit dan masalah mungkin. Apa juga alasannya, selagi dia boleh tulis surat kepada saya dan saya boleh buat keputusan, saya akan buat keputusan. Begitu juga kita ada MP yang baharu, dia ikut senioriti dalam parti dan kita entertain juga. *I'm open about it.* [DR27022024 – 1210]

lah

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Puan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat Tanjong Manis. Pertama, *tentanglah* salinan bertulis boleh saya akan hantar kepada Yang Berhormat, jangan risau. Kedua, tentang aduan daripada orang ramai. Saya tak nafikan bahawa memang kadang-kadang *masalah* kita terima banyak aduan daripada pengguna. Jadi, oleh sebab itu, kami memang menggalak-galakkan maklum balas daripada pengguna terus kepada MCMC *sepertilah* kepada portal aduan MCMC yang saya sebut sebentar tadi. [DR04032024 – 1120]

Eh

Tuan Yang di-Pertua: *Eh*, tak boleh. [DR04032024 – 1310]

Oh

Tuan Yang di-Pertua: *Oh*, silakan. Silakan, YB. [DR07032024 – 1150]

'dah

Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof: Untuk di peringkat Persekutuan, memang kita membantu hanya daripada segi sumber air itu sendiri, tapi loji kena disediakan oleh Kerajaan Kelantan melalui syarikat mereka. Sebab itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebenarnya *'dah* umumkan peruntukan RM500 juta, tapi dalam bentuk pinjaman. Kerajaan negeri nak minta secara geran, tapi sebab itu bila penyelarasan tarif baru-baru ini, sebenarnya untuk membantu kerajaan negeri supaya dapat memfokuskan dalam membina loji. [DR07032024 – 1010]

Kut

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]: Terima kasih Tan Sri Speaker, kalau dulu kita ada satu program Klinik Rakyat 1Malaysia dan dijenamakan semula sebagai klinik komuniti dan ia cukup baiklah satu ketika dulu. Saya rasa kat Kuala Nerus pun ada *kut*. [DR29022024 – 1020]

'nak

Dato' Khilir bin Mohd Nor [Ketereh]: ...Perisikan Imigresen- Speaker, saya 'nak bagi tahu, Perisikan Imigresen itu adalah anak murid saya. Dulu saya pernah mengajar. [29022024 – 1010]

'ni

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Jadi, dalam konteks Yang Berhormat ini, memohon supaya 100 percent geran, saya akan cuba apa 'ni berbincang dengan pihak Kementerian Kewangan. Bukan sahaja untuk menambahkan penanaman semula ini, tetapi lebih kepada tengok bagaimana kita mempermudah pekebun-pekebun kecil ini dapat meningkatkan pengeluaran mereka kerana dalam negara kita, kita pernah mengeluarkan kelapa sawit melebihi 20 juta metrik tan, tetapi hari ini pengeluaran kita telah menguncup kepada 18.6 juta metrik tan. [16102024 – 1000]

'tak

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Saya mohon maklumkan kepada Dewan bahawa Kementerian Dalam Negeri memandang berat isu yang membabitkan insiden ataupun kegiatan *counter setting* ini. Ini perkara yang melibatkan pelanggaran integriti. Ini merupakan amalan rasuah yang 'tak boleh ada tolak ansur oleh semua kita, lebih-lebih lagi KDN. Ini juga perkara yang perlu diteliti dari sudut tata kelola pengurusan. Kena tingkatkan kecekapan dan kena bersungguh-sungguh lakukan perubahan. [DR16102024 – 1010]

ianya

Dato' Khilir bin Mohd Nor [Ketereh]: Jadi, saya hendak tahu. Apakah rancangan penstrukturan semula Lembaga Angkatan Tentera ini untuk memastikan ianya berfungsi dengan baik di masa akan datang? Memberikan keuntungan yang lebih di masa akan datang. Jadi, saya hendak tahu apakah rancangan daripada pihak Yang Berhormat Menteri dalam membuat penstrukturan semula Lembaga Tabung Angkatan Tentera? [DR27022024 – 1020]

Ataupun

Puan Hajah Rodziah binti Ismail [Ampang]: Terima kasih. Terima kasih Menteri. Saya berpandangan sebab perkara ini dibangkitkan oleh ADUN kawasan dan ada dua perkara besar di sini. Pertama tentang peruntukan yang akan ataupun yang mungkin dipertimbangkan, tetapi perkara yang lebih fundamental ataupun asas adalah tempat itu telah pun diisytiharkan tidak selamat. Sudah hampir masuk tiga tahun perkara ini tidak pun ada apa-apa pergerakan. [27022024 – 1030]

'ke (ikut pada struktur ayat)

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ini adalah soalan yang ingin saya timbulkan. Boleh 'ke kerajaan memastikan kalau ada penundaan begitu, melebihi tiga jam ke-empat jam, wang itu perlu dikembalikan kepada penumpang secara automatik dalam masa yang singkat. Terima kasih Timbalan Speaker. [DR11112024 – 1050]

Hei

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Haa, Yang Berhormat tahu pun. Kalau boleh- duduk sebagai hakim ini tak boleh ikut perasan. Kalau ikut perasaan, hei... [Ketawa] Sakit jantung. [DR17102023 – 1540]

ia

Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad: Baik, Tan Sri Yang di-Pertua ini satu soalan yang agak mengejutkan kerana **ia** beralih daripada topik asal. Apa pun saya boleh menyebutkan akan perkara yang dibangkitkan oleh Pengerusi JPKP tadi akan apa yang dikatakan sebagai fenomena *anti-microbial resistance (AMR)* yang akan menjadi satu malapetaka kesihatan dalam waktu ke depan dan juga telah pun berlaku dan telah pun mengambil kesannya hari ini. **[DR17072024 – 1010]**

pi

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, akhir sekali pasal IJN. IJN mengeluarkan di antaranya *pensioner* daripada senarai IJN, dia kena **pi** buat sendiri. Yang Berhormat, ada seorang kawan saya, dia bukan *pensioner*, dia Ahli Parlimen, dia pun dikeluarkan. Dia kata, aku belum pencen, aku Ahli Parlimen. Dia pun dikeluarkan daripada senarai IJN dan pergi ke hospital yang lain. **[DR17072024 – 1250]**

Hat (dialek perlu italik)

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau]: **Hat** ini kita ucapkan tahniah, tapi kena ingat ini yang dibuat di KLIA. Bagaimana di pintu masuk yang lain? Di Perlis, di Kedah, di Kelantan, di Perak, ini kena kita bagi perhatian supaya perkara ini tidak berlaku. Dalam masa yang sama Yang Berhormat, kita lihat *fake* IC ataupun IC tipu, juga berleluasa. Kita tau IC ni tipu, tapi tak dapat kita buat apa-apa dan ia nya berleluasa. Maka macam kad UNHCR. Kuatnya UNHCR kononnya mereka ini di bawah perlindungan Bangsa-bangsa Bersatu. **[DR28102024 – 1500]**

Sat (dialek perlu italik)

Tuan Suhaizan bin Kaiat [Pulai]: Kejap. Jelutong, kejap. Sahabat saya Jelutong, **sat**. **[DR02122024 – 1520]**

Bla, bla, bla

Tuan Jimmy Puah Wee Tse [Tebräu]: Seterusnya Puan Speaker, saya merujuk kepada pemindahan seksyen 366(b) di mana dikatakan – saya baca di atas. Semua Mesyuarat yang diadakan menurut sebuah perintah, **bla, bla, bla** (b), siapa boleh pengerusi kecuali pengamal insolvensi, (b) seorang yang dipilih oleh majoriti dalam nilai pemiutang atau kelas pemiutang atau anggota atau kelas anggota jika tiada pengamal insolvensi dilantik di bawah seksyen subseksyen 367(c). **[DR28112023 – 1530]**

Haiya (slanga bahasa Cina perlu italik)

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Jangan jadi jahil. Terus duduklah. **Haiya**, jahil betul. **[DR11102023 – 1740]**

17. Huruf Besar dan Huruf Condong

Huruf Besar (Kata nama khas)

- (i) **Kerajaan, kementerian, institusi, pertubuhan dan persatuan**
 - Kerajaan Malaysia
 - Kerajaan Persekutuan
 - Universiti Malaya
 - Universiti Teknologi Mara
 - Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
 - Jabatan Pengangkutan Jalan Raya
- (ii) **Nama orang, pangkat, jawatan dan gelaran**
 - Brigedier-Jeneral
 - Ketua Setiausaha Negara
 - Profesor Diraja Ungku Aziz
 - Pegawai Tadbir dan Diplomatik
- (iii) **Agama, perayaan, dan peristiwa Sejarah**
 - Islam
 - Hari Raya Aidilfitri
 - Pesta Kaamatan
 - Tahun Baru Cina
 - Perang Dunia Kedua
- (iv) **Mata Pelajaran, kursus dan ijazah**
 - Kajian Tempatan
 - Matematik
 - Reka Bentuk dan Teknologi
 - Ijazah Sarjana Muda Perakaunan
 - Ijazah Sarjana Bahasa dan Persuratan
- (v) **Ganti nama yang berkaitan dengan Allah**
 - hamba-Mu
 - Yang Maha Pengasih

Tambahan Maklumat:

Mengikut laman [Http://prpm.dbp.gov.my](http://prpm.dbp.gov.my) kata nama khas dalam bahasa Inggeris tidak perlu di italik.

Kata nama khas bahasa Inggeris dalam penulisan dokumen rasmi bahasa Melayu tidak perlu ditulis secara huruf condong/italik.

Ejaan

25.11.2022

Huruf Condong

- (i) **Judul buku**
Pelukis Jalanan
Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck
- (ii) **Nama akhbar**
Utusan Malaysia
Sinar Harian
Berita Harian
- (iii) **Judul filem**
Pendekar Bujang Lapok
Madu Tiga
MALBATT: Misi Bakara
Munafik
- (iv) **Judul drama**
Hartini
Seribu Tahun
Aku Bukan Ustazah
7 Hari Mencintaiku
- (v) **Nama lukisan**
Mona Lisa
Brass-ring Beauty
The Last Supper
- (vi) **Nama lagu**
Parlimen Malaysia Kebanggaan-ku
Negaraku
Duli Yang Maha Mulia
Bahtera Merdeka
Purnama Merindu
Menghitung Hari
- (vii) **Nama majalah**
Dewan Masyarakat
Arena Bola Sepak
MalaysiaNow (Majalah dalam talian)
Harakahdaily (Akhbar dalam talian)
- (viii) **Nama sosial media**
Instagram
Facebook
Threads
TikTok
- (ix) **Nama aplikasi dalam telefon**
MySejahtera
MySIKAP
MyDigital ID

18. PENAMBAHBAIKAN DAN PENYERAGAMAN PERKATAAN

	PERKARA	PENERANGAN
1.	TABIKA / TADIKA	Tidak perlu besar. Taip tabika, tadika
2.	Majlis Agama Islam Negeri	Kata Nama Khas
3.	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil/Cina	Kata Nama Khas
4.	COVID-19	Berdasarkan PRPM, ia telah diterima secara umum. Cara penulisan: COVID-19
5.	Tatakelola, tatabahasa, tatacara dan tatatertib	Ejaan rapat. /Tata/ adalah kata awalan seperti /pra/, /pasca/
6.	Tim	Tim Tiada dalam Kamus Dewan Perdana atau PRPM. Hanya ada dalam Kamus Besar Bahasa Indonesia. Ejaan yang betul ialah /team/. Rujukan; https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=tim&d=120608&#LIHATSINI https://jendeladbpm.my/?s=bismillah&jenis%5B%5D=berita&jenis%5B%5D=artikel&jenis%5B%5D=video&jenis%5B%5D=radio&jenis%5B%5D=product&jenis%5B%5D=peka-bahasa&tarikh_mula=&tarikh_akhir=
7.	<i>Bismillahirrahmanirrahim</i>	Meskipun tiada dalam PRPM namun kebanyakan tulisan dan majalah DBP adalah sebagaimana di atas. Rujukan: https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=Bismillahir&d=175768&#LIHATSINI Italik
8.	<i>insya-Allah</i>	Italik
9.	<i>Assalamualaikum (italik)</i>	Jika YB memberi salam secara penuh, mohon untuk ditaip penuh juga. <i>Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.</i> <i>Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.</i>
10.	Jalan Persekutuan	Jalan dan Persekutuan adalah rangkai kata yang wujud sebagai kata nama khas. Kedua-duanya penting untuk berdiri sebagai Kata Nama Khas.
11.	jalan negeri	Kata nama am
12.	PETRONAS	
13.	Shell	

14.	Petron	
15.	Astro	
16.	BHP	
17.	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)	Kata nama khas
18.	Sekolah Berasrama Penuh (SBP)	Kata nama khas
19.	<i>Internet</i> (italik)	Kata nama khas
20.	M-A-L-A-Y-S-I-A	Gunakan <i>hyphen</i> (-) untuk perkataan yang dieja
21.	Kerajaan MADANI, Salam MADANI	Ditulis dengan cara perkataan tersebut di- <i>branding</i> -kan. Dalam konsep ini Kerajaan MADANI. Jika disebut 'madani' sahaja, ditulis dengan huruf kecil.
22.	Selepas 'jadi' perlu ada koma	Kata 'Jadi' boleh digunakan di awal ayat, tapi perlu meletakkan koma selepas perkataan 'Jadi' Contoh, Jadi, tegaslah bahawa setiap ahli keluarga khususnya ibu bapa tidak harus bersifat materialistik semata-mata. https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=tanda+hubung&d=175768&
23.	Tarikh: 30 September 2022	
24.	Perkataan persen, detil ikut bahasa ayat yang sedang digunakan.	Contoh; bahasa Inggeris <i>percent, detail</i>
25.	bahasa Inggeris	
26.	bahasa Melayu/bahasa Malaysia	
27.	bahasa Tamil/bahasa Cina dll	Merujuk kepada bahasa percakapan
28.	bahasa kebangsaan	PRPM: Bahasa kebangsaan ditulis dengan huruf awal "b" dan "k" huruf kecil kerana ia merupakan kata nama am, melainkan jika ditulis di awal ayat, huruf "b" huruf besar.
29.	subjek atau mata pelajaran	Ditulis dengan huruf besar jika merujuk kepada subjek atau mata pelajaran. Contoh: Bahasa Malaysia, Bahasa Tamil, Sains, Matematik, Pendidikan Seni Visual dll.
30.	kedudukan dalam darjah atau tingkatan	Ditulis dengan huruf besar dan diikuti dengan nombor. Contoh: Tahun 1, Darjah 2, Tingkatan 3, Tingkatan 5, Form 1 dll.
31.	MoU	
32.	CapEx	
33.	tuan-tuan	
34.	puan-puan	

35.	sijil, diploma, ijazah	Untuk maksud umum perlu ditulis dengan huruf kecil. Jika nama kursus secara khusus, perlu ditulis dengan huruf besar. Contoh: Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-kanak Diploma Sains Aktuari
36.	bumiputera	
37.	urus setia	
38.	Peribahasa (Diletakkan tanda petik berganda, tidak perlu italik dan tidak perlu huruf besar)	"alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan" "retak menanti belah" "alah membeli, menang memakai" ""laut mana yang tak berombak, bumi mana yang tak ditimpa hujan"
39.	Slogan / tema (Diletakkan tanda petik berganda, tidak perlu italik dan perlu ditulis huruf besar)	Slogan dan tema, ditulis secara <i>Capitalized Each Word</i> seiring dengan gaya pemakaian slogan, tema dalam surat rasmi berdasarkan Arahan Pentadbiran Ketua Pengarah Mampu Bilangan 5 tahun 2014. Contoh: Sambutan majlis yang turut melibatkan kehadiran Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, YBhg. Dato' Sri Mohd Shafiq Abdullah ini mendukung tema atau slogan " Hendak Seribu Daya " yang diinspirasikan daripada peribahasa Melayu, "hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih" sebagai iltizam DBP untuk melaksanakan pembaharuan dan penambahbaikan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam dengan memperkasakan budaya inovasi dan kreativiti.
40.	Simpulan bahasa (Diletakkan tanda petik berganda " " ", tidak perlu italik dan tidak perlu huruf besar)	Contoh: "batu api", "kecil hati", "membanting tulang", "gulung tikar"
41.	Ayat bahasa Inggeris yang diapit dengan bahasa Melayu	Letak sempang dan italik kan perkataan Inggeris Contoh: meng- <i>introduce</i> -kan, <i>expose</i> -kan, di- <i>confirm</i> -kan, meng- <i>upgrade</i> -kan
42.	Perkataan bahasa Inggeris yang disebut berulang sebagai menunjukkan banyak	Tidak boleh diletak sempang (-) letak tanda koma (,) Contoh : Banyak jenis batu permata <i>diamond</i> , <i>diamond</i> yang bertaburan, dikutip.
43.	Nama dan gelaran	Muhammad bin Abdullah Jason anak John John Ravi a/l Muthu Dewagi a/p John Ravi Hajah, Haji - <i>taip penuh bukan Hj. Hjh.</i>

44.	Gelaran profesional	Dr. Ir. Ar. Sr. Tr. PhD.
45.	Penggunaan tanda kurungan ()	Tanda kurungan adalah pada perkataan akronim – contoh : (AIPA) <i>AIPA- ASEAN Inter-Parliamentary Assembly</i> <i>atau</i> <i>ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA)</i>
46.	Penggunaan tanda soal (?)	Contoh : Benarkah YB? Betulkah? Siapa yang terlibat? <i>Jangan banyak tanda soal, gunakan tanda koma (,)</i> Benarkah YB, betulkah, siapakah yang terlibat?
47.	Penggunaan kata “se”	Contoh : se-Malaysia, seTanah Melayu
48.	Penggunaan tanda sempang (-)	Contoh : Kali ke-10, RMKe-13, hamba-Nya, Tuhan-ku 60-an, anti-Amerika, Se-Malaysia
49.	Penggunaan tanda noktah bertanda (:)	Contoh : Di dalam beg ini ada: (i). buku; (ii), pen; dan (iii). kertas Kita suka membantu orang yang dalam kesusahan: sikap yang disukai.
50.	Perkataan “tetapi”	“tetapi” merupakan kata hubung. Ia tidak boleh diletak pada permulaan ayat. Contoh : Saya suka makan nasi. Tetapi saya suka makan nasi lauk kari. <i>Sunting ayat</i> Saya suka makan nasi, tetapi saya suka makan nasi lauk kari. Sambung jadikan satu ayat dan tambah tanda koma “,” sebelum perkataan “tetapi”.
51.	Pada perkataan “e-” dalam bahasa Melayu; bahasa Inggeris:	Contoh : e-dagang, e-dompet, e-MAS <i>e-hailing, e-invoice</i>
52.	- Mata angin : - Kawasan / tempat :	Contoh : utara, selatan, timur, barat, timur laut, barat daya Contoh : Pantai Barat, Malaysia Timur, Perak Tengah, Kuala Lumpur Utara

	- Lain-lain	Contoh : budaya Barat, pengaruh adat Timur, negara Barat, Timur Tengah
--	-------------	---

19. Akronim Kementerian, Jabatan dan Agensi

(Akronim kementerian, jabatan dan agensi ditulis dengan huruf besar semuanya)

KEMENTERIAN

KEMENTERIAN		KEMENTERIAN	
Kementerian Kewangan	MOF	Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam	NRES
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah	KKDW	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi	KUSKOP
Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air	PETRA	Kementerian Pendidikan Tinggi	KPT
Kementerian Pengangkutan	MOT	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya	MOTAC
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan	MAFS	Kementerian Komunikasi	KKOM
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	KPKT	Kementerian Pendidikan	KPM
Kementerian Luar Negeri	KLN	Kementerian Perpaduan Negara	KPN
Kementerian Kerja Raya	KKR	Kementerian Belia dan Sukan	KBS
Kementerian Dalam Negeri	KDN	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup	KPDN
Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri	MITI	Kementerian Perlindungan dan Komoditi	KPK
Kementerian Pertahanan	MINDEF	Kementerian Digital	KD
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	MOSTI	Kementerian Kesihatan	KKM
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	KPWKM	Kementerian Ekonomi	KE
Jabatan Perdana Menteri	JPM	Kementerian Sumber Manusia	KESUMA

JABATAN / AGENSI

JABATAN / AGENSI		JABATAN / AGENSI	
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	SPRM	Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia	SPR
Jabatan Audit Negara	JAN	Jabatan Pendaftaran Malaysia	JPN
Jabatan Peguam Negara	AGC	Jabatan Imigresen Malaysia	JIM
Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara	LPPKN	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan	MAIWP
Angkatan Tentera Malaysia	ATM	Tentera Darat Malaysia	TDM
Tentera Udara Diraja Malaysia	TUDM	Tentera Laut Diraja Malaysia	TLDM
Jabatan Agama Islam Selangor	JAIS	Majlis Agama Islam Selangor	MAIS
Majlis Agama Islam Negeri	MAIN	Jabatan Agama Islam Negeri	JAIN
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia	JAKIM	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan	FELDA
Wilayah Ekonomi Pantai Timur	ECER	Wilayah Ekonomi Koridor Utara	NCER
Koridor Pembangunan Sabah	SDC	Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak	SCORE
Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah	RECODA	Jabatan Akauntan Negara Malaysia	JANM
Jabatan Kastam Diraja Malaysia	JKDM	Majlis Amanah Rakyat	MARA
Jabatan Kemajuan Masyarakat	KEMAS	Pejabat Pendidikan Daerah	PPD
Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia	JAKOA	Majlis Peperiksaan Malaysia	MPM
Jabatan Kerja Raya	JKR	Jabatan Pengairan dan Saliran	JPS
Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)	KWSP	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia	LHDN
Bank Negara Malaysia	BNM	Maktab Rendah Sains MARA	MRSM
Malaysian Investment Development Authority	MIDA	Malaysia External Trade Development Corporation	MATRADE
Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia	MARDI	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan	FAMA
Lembaga Lebuhraya Malaysia	LLM	Jabatan Laut Malaysia	JLM
Jabatan Pengangkutan Jalan	JPJ	Jabatan Landskap Negara	JLN
Biro Siasatan Kemalangan Udara	BSKU	Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang	PERDA
Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam	LPPSA	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	DVS

JABATAN / AGENSI		JABATAN / AGENSI	
Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)	KWAP	Perbadanan Insurans Deposit Malaysia	PIDM
Pihak Berkuasa Penerbangan Awam	PBPA	Pihak Berkuasa Penerbangan Awam	CAAM
Suruhanjaya Penerbangan Malaysia	SPM	Suruhanjaya Penerbangan Malaysia	MAVCOM
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta	JPPH	Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa	ICAO
Lembaga Pembangunan Langkawi	LADA	Konvensyen Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa	ICAOC
Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah	RISDA	Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa	PPAA
Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah	KETENGAH	Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia	MIROS
Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan	KESEDAR	Agensi Pengangkutan Awam Darat	APAD
Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah	KEDA	Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan	LPKP
Lembaga Kemajuan Johor Tenggara	KEJORA	Perbadanan Aset Keretapi	RAC
Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia	NAHRIM	Pengurusan Aset Air Berhad	PAAB
Bahagian Bekalan Air	BBA	Indah Water Konsortium	IWK
Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia	SEDA	Malaysia Programme Office for Power Electricity Reform	MyPower
Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara	SPAN	Biro Siasatan Kemalangan Udara	BSKU
Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia	MAQIS	Lembaga Totalisator Malaysia	LTM
Lembaga Arkitek Malaysia	LAM	Lembaga Jurutera Malaysia	LJM
Malaysia Productivity Corporation	MPC	Lembaga Juruukur Bahan Malaysia	LJBM
Jabatan Perkhidmatan Pembetungan	JPP	Institut Maritim Malaysia	MIMA
Suruhanjaya Sekuriti Malaysia	SC	Suruhanjaya Tenaga	ST
Malaysian Industrial Development Finance Berhad	MIDF	Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan	Labuan FSA

[illegible]

GLOSARI :

- 11(1)
- 11(5)
- 12(1)
- 18(1)
- 36(6)
- *adjourne*
- Ahli Dewan Negara
- Ahli Dewan Rakyat
- Ahli Parlimen
- Ahli-ahli Hadir
- Ahli-ahli Hadir Bersama
- Ahli-ahli Menyokong
- Ahli-ahli Tidak Bersetuju
- Ahli-ahli Tidak Hadir
- Ahli-ahli Tidak Mengundi
- akta
- Akta Ibu
- angkat sumpah
- *ante chamber*
- atas masalah
- Aturan Urusan Mesyuarat
- Aturan Urusan Mesyuarat Kamar Khas
- Bacaan Kali Yang Kedua
- Bacaan Kali Yang Ketiga
- Bacaan Kali Yang Pertama
- *backbencher*
- badan perundangan
- bahas
- Bajet
- belah bahagi
- belah bahagian
- belanjawan
- bentang
- Bentara
- berbahas
- berdebat
- berhujah
- berkehendak disegerakan
- bersakit-sakit hati
- BERSATU
- Bersatu 
- bersesama
- bersidang
- bersidang semula
- bertanyakan
- Beta 
- bidang kuasa
- bil
- bil biru
- bilangan
- Bilik Jawatankuasa
- blok
- Blok Kerajaan
- Blok Pembangkang
- bubar
- Buku Sumpah
- Buku Undi-undi
- Butiran
- cadang
- *caretaker government* 
- Cawangan Dokumentasi
- Cawangan Penyata Rasmi
- celahan
- cetak
- cokmar
- cukup bilangan
- dalam Kamar
- darurat
- dasar
- dasar kerajaan
- debat
- demokrasi berparlimen
- demokrasi terpimpin
- dengan izin
- Dewan Negara
- Dewan Rakyat
- Dewan riuh
- Dewan tepuk
- dibahaskan
- dibentang
- dicabar
- dicelah
- digantung
- dikuatkuasakan
- di-Pertua
- diputuskan
- Diraja
- disambung semula
- disampuk
- doa
- Dokumentasi
- Duli Yang Maha Mulia (DYMM)
- editor
- eHansard
- enakmen
- eParlimen
- ePortal
- ex officio
- fasal
- gantung
- *Hansard*
- hendaklah diputuskan
- hujah
- ikrar
- imuniti
- iring
- Istiadat Pembukaan Parlimen
- Jadual
- jalan-jalan
- Jalan Persekutuan
- jata negara
- jawab lisan
- jawab mulut
- jawapan bertulis
- Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara
- Jawatankuasa Pemilihan (JKP)
- Jawatankuasa Pilihan

- Jawatankuasa Pilihan Khas (JKPK)
- jubah
- Jurubahasa Serentak
- Kabinet
- kali ini
- Kamar Khas
- kata-demi-kata
- Keistimewaan Ahli Parlimen
- Kepala
- Kepala Pembangunan
- kepentingan orang ramai
- Kerajaan Malaysia
- Kerajaan Perpaduan
- Kerajaan Persekutuan
- kertas biru
- kertas merah jambu
- kertas penyata
- Kertas Perintah
- Kertas Pindaan
- Kertas Putih
- kertas undi
- kertas usul
- Kerusi Speaker
- Ketua Blok
- Ketua Pembangkang
- korum
- kurang jelas
- lafaz Sumpah
- lakri
- laporan
- Laporan Penyata Rasmi
- majlis
- Majlis - merujuk kepada Majlis Parlimen
- Majlis Mengangkat Sumpah (MMS)
- Majlis Parlimen
- makluman
- maklumat
- *Malay Law Journal (MLJ)*
- mandat
- meja Mesyuarat
- meja lipat / meja rehal (*digunakan oleh Ahli meletak kertas ucapan/ dokumen*)
- memaklumkan
- memanggil
- memanggil Mesyuarat
- membentang
- membubarkan
- memperkenalkan
- memprorog
- memutuskan
- menarik balik
- menasihati
- mencadangkan
- mencelah
- menetapkan
- menetapkan bahawa
- mengemukakan
- menggulung
- menghina
- menghina Majlis
- mengiring
- mengusulkan
- menjawab
- Menteri
- menyampuk
- menyokong
- Mesyuarat Khas
- Mesyuarat Khas
- *Ministry Question Time (MQT)*
- minum air
- mohon menyokong
- *Multimedia Indexing Minutes (MIM)*
- Nota Speaker
- notis
- pada Mesyuarat
- pantun
- Parlimen Belia
- Parlimen hibrid
- Parlimen Kelima Belas
- Parlimen Mahasiswa
- parti
- pegawai bertugas
- Pelapor Perbahasan Parlimen
- pemberita
- pembubaran
- pemilu
- penangguhan
- pencatat
- penggal
- Penggal Kedua
- Penggal Ketiga
- Penggal Parlimen
- Penggal Pertama
- penggulungan
- penghitung
- Penyata
- penyata
- peraturan mesyuarat
- Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara
- Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat
- perbahasan
- Peringkat Dasar
- Peringkat Jawatankuasa
- perkara
- perkenan
- perlembagaan negara
- Perlembagaan Persekutuan
- perlu disegerakan
- Persekutuan
- Persidangan Speaker-speaker Se-Malaysia
- pertua
- perutusan
- peti undi
- petua
- pilihan raya
- Pilihanraya - nama khas

- pindaan
- *political mileage*
- *political will*
- portal
- *portion*
- *precedent*
- proklamasi
- *prorogue*
- *Public Account Committee* (PAC)
- rang undang-undang
- ranking – *tidak perlu italik*
- *rappoteur*
- risalah
- risalat
- riuh
- RMKe-12
- RMKe-13
- *Rolling Plan*
- Rukun Negara
- *ruling*
- Sabah Maju
- Sabah Maju ➡
- Saksi-saksi
- sampuk
- sangkaan
- sangkaan jahat
- *Segulai Sejalai* ➡
- sejumlah
- seksyen
- Seksyen Penyata Rasmi
- se-Malaysia ➡
- sementara
- Senator
- sesegera mungkin
- sesi
- sesi Parlimen
- Sesi Soalan Menteri
- Setiausaha Dewan
- sidang
- sidang serentak
- *sini die (mesyuarat ditangguhkan)*
- sokong
- statut
- sub-editor
- *subjudice*
- subjudis
- tafakur
- takwim
- tamat
- tangguh
- tangguhan
- tarik balik
- tekad politik
- tempoh
- tepuk
- tiada halangan
- tidak jelas
- Timbalan Menteri
- Timbalan Pengerusi
- titah
- Titah Diraja
- Titah Diraja
- Titah Perintah
- tribunal
- Tribunal Siasatan Diraja
- Tuan Pengerusi
- Tuan Yang di-Pertua
- Tuan Yang Terutama (TYT)
- tuduhan liar
- tukul (*alat pengetuk yang digunakan oleh Speaker*)
- ucapan
- Ucapan Penangguhan
- undang-undang
- undi
- undi bersurat
- undi-undi
- *unparliamentary words*
- urus setia
- Usul – merujuk kepada satu usul
- Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja
- usul penangguhan
- Usul Penangguhan Mesyuarat
- verbatim
- *vote and proceeding*
- wakil kementerian
- Wakil Rakyat
- *whip*
- Yang Berhormat

PERKATAAN BM / BI / B. ARAB

bunyi sama

Mengutamakan perkataan bahasa Melayu, terutama jika Ahli sedang berucap dalam bahasa Melayu, maka perlu dieja dalam bahasa Melayu

- agenda / *agenda*
- akauntabiliti / *accountability*
- akuakultur / *aquaculture*
- aparteid / *apartheid*
- artifisial / ***artificial***
- atlet / *athlete*
- bajet / *budget*
- bankrap / *bankrupt*
- bias / *bias*
- biologi / *biology*
- bit / *bit*
- bom / *bomb*
- buli / *bully*
- corot / curut – *beza maksud*
- dam / *dam*
- dam / *dumb* – *beza maksud*
- delima / dilema – *beza maksud*
- demografi / *demography*
- detil / *detail*
- dot / *dote*
- domestik / *domestic*
- drakula / *dracula*
- dron / *drone*
- estet / *estate*
- ekspso / *expo*
- elektrik / *electrical*
- elit / *elite*
- elemen / ***element***
- entiti / *entity*
- enrolmen / ***enrollment***
- empati / *empathy*
- empirikal / ***empirical***
- fatal / *fatal*
- feet / *feat* – *beza maksud*
- felo / *fellow*
- fi / *fee*
- fiq / *fiqh*
- flat / *flat*
- floor / *flour* – *beza maksud*
- fokus / *focus*
- forum / *forum*
- fraud / *fraud*
- gas / *gas*
- gengster / *gangster*
- genosid / *genocide*
- **jeneral** / ***general*** – *beza maksud*
- global / *global*
- hab / *hub*
- hibrid / *hybrid*
- hipokrit / *hypocrite*
- horizontal / *horizontal*
- imuniti / *immunity*
- infak / *infaq*
- influencer / *influenza* – *beza maksud*
- instrumen / *instrument*
- internet / *internet*
- Islamik / *Islamic*
- jem / *jammed*
- junior / *junior*
- kapital / *capital*
- kelim / *claim*
- kios / *kiosk*
- kit / *kit*
- kohort / ***cohort***
- konflik / ***conflict***
- Komanwel / *Commonwealth*
- komited / *committed*
- komiti / *committee*
- kompelin / *complaint*
- kompeni / *company*
- kompli / *complete*
- komplemen / *complement*
- kompleks / ***complex***

- kontraktor / *contractor*
- kondem / *condemn*
- kontrol / *control*
- korpus / *corpus*
- korum / *quorum*
- kos / *course* – beza maksud
- kot / *coat*
- klien / *client*
- kredit / *credit*
- krim / *cream*
- kripto / *crypto*
- kritikal / *critical*
- landskap / *landscape*
- lobi / *lobby*
- lokal / *local*
- mandatori / *mandatory*
- market / *market*
- melawan / *versus*
- mikro / *micro*
- mikrokredit / *microcredit*
- milenial / *millennial*
- moto / *motto*
- multinasional / *multinational*
- okey / *okay*
- ombudsman / *ombudsman*
- operasional / *operational*
- opsyen / *option*
- paip / *pipe*
- paradigma / *paradigm*
- parol / *parole*
- pelan / *plan*
- penalti / *penalty*
- persen / *percent*
- pertua / *petua* – beza maksud
- petrol / *patrol* – beza maksud
- pin lapel / *lapel pin*
- plastik / *plastic*
- plot / *plot*
- poin / *point*
- polisi / *policy*
- populis / *populist*
- pool / *pull* – beza maksud
- pot / *port*
- praktikal / *practical*
- praktis / *practice*
- projek / *project*
- prorog / *prorogue*
- prospek / *prospect*
- publik / *public*
- rak / *rack*
- repot / *report*
- republik / *republic*
- respons / *respond*
- respek / *respect*
- restoran / *restaurant*
- royalti / *royalty*
- sandwic / *sandwich*
- sekretariat / *secretariat*
- sekular / *secular*
- seksyen / *section*
- sektoral / *sectoral*
- sen / *cent*
- senior / *senior*
- sentral / *central*
- sentrik / *centric*
- setel / *settle*
- siber / *cyber*
- siling / *ceiling*
- sivil / *civil*
- sivik / *civic*
- skeptikal / *sceptical*
- speaker / *speaker*
- spesial / *special*
- spesialis / *specialist*
- skil / *skill*
- statutori / *statutory*
- strata / *strata*
- stok / *stock*
- studen / *student*
- subjek / *subject*
- subjudis / *subjudice*
- syiling / *siling* – beza maksud
- taktik / *tactics*

- takwim / *taqwim*
- *tarjeh* / *tarjih*
- team / *team*
- *this* / *these*
- tip / *tips*
- torium / *thorium*
- total / *total*
- trafik / *traffic*
- transformatif / *transformative*
- transplan / *transplant*
- trend / *trend*
- trip / *trip*
- triti / *treaty*
- varieti / *variety*
- vertikal / *vertical*
- vesel / *vessel*
- viral / *viral*
- volum / *volume*
- waled / *wallet*

PENULISAN YANG BETUL:

- aeroangkasa
- *ad hoc*
- adalah,
- Agong – *khas untuk Yang di-Pertuan Agong*
- agropelancongan
- agromakanan
- Agrobank
- agung – *mesyuarat / perhimpunan*
- *air con*
- Akta Kanak-kanak
- Almarhum
- Almarhumah
- *along* – *bahasa Cina: ceti*
- ali baba
- ambalat – *ambang batas laut*
- anti-rasuah
- anti-lompat
- antirasuah – *kalau nama khas*
- automotif
- bandar raya
- Bandaraya Kuala Lumpur
- batok
- batuk
- Benua Afrika
- Benua Australia
- berkongkalikung
- *Bismillahirrahmanirrahim*
- *bona fide*
- COVID-19
- dikemas kini
- dikemaskinikan
- dwi- (*dwi-warganegara*)
- eMAS
- e-mel / *email*
- Fasa II / Fasa 2 – *merujuk nama projek*
- fasa satu
- *forum shopping*
- *faqih*
- *gerrymandering*
- *halalan toyyiban*
- hufaz
- Jawatankuasa - *jika ucapan jelas merujuk kepada jawatankuasa yang dimaksudkan.*
- **Jeneral**
- **Kabinet – merujuk pada Jemaah Menteri kerajaan**
- kalender / *calendar*
- kanak-kanak
- kemas kini
- Kepulauan Balkan
- Kepulauan Indonesia
- Kerajaan MADANI
- kereta api
- keretapi - *nama khas*
- kongkalikung
- laih - @daif
- lakuna / *lacuna*
- lebuhraya
- Lebuhraya Timur-Barat – *nama khas*
- Majlis Raja-Raja
- *mala fide*
- Malaysia Barat
- Malaysia Timur
- *mandamus – we command*
- masa ke-semasa
- menasihati
- mengehendkan
- menguar-uarkan
- menyatakan,
- modus operandi
- Muslim
- negara Barat
- negara Eropah
- negara Timur Tengah
- negeri-negeri Semenanjung
- *One Stop Center*
- *ouster clause – privative clause*
- Pantai Barat
- Pantai Timur
- **penandaarasan**
- pelan
- pengantunan

- Perlembagaan Persekutuan (PP)
- peroleh
- pra-bina
- prasyarat
- rang undang-undang
- Rang Undang-undang Perlembagaan
- Ramadan
- Rantau Asia Tenggara
- reda
- *Segulai Sejalai*
- Semenanjung Malaysia
- Senarai Bersama – *PP*
- Senarai Negeri - *PP*
- Senarai Persekutuan - *PP*
- Senarai Perundangan - *PP*
- seyogia
- Singapore - *dikekalkan tanpa italik*
- Singapura
- sosioekonomi
- sosiopolitik
- swalayan
- swasembada
- swakarya
- swalayan
- taakul
- taakulan
- tanah air
- Tanah Melayu
- *task force*
- tatakelola
- tempasal
- temu duga
- tetapan
- ..., tetapi
- *trending*
- Tuan Pengarah - *jika ucapan memaksudkan "tuan pengarah" tersebut.*
- Tuan Yang Terutama
- Tuhan-ku
- uar-uarkan
- untuk-Mu – *rujuk pada Allah / tuhan*
- untuk-mu – *rujuk pada manusia / makhluk*
- Yang di-Pertuan Agong
- Yang di-Pertuan Negeri

AKRONIM –

Ambang batas laut (Ambalat)

ASEAN Inter- Parliamentary Association
(AIPA)

Asian Forum of Parliamentarians on
Population and Development
(AFPPD)

Commonwealth Parliamentary Association
(CPA)

Conference of Speakers and Presiding
Officers of the Commonwealth
(CSPOC)

Inter-Parliamentary Union (IPU)

Free Trade Agreement (FTA)

Fear of Missing Out (FOMO)

Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia
(KPPM)

Parliamentary Union of Islamic Country
(PUOIC)

Parlimen Belia Malaysia (PBMy)

Peraturan Mesyuarat (P.M.)

**Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
(PBB)**

Penglibatan Ibu Bapa, Komuniti dan
Swasta (PIBKS)

Model Law on Cross-Border Insolvency
(MLCBI)

*United Nations Commission on
International Trade Law*
(UNCITRAL)

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara
(SPAN)

Tahun Melawat Malaysia 2026
(TMM 2026)

Tuan Yang Terutama (TYT)
Yang di-Pertua Dewan Negara
(YPDN)

Yang di-Pertua Dewan Rakyat
(YPDR)

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara
(TYPDN)

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat
(TYPDR)

INFO...**BERKAITAN penerbitan verbatim penyata rasmi:**

Jumlah verbatim yang diterbitkan oleh Seksyen Penyata Rasmi, merujuk pada Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara dan Dewan Rakyat serta Perlembagaan Persekutuan iaitu:

1. Laporan Penyata Rasmi Dewan Negara **(P.M. 9)**
2. Laporan Penyata Rasmi Dewan Rakyat **(P.M. 10)**
3. Laporan Penyata Rasmi Kamar Khas **(P.M. 10)**
4. Laporan Penyata Rasmi Majlis Mengangkat Sumpah (Ketika Majlis dalam tangguhan [**Perkara 59(1) P.P. dan P.M. 4(1) dan 4(3)**])
5. Laporan Penyata Rasmi Jawatankuasa Bersama Dewan Negara dan Dewan Rakyat
6. Laporan Penyata Rasmi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara **(P.M. 109)**
7. Laporan Penyata Rasmi Jawatankuasa Pilihan Dewan Negara **(P.M. 83, 84, 85 dan 86 – 4 JK Pilihan)**
8. Laporan Penyata Rasmi Jawatankuasa Pilihan Dewan Rakyat **(P.M. 108, 110, 111 dan 112 – 5 JK Pilihan termasuk PAC)**
9. Laporan Penyata Rasmi Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Negara **(P.M. 87 – setakat ini 3 Jawatankuasa Pilihan Khas)**
10. Laporan Penyata Rasmi Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat **(P.M. 113 – setakat ini 10 Jawatankuasa)**
11. Verbatim Persidangan Speaker-speaker Se-Malaysia

Total dokumen verbatim yang diterbitkan sebanyak 29 buah.


Sumber: eParlimen – Laporan Penyata Rasmi



PANDUAN

PENYEDIAAN VERBATIM PENYATA RASMI (HANSARD):

Format Gaya Parlimen Malaysia



eISBN 978-629-98706-6-1



9 786299 870661